

**MAHATHIR DI MATA UMUM**





# MAHATHIR DI MATA UMUM

ZAHIDI DATO' ZAINOL RASHID



KOPERASI SERBAGUNA PENULIS UTARA MALAYSIA BERHAD  
(KOPEN)  
1999

## Diterbitkan

Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad  
135, Aras 2, Kompleks Alor Setar  
Lebuhraya Darul Aman  
05100 Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
Tel:04 7339234 Fax:04 7349046

@ Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad

## Cetakan Pertama 1999

*Hak cipta terpelihara. Setiap Bahagian terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.*

## Pustaka Negara Malaysia

Data Direktori dalam-Penerbitan  
Zahidi Dato' Haji Zainol Rashid, 1953-  
Mahathir di mata umum/Zahidi Dato' Haji  
Zainol Rashid

ISBN 983-99484-1-7

1. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, 1925-
2. Prime Ministers - Malaysia - Biography.
3. Malaysia - Politics and government.
4. Leadership - Malaysia - Biography. I. Judul 923.595

## Rekabentuk/Grafik

Zahir Haji Saleh  
Perunding Rekabentuk, Grafik/Penerbitan  
Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad  
135, Aras 2, Kompleks Alor Setar  
Lebuhraya Darul Aman  
05100 Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
Tel:04 7339234 Fax:04 7349046

## Dicetak oleh

Public Press (Kedah) Sdn. Bhd.12625/22  
8,9 & 10 Batu 4, Jalan Sungai Korok  
05400 Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
Tel: 04 7642888

ISBN 983-99484-1-7



9 789839 948417



## 1 Mahathir Cemerlang, Malaysia Gemilang ✓

8 - 21



## 2 Che Det

22 - 33



## 3 Zaman Persekolahan

34 - 43



## 4 Zaman Penjajahan ✓

44 - 51



## 5 Pekan Rabu

52 - 59



## 6 Dari Kilang Ais ke Medical College

60 - 67



## 7 Doktor UMNO ✓

68 - 73



## 8 Pondok Maharizan

74 - 79



## 9 Aktivis Politik

80 - 89



## 10 Di Hujung Pena

90 - 95



### 11 Di Masa Lapang

96 - 99



### 12 Kegiatan Awal UMNO

100 - 103



### 13 Liku-Liku Perjalanan ke Puncak

104 - 109



### 17 Bakti Gemilang, Jasa Dijulang

PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA  
150 - 155



### 18 Apa Orang Lain Kata

156 - 161

# luh s a n



### 14 Penyertaan dalam Kabinet

110 - 115



### 15 Sri Perdana

116 - 143



### SUARA KECIL DARI KUBANG PASU

Mekalah di kau bunga bangsa untuk suntingan dunia

### 16

144 - 149



### Mahathir Yang Saya

### 19 Kenali

162 - 175



### 20 Mahathir Dalam Dunia Kreatif

176 - 183

30/2595  
MAH-C  
f

# Prakata

Buku ini diterbitkan bagi mengenang jasa kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia. Buku ini memuatkan catatan-catatan biografi Perdana Menteri sejak dilahirkan, keluarga, zaman persekolahan, zaman Jepun, ketika di Universiti Malaya (Singapura) dan kerjaya beliau sebagai seorang doktor.

Agak menarik buku ini ialah pendekatan sejarah lisan dalam mengimbas kembali kenangan silam Perdana Menteri. Anekdote-anekdot menarik dirakam kembali melalui catatan dan rakaman

yang dibincangkan dengan kakak-kakak dan abang-abang beliau. Rakam persekolahan di Kolej Sultan Abdul Hamid dan ketika di Universiti Malaya (Singapura). Guru-guru di zaman persekolahan turut mengimbas kenangan dan menceritakan bakat awal dan keintelektualan beliau.

Dr. Mahathir turut terlibat dalam Kesatuan Pemuda Melayu Kedah, Kesatuan Melayu Kedah, Seberkas dan UMNO. Buku ini mencatatkan temuramah dan kisah-kisah menarik dan suka duka yang didapati dari teman-teman seperjuangan. Kegiatan awal beliau dalam politik bermula sebagai Ahli Parlimen Kota Setar Selatan pada tahun 1964. Suka duka pilihanraya 1969 dan pengasingan Dr. ketika di pecat

dalam UMNO. Penyertaan beliau dalam Kabinet ketika ditawarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Menteri Pelajaran Terpilihnya Dr. sebagai Timbalan Perdana Menteri kepada Allahyarham Tun Hussein Onn.

Dr. Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia dan perkembangan dan kemajuan yang dicapai selama 17 tahun lebih menerajui kepimpinan negara. Kepetahan dan kelantangan menyuarakan suara dunia ketiga dan pengiktirafan-pengiktirafan yang diterima diperingkat nasional dan antarabangsa.

Tujuan ditulis buku ini ialah supaya rakyat Malaysia boleh mengasihi pemimpin mereka dengan lebih dekat apabila mengetahui sejarah latar

belakang kehidupannya. Tidak banyak buku yang ditulis orang menghurai tentang sudut-sudut keperibadian Dr. Mahathir yang selama ini tidak diketahui umum misalnya tentang zaman kanak-kanak dan latar belakang keluarganya, pembentukan sikap dan pandangan politiknya sebelum dia menceburi bidang itu, pengalaman persekolahannya dan kehidupannya sebagai siswa di Singapura dan ciri-ciri sebagai suami, bapa dan sebagainya. (Zainuddin Maidin: 1994).

Biografi ini menonjolkan zaman remajanya secara meluas dan terbuka supaya lebih ramai generasi muda mengenali sejarah pemimpin terulung negara. Buku ini adalah untuk tatapan generasi sekarang dan generasi akan datang sebagai

sebuah karya yang dapat mengabadikan diri sebagai pemimpin terkemuka abad ini. Lanya dapat memberi pendedahan kepada golongan pelajar untuk mengetahui sejarah pemimpin negara yang disegani di peringkat antara-bangsa. Pada masa lalu rakyat akan mengasihi seseorang pemimpin kerana mereka mengetahui dan mengenali sejarah pemimpin berkenaan.

Semasa Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, pembangunan dan kemajuan sangatlah ketara. Dengan wawasan dan gagasan beliau dapat merealisasikan idea-idea dan rancangan beliau dengan tindakan beliau yang serta merta. Oleh itu sesuatu keputusan itu dapat dilaksanakan dengan cepat. Mahathir

telah berjaya merealisasikan perkara-perkara yang belum difikir dan dibayang oleh rakyat Malaysia.

Saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menulis buku ini. Setinggi penghargaan kepada Puan Hajah Mazizah Hj. Md. Darus, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah kerana memberi dorongan dan sokongan. Sebahagian besar sumber rujukan dan gambar adalah dari Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. Juga ditujukan penghargaan kepada Jabatan Penerangan Malaysia khususnya kepada Puan Hajah Musalmah bt. Muiz,

Ketua Perpustakaan Foto. Terima kasih kepada Puan Nor Janati Ibrahim, Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis.

Saya ucapkan terima kasih kepada orang perseorangan yang telah membantu menjayakan penerbitan buku ini. Mereka ialah Tun Mohamad Zahir Ismail, Dato' Dr. Ahmad Othman, Dato' Ahmad Nordin Mohd Zain, Tuan Haji Wan Shamsuddin Yusof, Tuan Haji Ismail Saleh dan lain-lain yang secara langsung dan tidak langsung menjayakan penerbitan buku ini.

ZAHIDI DATO' HJ. ZAINOL RASHID  
Januari, 1999





MAHATHIR

CEMERLANG,

MALAYSIA

GEMILANG

---

1



Tempat bermulanya Alor Setar, Kedah

Negeri Kedah Darul Aman, Jelapang Padi Malaysia adalah negeri tertua di Malaysia. Kedah wujud


di kurun ke-2 dan mempunyai keta-  
madunan yang tinggi. Juga melahirkan  
epik besar Hikayat Merong Mahawangsa  
dan terkenal dengan legenda Mahsuri  
dan Puteri Lindungan Bulan yang telah  
mewarnai sejarah, budaya dan tama-  
dunnya.

Ramai barisan tokoh-tokoh  
ternama negara adalah anak kelahiran  
Kedah. Akauntan, Doktor wanita dan  
Jurutera pertama dan juga ramai ketua-  
ketua pengarah di peringkat nasional di  
awal tahun 1960an adalah anak watan

Kedah. Ini adalah usaha gigih dan  
keprihatinan pimpinan negeri Kedah di  
bawah Hj Mohamad Sheriff, Menteri  
Besar Kedah yang pertama yang amat  
mengambil berat dalam bidang pen-  
didikan dan menghantar anak-anak  
Kedah untuk melanjutkan pelajaran ke  
luar negeri.

Kedah berbangga melahirkan  
dua Perdana Menteri Malaysia iaitu

Kedah Jelapang Padi



Bandar Alor Setar



كوپراسي فكاوي - فكاوي اكلام قرح دارالامان جرد  
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI AGAMA KEDAH DARULAMAN BHD.  
*(Perbadanan No 11739)*

1567-A, JALAN SULTAN BADLISHAH, 05000 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN. TEL: 731672

**MAHA KLINIK**

**UTUSAN**  
DOK LIT

**S**  
A KOMPUTER SDN. BHD.  
AX : 04 - 7327866

**RHS** BANGSA KOMPUTER SDN BHD  
101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 134, 135, 136, 137, 138, 139, 140, 141, 142, 143, 144, 145, 146, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 153, 154, 155, 156, 157, 158, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 166, 167, 168, 169, 170, 171, 172, 173, 174, 175, 176, 177, 178, 179, 180, 181, 182, 183, 184, 185, 186, 187, 188, 189, 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 197, 198, 199, 200, 201, 202, 203, 204, 205, 206, 207, 208, 209, 210, 211, 212, 213, 214, 215, 216, 217, 218, 219, 220, 221, 222, 223, 224, 225, 226, 227, 228, 229, 230, 231, 232, 233, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 241, 242, 243, 244, 245, 246, 247, 248, 249, 250, 251, 252, 253, 254, 255, 256, 257, 258, 259, 260, 261, 262, 263, 264, 265, 266, 267, 268, 269, 270, 271, 272, 273, 274, 275, 276, 277, 278, 279, 280, 281, 282, 283, 284, 285, 286, 287, 288, 289, 290, 291, 292, 293, 294, 295, 296, 297, 298, 299, 300, 301, 302, 303, 304, 305, 306, 307, 308, 309, 310, 311, 312, 313, 314, 315, 316, 317, 318, 319, 320, 321, 322, 323, 324, 325, 326, 327, 328, 329, 330, 331, 332, 333, 334, 335, 336, 337, 338, 339, 340, 341, 342, 343, 344, 345, 346, 347, 348, 349, 350, 351, 352, 353, 354, 355, 356, 357, 358, 359, 360, 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368, 369, 370, 371, 372, 373, 374, 375, 376, 377, 378, 379, 380, 381, 382, 383, 384, 385, 386, 387, 388, 389, 390, 391, 392, 393, 394, 395, 396, 397, 398, 399, 400, 401, 402, 403, 404, 405, 406, 407, 408, 409, 410, 411, 412, 413, 414, 415, 416, 417, 418, 419, 420, 421, 422, 423, 424, 425, 426, 427, 428, 429, 430, 431, 432, 433, 434, 435, 436, 437, 438, 439, 440, 441, 442, 443, 444, 445, 446, 447, 448, 449, 450, 451, 452, 453, 454, 455, 456, 457, 458, 459, 460, 461, 462, 463, 464, 465, 466, 467, 468, 469, 470, 471, 472, 473, 474, 475, 476, 477, 478, 479, 480, 481, 482, 483, 484, 485, 486, 487, 488, 489, 490, 491, 492, 493, 494, 495, 496, 497, 498, 499, 500, 501, 502, 503, 504, 505, 506, 507, 508, 509, 510, 511, 512, 513, 514, 515, 516, 517, 518, 519, 520, 521, 522, 523, 524, 525, 526, 527, 528, 529, 530, 531, 532, 533, 534, 535, 536, 537, 538, 539, 540, 541, 542, 543, 544, 545, 546, 547, 548, 549, 550, 551, 552, 553, 554, 555, 556, 557, 558, 559, 560, 561, 562, 563, 564, 565, 566, 567, 568, 569, 570, 571, 572, 573, 574, 575, 576, 577, 578, 579, 580, 581, 582, 583, 584, 585, 586, 587, 588, 589, 590, 591, 592, 593, 594, 595, 596, 597, 598, 599, 600, 601, 602, 603, 604, 605, 606, 607, 608, 609, 610, 611, 612, 613, 614, 615, 616, 617, 618, 619, 620, 621, 622, 623, 624, 625, 626, 627, 628, 629, 630, 631, 632, 633, 634, 635, 636, 637, 638, 639, 640, 641, 642, 643, 644, 645, 646, 647, 648, 649, 650, 651, 652, 653, 654, 655, 656, 657, 658, 659, 660, 661, 662, 663, 664, 665, 666, 667, 668, 669, 670, 671, 672, 673, 674, 675, 676, 677, 678, 679, 680, 681, 682, 683, 684, 685, 686, 687, 688, 689, 690, 691, 692, 693, 694, 695, 696, 697, 698, 699, 700, 701, 702, 703, 704, 705, 706, 707, 708, 709, 710, 711, 712, 713, 714, 715, 716, 717, 718, 719, 720, 721, 722, 723, 724, 725, 726, 727, 728, 729, 730, 731, 732, 733, 734, 735, 736, 737, 738, 739, 740, 741, 742, 743, 744, 745, 746, 747, 748, 749, 750, 751, 752, 753, 754, 755, 756, 757, 758, 759, 760, 761, 762, 763, 764, 765, 766, 767, 768, 769, 770, 771, 772, 773, 774, 775, 776, 777, 778, 779, 780, 781, 782, 783, 784, 785, 786, 787, 788, 789, 790, 791, 792, 793, 794, 795, 796, 797, 798, 799, 800, 801, 802, 803, 804, 805, 806, 807, 808, 809, 810, 811, 812, 813, 814, 815, 816, 817, 818, 819, 820, 821, 822, 823, 824, 825, 826, 827, 828, 829, 830, 831, 832, 833, 834, 835, 836, 837, 838, 839, 840, 841, 842, 843, 844, 845, 846, 847, 848, 849, 850, 851, 852, 853, 854, 855, 856, 857, 858, 859, 860, 861, 862, 863, 864, 865, 866, 867, 868, 869, 870, 871, 872, 873, 874, 875, 876, 877, 878, 879, 880, 881, 882, 883, 884, 885, 886, 887, 888, 889, 890, 891, 892, 893, 894, 895, 896, 897, 898, 899, 900, 901, 902, 903, 904, 905, 906, 907, 908, 909, 910, 911, 912, 913, 914, 915, 916, 917, 918, 919, 920, 921, 922, 923, 924, 925, 926, 927, 928, 929, 930, 931, 932, 933, 934, 935, 936, 937, 938, 939, 940, 941, 942, 943, 944, 945, 946, 947, 948, 949, 950, 951, 952, 953, 954, 955, 956, 957, 958, 959, 960, 961, 962, 963, 964, 965, 966, 967, 968, 969, 970, 971, 972, 973, 974, 975, 976, 977, 978, 979, 980, 981, 982, 983, 984, 985, 986, 987, 988, 989, 990, 991, 992, 993, 994, 995, 996, 997, 998, 999, 1000

**MAHA**

ماها كلينك  
**MAHA KLINIK**





melengkapkan Perdana Menteri kita (tiga orang kesemuanya) (Victor Morais, 1982).

(Dr. Mahathir adalah doktor pertama menjadi Perdana Menteri.) Dr. Siti Hasmah tidak pernah terfikir bahawa pada suatu hari nanti suaminya Dr. Mahathir akan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Keluarga Master Mohamad Iskandar menjangkakan terdapat seorang doktor di dalam keluarga tetapi amat berbangga melahirkan seorang Perdana Menteri. (Apabila Dr. Mahathir mengambil kuasa dalam bulan Julai 1981 daripada Hussein Onn beliauah mungkin pemimpin tunggal di rantau ini dan mungkin di dunia yang bukunya 'The Malay Dilema' diharamkan di negara sendiri. (Hassan Hj. Hamzah, 1990 : 37 - 38)

Hanya sehari selepas Dr.

Mahathir menjadi Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengarahkan supaya pengharaman tersebut dimansuhkan (Morais, 1988).

(Dr. Mahathir kini telah genap 17 tahun menjadi Perdana Menteri, pencapaian ini adalah rekod dalam sejarah politik negara. Rekod ini adalah sukar untuk ditandingi dan disamai oleh Perdana Menteri - Perdana Menteri lain. Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra memegang jawatan selama 13 tahun (Ogos 1957 - September 1970). Tun Razak Hussien menjadi Perdana Menteri kedua selama 5 tahun (September 1970 - Januari 1976) dan Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri selama 5 tahun (Januari 1976 - Julai 1981) (Camil Wariya, 1996).

Dr. Mahathir adalah merupakan anak Melayu dan Malaysia pertama

yang telah diberi pengiktirafan tinggi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu apabila beliau dipilih menjadi Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan Dadah (ICDAIT) pada Jun 1988 di Vienna, Austria. Beliau telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di peta dunia dan memimpin Malaysia ke arah pembangunan, kemakmuran dan kebanggaan.

Kejayaan ini adalah bukti bahawa Dr. Mahathir adalah negarawan dunia dan berjaya menonjolkan Malaysia di peta dunia. Seterusnya mendapat kepercayaan anggota PBB untuk menduduki Majlis Keselamatan bagi tempoh 1989 - 1990. Malaysia kini menjadi 'international player' dalam politik antarabangsa dan bukan sebagai pemerhati (Mahadzir Khir, 1996). Profil antarabangsa Malaysia turut menonjol



Menuju Wawasan 2020




CHOGM

Amanat Bangsa

dalam komuniti antarabangsa melalui aktiviti-aktivitinya dalam PBB, ASEAN, IOC, NAM, Komanwel, EAEC, Kumpulan Selatan-Selatan dan Kumpulan 15, Suara lantang Dr Mahathir terhadap isu-isu Kemboja, Palestin, Bosnia, Afghanistan, Apartheid, penyalahgunaan najis dadah, kepura-puraan dunia maju dan kuasa besar, Antartika, kebangkitan Islam, alam sekitar, bahaya nuklear adalah merupakan gema yang menggegarkan dunia (Hassan Haji Hamzah, 1990)

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan 41 tahun yang lalu setiap Perdana Menteriya telah memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan negara dan kesejahteraan rakyatnya. Nor Asmah Mokhtar dalam majalah Corporate World 1997 menyatakan 'Malaysia has had the right leader at the right time, in the right situation'.

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)





Melawat Kilang Perusahaan Otomobil Nasional.



PM lancar Proton Putra, 30hb. Disember, 1996






Perhidmatan Komuter KTM.

Jika era kepimpinan Tunku Abdul Rahman adalah satu era untuk membawa bangsa Melayu mencapai kemerdekaan, maka era kepimpinan Dr. Mahathir ialah untuk mewujudkan negara Malaysia bersatu, aman, makmur dan gemilang. Dr. Mahathir dilihat dari kejayaan dalam mengisi kemerdekaan dan mengangkat martabat negara dan bangsa di arena antarabangsa. Dr.

Keretaapi Elektrik KTM(LRT), pantas dan bebas pencemaran.







Mahathir telah membawa Malaysia ke dalam peta dunia.

Aset terbesar kepunyaan Malaysia ialah rakyatnya yang berbilang bangsa, agama dan budaya yang mempunyai disiplin, iltizam, komited dan dedikasi yang tinggi. Kesungguhan Malaysia untuk mengharungi cabaran dan mengecapi cita-citanya berlandaskan kepada slogan 'Malaysia Boleh' kini telah menjadi kenyataan. Nampaknya tidak ada apa-apa yang dapat menyekat



■ Stadium Utama Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil Lokasi Sukan Komanwel 1998 yang Ke 16.

■ Kompleks Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang KLIA

■ Pemandangan Dalam Kompleks lapangan Terbang Antarabangsa Sepang KLIA



■ Pemandangan "Lapangan Terbang Dalam Hutan"





Stadium Nasional Bukit Jalil




Menara Berkembar Petronas

Magendran Munisamy dan Mohandas Nagapan tiba di puncak Gunung Everest pada 2.15 petang waktu Malaysia pada 23 Mei, 1997.







Menara Kuala Lumpur (KLCC)

Malaysia daripada memenuhi impiannya. Malaysia berbangga mempunyai bangunan Menara Berkembar Petronas yang merupakan bangunan tertinggi di

dunia. Kemudahan infrastruktur berkembang dengan cukup pesat dengan terbinanya Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Utara Selatan dan KLIA. Malaysia sebagai negara pertanian telah berkembang kepada ekonomi industri dan kini Malaysia adalah pengeluar hawa dingin pertama di dunia. Tumpuan Malaysia kepada industri berat dan teknologi tinggi telah melahirkan projek

kereta Malaysia iaitu Proton Saga. Dengan slogan "Malaysia

Boleh" rakyat Malaysia telah berjaya mendaki Gunung Everest, mendarat di Kutub Utara dan telah sampai di Antartika.

Puncak Menara Berkembar Petronas




Dari udara Menara Berkembar Petronas



Jambatan Pulau Pinang

2

*CHE*  
*DET*





Mohamad Iskandar

Mohamad Iskandar berumur 40 tahun. (Adshead, 1989 : 27).

(Mahathir bertuah kerana sebagai anak bongsu, beliau mempunyai seorang ayah yang sudah matang di dalam

Wan Tempawan



ada suatu pagi Jumaat 20

Disember 1925 bersamaan 4 Jamadil Akhir 1344 Hijrah di No.18, Lorong Kilang Ais, Tepi Jalan Pegawai, Kampung Seberang Perak, Alor Setar kedengaran tangisan seorang bayi pemimpin di hari muka seolah-olah melaungkan kepada dunia kedatangannya. Seberang Perak menjadi terkenal kerana melahirkan ramai tokoh-tokoh ternama. Tokoh-tokoh yang pernah tinggal di Seberang Perak ialah Tun Syed Ahmad Shahabuddin, Tun Daim Zainuddin, Tan Sri Prof Emeritus Awang Had Salleh, Seniman Pengarah Omar Rojik. Antara anak Melayu pertama menjadi jurutera iaitu Abdul Hamid Abdullah adalah anak kelahiran Seberang Perak.

Dalam teks sastera Penglipur Lara seperti Hikayat Sulung Merah Muda,

kelahiran seorang bayi yang bakal menjadi wira atau pemimpin agung kelak, biasanya diiringi dengan kejadian alam luar biasa umpamanya dikatakan "tujuh bilah lantai patah, tujuh atap mengkawan patah, hujan panas di tengah hari rintik-rintik" Dan setelah lahir maka lalu "gong dan gendang serta bedil berbunyi sendiri".

(Perdana Menteri kita juga tidak kurang hebatnya, Mengikut catatan Puan Hajah Rafeah Mohamad, kakak sulung kepada Dr. Mahathir, ketika beliau dilahirkan di waktu tengah hari rembang dan sebaik-baik sahaja dilahirkan di rumah No. 18, Lorong Kilang Ais, Alor Setar, maka kedengaran bunyi meriam ditembak orang kerana masuknya waktu solat Jumaat (Wan Shamsuddin, 1997).

(Mahathir adalah anak bongsu dalam sembilan orang adik-beradik) Pada masa Mahathir dilahirkan bapa beliau





**RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR**  
**MAHATHIR'S BIRTH PLACE**

NO. 10 LAKSILA 500 700 - 680 PULAU  
JURANG  
510 700 - 11.00 TRAWAS  
510 770 - 670 PYS

WILAYAH NEGERI 510 680 TR 610 PW  
710 610  
510 680 TR 11.00 NEGR  
510 700 TR 610 PW

Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad.



Halaman Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad.

hidupnya untuk mendidiknya.

Bapa beliau sangat suka kepada nama-nama yang bermula dengan huruf "M".

Maka tidak hairanlah kalau semua anak-anak lelaki di-

namakan Murad, Mustafa, Mahadi, Mashahor dan Mahathir tetapi kesemua anak perempuan yang dilahirkan selepas itu tidak diberi nama bermulakan huruf "M". (Mustafa Ali Mohamed, 1985)


Menurut Pak Mashahor, abang Dr. Mahathir ada seorang abang beliau yang namanya tidak bermula dengan huruf "M" iaitu Omar yang telah meninggal dunia ketika kecil.

(Ibunya Wan Tempawan binti Wan Hanafi adalah berketurunan pemimpin Melayu zaman dahulu. Oleh itu darah yang mengalir dalam



Keluarga Mohamad Iskandar (1962).

badan Mahathir adalah darah pemimpin. Ibunya adalah keturunan Wan Su iaitu Dato' Temenggong Kulut, Bukit Lada, Kedah.) Di antara ahli keturunan yang sama dengannya ialah Wan Mohammad Saman orang yang memperkenalkan sistem terusan di Kedah yang namanya dirakamkan sebagai Terusan Wan Mohammad Saman.



Keluarga Mohamad Iskandar.

Bapa Dr. Mahathir, Mohammad Iskandar dilahirkan pada tahun 1880 di Pulau Pinang dan mendapat pendidikan di Penang Free School.

Bapa Mahathir ialah seorang guru sekolah Inggeris lebih dikenali sebagai "Master Mohammad Iskandar". Bapanya berasal daripada Pulau Pinang kemudiannya menetap di Alor Setar. Beliau mula menjadi guru di Sekolah Inggeris Kerajaan pada tahun 1908. Beliau adalah guru besar yang pertama disebuah sekolah Inggeris yang sekarang dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid.)

(Mustafa Ali Mohamed, 1985)

Kolej Sultan Abdul Hamid telah melahirkan tokoh ternama negara seperti bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama Almarhum Tunku





Keadaan rumah asal Dr. Mahathir Mohamad




Pandangan tepi



Ruang dapur asal

Masjid bernilai RM 2 juta sedang dalam pembinaan.





Dr. Mahathir semasa kanak-kanak.



Semasa kecil.

Melawat rumah kelahirannya.



Abdul Rahman Putra Al-Haj, beliau dimakamkan di Per-  
Almarhum Tunku Yaacob, kuburan Akar Peluru, Alor  
Bapa Pertanian Moden dan Setar. Sebuah masjid baru  
Perdana Menteri sekarang YAB bernilai RM2 juta dibina ber-  
Dato' Seri Dr. Mahathir dekatan dengan perkubur-  
Mohamad.) an ini, sebuah masjid yang

Pada tahun 1911, dinamakan 'Masjid Mohamad  
Mohammad Iskandar telah Iskandar Mas Tempawan'  
meletak jawatan dan berhijrah sebagai memperingati bapa  
ke Pahang dan menjawat jawa- dan ibu Perdana Menteri Dato'  
tan guru besar di Pekan English Seri Dr. Mahathir akan dibina  
School. Pada tahun 1914, di Jalan Teluk Kumbang, Derga  
beliau balik semula ke Kedah Alor Setar.

dan berkhidmat di Jabatan Au- K a k a k - k a k a k  
dit Negeri Kedah hingga ber- Perdana Menteri ialah Rafeah,  
sara pada tahun 1930. Habsah dan Johora. Seorang

Bapa beliau me- dari abangnya iaitu Mustaffa  
ninggal dunia pada 10 Septem- telah meninggal dunia di  
ber 1961) Manakala ibu beliau zaman pemerintahan Jepun.  
meninggal dunia pada tahun Murad juga telah pun me-  
1966. Kedua-dua ibu bapa ninggal dunia dan sebelum itu



Rafeah binti Mohamad



Habsah binti Mohamad

Mashahor bin Mohamad









Ustaz Zakaria bin Mohd Nor

pernah bekerja sebagai pegawai di Kolej Pertanian Serdang, Mahadi bekerja sebagai Pegawai Kerani di sebuah pejabat kerajaan. Sementara Mashahor bekerja sebagai pegawai di pejabat buruh. (Mustafa Ali Mohamad, 1985)

✓ Puan Habsah, kakak kedua Dr. Mahathir mengimbas kenangan bahawa adik beliau Dr. Mahathir sejak kecil sentiasa berminat untuk ingin

tahu dan tidak akan memberi jawapan "tidak". Beliau sentiasa ingin mengetahui mengapa sesuatu kejadian berlaku. Apa yang beliau hendak lakukan beliau akan lakukan. (NST 6 April 97).

Dr. Mahathir sejak kecil diajar oleh bapa beliau Master Mohamad Iskandar disiplin yang cukup ketat. Beliau hanya dibenarkan keluar bermain di halaman rumah. Kegemaran masa lapang beliau ialah bermain dam dan "snake and ladder". Beliau dibesarkan di bawah asuhan seorang ibu yang penyayang dan seorang bapa yang tegas dalam pendidikan anak-anaknya khu-

susnya dalam menyemai disiplin pada setiap ahli keluarga (Aziz Zariza, 1988 : 24).

Bapa saya berpegang kepada prinsip iaitu untuk bagi anak mengaji dan bukan duit sebab pada masa itu ada ibu bapa yang tidak

hantar anak sekolah jelas Pak Master Mohamad Iskandar membuat peraturan tetap supaya anaknya dan Dr. Mahathir, Mashahor serta Syed Ahmad Shahabudin (Tun) mengaji Quran dari Ustaz Zakaria Mohd Nor setiap hari dari jam empat hingga lima petang. Mereka belajar Quran selama tiga tahun setiap hari dan telah khatam beberapa kali. Kalau mereka ponteng

Pak Mohamed memberi kebenaran kepada Ustaz Zakaria supaya memukul mereka. Ibu beliau menentukan pada setiap hari Jumaat jam sebelas pagi supaya mereka mandi untuk bersiap menunaikan solat Jumaat.

(Nama timangan beliau ialah Che Det sebagai lambang kasih sayang dari keluarga.) (Adshead, 1989 : 26) Hubungan kekeluargaan yang akrab di antara satu sama lain berterusan sehingga Mahathir dewasa. "Mahadi, abang saya adalah seorang pelajar yang pintar." Mashahor berkata, "beliau sejak darjah satu sehingga Senior Cambridge menduduki nombor



satu dalam kelas tetapi oleh kerana beliau dilahirkan di Pahang, Haji Mohamad Shariff, Setiausaha Kerajaan pada masa itu menyatakan beliau tidak layak memasuki perkhidmatan tabdir negeri Kedah (KCS). Beliau cuma diberi jawatan sebagai odit di syarikat kerjasama. Semasa cuti sekolah bapa Dr. Mahathir akan membawa anak-anak beliau berjalan-jalan dengan menaiki keretapi ke Kuala Lumpur. Pak Mohamad berpegang kepada prinsip iaitu 'Jauh perjalanan, luas pengetahuan.' Mahadi ketika itu sedang menjalani kursus odit di Kuala Lumpur."


Semasa kecil ibu Mahathir tidak membenarkan beliau memakan ikan kerana mengikut kepercayaan orang tua-tua ikan menyebabkan cacing dan sebagainya. Setelah dewasa dan menjadi doktor, Mahathir masih tidak

makan ikan kecuali sardin, ikan bilis dan ikan kering. Satu peristiwa semasa beliau datang ke sebuah kawasan nelayan di Perak, Pegawai Daerah di situ menjamukan beliau dengan hidangan ikan terbaru. Dr. Mahathir yang tidak suka melukakan hati sesiapa makan nasi tanpa lauk tetapi dengan buah tembikai. Dr. Mahathir gemar makan nasi kandar. Makanan lain kegemaran beliau ialah sotong dan telur.

Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada zaman remaja dikenali sebagai seorang yang bersemangat tinggi dan pantas melaksanakan tugas. Dr. Mahathir dikenali di kalangan keluarga dan rakannya sebagai seorang yang sentiasa berusaha melakukan sesuatu perkara sehingga berjaya meskipun menempuhi pelbagai rintangan. Menurut kakak Perdana

Menteri, Habsah Mohamad, Dr. Mahathir ketika kecil sentiasa cuba melakukan sesuatu yang dianggap sukar sehingga membolehkannya mencapai kejayaan dalam bidang perubatan di King Edward The Seventh College of Medicine University Malaya di Singapura pada tahun 1953. Beliau berkata kejayaan Dr. Mahathir dalam bidang pendidikan banyak didorong oleh bapa mereka Mohamad Iskandar yang bertugas di Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Setar. Adik saya (Dr. Mahathir) ketika kecil memang suka belajar. Kalau ada orang kata tak boleh buat, dia akan tanya, kenapa tak boleh buat? kata Puan Habsah Mohamad, kakak Perdana Menteri.

Sejak masih kecil Dr. Mahathir telah menunjukkan watak yang terpuji dengan falsafah bahawa



■ Dr. Mahathir, Dr. Siti Hasmah,  
Marina dan Mirzan

apa jua orang lain boleh  
buat, beliau pun boleh.  
Sejarah telah tercatat bahawa  
Mahathir adalah orang yang  
pertama yang tidak ada latar  
belakang ilmu undang-  
undang untuk menjadi  
Perdana Menteri Malaysia.  
Dr Mahathir telah memeca-  
hkan cantuman monopoli  
para profesional dalam  
bidang undang-undang yang  
selama ini melengkapkan  
Perdana Menteri (tiga orang  
semuanya).



■ Dijabkabulkan pada 5 Ogos 1956



■ Mokhzani bin Mahathir



■ Marina binti Mahathir



■ Mirzan bin Mahathir

Dr. Mahathir telah mendirikan rumah tangga dengan teman pelajar ketika menuntut di Universiti Malaya, Singapura iaitu Dr. Siti Hasmah binti Mohamad Ali pada 5 Ogos 1956. Setelah mendirikan rumah tangga dengan Dr. Siti Hasmah mereka telah dikurniakan tujuh cahaya mata. Empat orang dari anak-anak mereka ialah lelaki dan tiga orang lagi perempuan.

Anak sulung mereka ialah Datin Paduka Marina, Pengerusi Yayasan Aids Malaysia. Anak-anak mereka yang lain ialah Mirzan, Melinda, Mokhzani, Mirzani, Maizura dan Mukhriz. Mirzan adalah Pengerusi Eksekutif Konsortium Perkapalan Berhad. Mokhzani adalah Pengerusi Eksekutif Tongkah Holdings Berhad dan juga bendahari Pergerakan Pemuda Umno Malaysia. Melinda adalah


surirumah sepenuh masa.

Anak-anak Dr. Mahathir kesemuanya mempunyai nama awalan yang bermula dengan huruf "M". Mengikut Dr. Siti Hasmah ada cerita menarik disebalik huruf "M" ini. Bapa mertua beliau iaitu Master Mohamad Iskandar sebagai seorang guru besar menyatakan sekiranya nama anak-anak kita bermula dengan huruf "A" sekiranya ada ujian lisan mereka terdahulu dalam senarai dan sekiranya bermula dengan huruf "Z" mereka terpaksa menunggu terlalu lama.

Oleh itu, langkah terbaik ialah memilih huruf di tengah. Sekiranya mereka hendak menyemak keputusan peperiksaan mereka hanya perlu melihat nama-nama di tengah senarai sahaja.



SEKOLAH LAKI-LAKI BERANG PERAK  
Alor Star  
Kedah



Sekolah Laki-Laki Seberang Perak

# ZAMAN

3

## PERSEKOLAHAN



Kolej Sultan Abdul Hamid

**B**eliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak dalam tahun 1932 selama 2 tahun. Rakan-rakan dalam kelas ialah seramai 22 orang. Semuanya lelaki diajar oleh seorang guru yang bernama Cikgu Omar bin Muhammad. Cikgu Omar mula mengajar pada tahun 1931 sehingga bersara pada tahun 1971.

Beliau masih ingat Dr. Mahathir tidak suka berlari ke sana ke

KSAH, Alor Setar.



mari dan tidak menimbulkan sebab untuk dikenakan rotan atau di denda 'ketuk ketampi'. Masa berkhata Dr. Mahathir enggan dipegang-pegang oleh sesiapa tetapi membenarkan Cikgu Omar sahaja memegangnya. (Dato' Seri Mahathir : This is your life, 1992)

Kemudian beliau meneruskan pelajarannya di sebuah sekolah Inggeris Kerajaan sebaik memasuki tahun dua di Alor Setar yang mana sekarang dikenali sebagai Maktab Sultan Abdul Hamid pada tahun 1934. Dato' Mohd Zain Rashid, bekas guru Perdana Menteri mula mengajar Dr Mahathir di tahun dua sehinggalah tingkatan lima. Dato' Zain mengajar bahasa Inggeris X

Pada waktu itu, menurut Mr Zain, Perdana Menteri memang sudah menunjukkan beberapa ciri kelainan sejak di sekolah rendah. Dr. Mahathir membawa beg yang selalu penuh




Cikgu Omar bin Muhammad

dengan buku. Dr. Mahathir tidak gemar duduk di belakang atau di depan sebaliknya di tengah-tengah kelas. Dato' Mohd Zain yang dipanggil 'Master' oleh murid-muridnya menyatakan bahawa Dr. Mahathir jarang mengangkat tangan

Dato' Mohd. Zain bin Rashid





Jawatankuasa Literary & Debating Society, 1946.



di dalam kelas, tetapi beliau biasanya akan menjawab soalan pengetahuan am yang budak lain tidak tahu jawab. Beliau juga mengingati mengenai sifat Dr. Mahathir yang agak berbeza daripada murid lain iaitu menghormati guru.

dalam penguasaan Bahasa Inggeris sehingga pernah dilantik menjadi editor majalah sekolah. (Berita Minggu: 22 Feb, 1998)

(Semasa belajar di kolej Dr.

Mahathir masih juga murid yang



Pasukan rugby Kolej Sultan Abdul Hamid

Dr. Mahathir amat aktif berbahas dan beliau menyertai hampir semua acara perbahasan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Menurut Dato Mohd Zain Dr. Mahathir memang mempunyai kekuatan yang cukup tinggi

pandai dan rajin membaca. Di kolej beliau telah bermain ragbi bagi pihak kolej. Patut difahamkan, bukan calang-calang orang yang boleh bermain ragbi bagi pihak kolej. Selain dari itu Dr. Mahathir juga bermain tenis. Beliau juga



Bersama Rakan Sekolah

Berdiri dari kiri - Aziz Husin, Syed Ahmad dan Mashahor.

Duduk dari kiri - Osman dan Mahathir.

menyertai pasukan pemadam api dan mewakili sekolah dalam sukan ragbi. Perdana Menteri dalam ucapan selaku murid tua Kolej Sultan Abdul Hamid

Bersama Tun Syed Ahmad Shahabudin





Bersama teman lama : dari kiri, Osman bin Abu Bakar, Ahmad bin Afriffin, Che Gu Omar bin Mohamad, Dr. Mahathir bin Mohamad, Dr. Siti Hasmah bin Ali, Hussin bin Abd. Rahman dan Ustaz Zakaria bin Mohd. Nor.

pada hari ucapan 1991 mengakui bahawa beliau bukanlah dari kalangan keluarga yang mewah atau berada. Dia dan abangnya Mashahor sewaktu bersekolah di Kolej Sultan Abdul Hamid sebelum perang dahulu berulang-alik dengan menaiki lanca. Oleh kerana ada kalanya terpaksa hadir disebelah petang disebabkan aktiviti-aktiviti luar, maka dia dan kekandanya sering mendesak bapanya Mohamad Iskandar membeli basikal.

Suatu ketika apabila mereka pulang dari sekolah dengan berbasikal, maka ternampak bapa mereka sedang berbual-bual dengan seorang berkulit hitam berpakaian serba putih dan memegang sekaki payung hitam. Mereka kemudiannya faham betapa susahnyanya bapa mereka hendak membelikan basikal untuk mereka berdua. Bapa mereka memberi belanja 3 sen untuk minum kopi dan 1 sen untuk

kuih. (Wan Shamsudin, 1997)

Tuan Haji Osman Abu Bakar yang mula bersahabat dengan Dr. Mahathir ketika menuntut di Sekolah Inggeris Kerajaan di Alor Setar (Kolej Sultan Abdul Hamid atau KSAH) sering berkunjung ke rumah Dr. Mahathir untuk membaca buku. 'Ketika kami membaca bapa beliau sering membetulkan kesilapan,' katanya. Oleh kerana pada masa itu hanya di Alor Setar sahaja yang ada sekolah Inggeris rumah Dr. Mahathir juga menampung beberapa keluarga yang menumpang tinggal di rumah tersebut. Salah seorangnya ialah Syed Ahmad Shahbudin (Tun). Bapa Dr. Mahathir membiayai makan minum beliau. (En. Hussein Abdul Rahman berkata beliau banyak mengenali Dr. Mahathir ketika menuntut di Kolej Sultan Abdul Hamid dan terputus hubungan apabila Perdana Menteri melanjutkan pengajian di Universiti Malaya di

Singapura) 'Perdana Menteri yang saya kenali ialah seorang yang kurang bercakap dan apabila bercakap tidak suka bercakap perkara yang karut-karut', katanya. En. Hussein menyatakan bahawa Dr. Mahathir melanjutkan pelajaran perubatan di Universiti Malaya di Singapura sementara En. Hussein menjawat jawatan Pembantu Perubatan. Mereka bertemu kembali ketika Dr. Mahathir berkhidmat di Hospital di Langkawi sebagai Pegawai Perubatan. (BM : 6/4/97)

Haji Osman berkata Dr. Mahathir adalah seorang yang kuat membaca dan tidak pernah gagal menghadirkan diri di sekolah. Osman juga masih mengingati tiga lagu kesukaan Dr. Mahathir iaitu 'Rainbow On the River', 'Midnight Serenade' dan 'South American Song'. Selain daripada berminat dalam ragbi Dr. Mahathir berminat berbasikal dan bermain sepatu roda di



Tun Mohamad Zahir bin Ismail



Dato' Ahmad Nordin bin Mohd. Zain



Hussin bin Abd. Rahman



Haji Osman bin Abu Bakar



Jalan Teluk Wanjah. Merujuk kepada kunjungan Dr. Mahathir ke Negara Jepun Haji Osman pernah melihat Dr. Mahathir tunduk hormat kepada tentera Jepun. Sekarang tentera Jepun pula memberi hormat kepada Dr. Mahathir sebagai Negarawan ulung di Asia dan Wira Dunia ketiga. (NST : 6/4/97)

Dato' J.F. Augustine bekas guru Dr. Mahathir ketika beliau menuntut di Kolej Sultan Abdul Hamid berkata bahawa Mahathir adalah seorang pelajar yang lebih baik daripada murid-murid biasa. (Morais, 1985)

Mengikut Dato' Augustine, Dr. Mahathir sering berada dengan buku-bukunya. Bahasa Inggeris beliau amat baik dan beliau dilantik dalam tahun 1945 sebagai editor. Dr. Mahathir sentiasa menjadi pemenang hadiah Bahasa Inggeris setiap tahun. Beliau juga memegang jawatan penjaga khutub khannah di dalam kelasnya.

Dr. Mahathir ketika di sekolah biasanya boleh menjawab soalan berkaitan pengetahuan am yang budak lain tidak boleh jawab. Beliau mempunyai pengetahuan am yang tinggi kerana di rumahnya banyak buku dan akhbar. Menurut Dato' Augustine rumah yang banyak menyimpan buku Bahasa

Inggeris ialah rumah Dr. Mahathir. Beliau menambah dengan berkata suasana di rumah yang di penuh buku dan akhbar secara tidak langsung boleh membentuk sifat rajin membaca. Sejak kecil lagi sifat ini dapat di lihat pada diri Dr. Mahathir. ✕

Dato' J.F. Augustine






Dato' Ahmad bin Rashid



Ahmad bin Ariffin



Encik Mohd Salleh Khir bin Hj Bahari



Dato' Saad bin Marzuki

Di antara rakan sekelas di kolej yang dapat di senaraikan ialah:

Wan Daud bin Wan Ibrahim  
Jurutera J.K.R

Dato' Ahmad Nordin bin Mohd Zain  
Pengarah Penerangan

Muhamad bin Long  
Kerani J.K.R.

Dato' Khalid bin Awang Osman  
Timbalan Menteri

Tun Mohamed Zahir bin Ismail  
Yang DiPertua Dewan Rakyat

Salleh Khir bin Haji Bahari  
Guru Pelawat

Dato' Ahmad bin Rashid  
Pegawai Tadbir(K.C.S.)

Ahmad Bahar bin Abdul Hamid  
Pengarah Urusan Unilever

Dato' Saad bin Marzuki  
Pegawai tadbir(M.C.S.)

Mustafa bin Jaafar  
Cooperative Officer

Osman bin Abu Bakar  
Kerani D.I.D.

Aziz bin Ahmad  
Jurutera P.W.D.

Dato' Dr Foo Chee Keong  
Doktor

Lee Kok Cheng  
Suruhanjaya Pilihanraya

Ku Bahador bin Ku Baharom  
Guru Pelawat

Hamzah bin Din  
Juruteknik

Ahmad bin Ariffin  
Pengetua Sekolah


Hussein bin Abdul Rahman  
Pembantu Hospital

Dr. P. Pillay  
Pengarah Hospital Besar

Dato' Lee Seng Soon  
Ahli Perniagaan

Yahaya bin Ali  
Ahli Perniagaan

(Dato' Seri Dr. Mahathir :  
This is your Life,1992)



Kota Kuala Kedah



Pintu gerbang Kota Kuala Kedah



A' Famosa

# ZAMAN PENJAJAHAN





Sebelum kedatangan

penjajah barat sudah ada kerajaan Melayu Kedah atau Langkasuka dan Kerajaan Melayu Patani di kurun ke-2 dan beberapa kerajaan kecil lain. Dalam abad ke-3 kegemilangan Kerajaan Sri Vijaya yang berpusat di Palembang, Sumatera melangkahi hingga ke Kedah, Kelantan dan Patani. Kemudian tegak pula Kerajaan Majapahit dalam abad ke-12 di Jawa dengan rajanya yang masyhur Hayam Wuruk dan arkitek politiknya Pateh Gadjah Mada.

Di samping itu, terdapat Kerajaan Pasai yang mengasaskan pemerintahan Islam di rantau ini dalam abad ke-13 diikuti Kerajaan Melayu Melaka. Selepas kejatuhan Melaka masih wujud Kerajaan-kerajaan Melayu

seperti Kerajaan Melayu Riau-Lingga yang berpusat di Riau, Kerajaan Melayu Bugis, Kerajaan Bentan, Kerajaan Mataram, Kerajaan Melayu Aceh muncul diikuti dengan Kerajaan Melayu Johor.

Penjajah barat yang pertama datang ke Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1509 ialah Portugis dengan tujuan awal untuk menjalankan perniagaan tetapi akhirnya berjaya menakluki Melaka dalam tahun 1511. Portugis memerintah dan menjajah Melaka selama 150 tahun. Pada tahun 1664 penjajah Belanda telah dapat mengalahkan Portugis di Melaka. Melalui pertukaran wilayah penjajah Inggeris datang dan berjaya mengambil Melaka dari tangan Belanda pada tahun 1824. (Abdul Samad Idris, 1982)


Perjanjian Pangkor pada

tahun 1874 menandakan campur tangan Inggeris di Negeri-Negeri Melayu. Bagi Negeri-Negeri Tak Bersekutu seperti Kedah, Kelantan, Trengganu mereka menerima Penasihat British.


Dr. Mahathir ketika berucap di Perhimpunan Agung Umno pada 22 Jun 1998 telah menyatakan bahawa beliau hidup di zaman empat pen-

Alor Setar 1950





A' Famosa.



Alor Setar 1940



Kota Kuala Kedah.

jajahan iaitu British, Jepun, Siam dan B.M.A (British). "Mula-mula British. Pada masa British kita langsung tidak ada maruah. Kita tidak dibenarkan buat itu dan ini. Semuanya dikatakan kita tak boleh," jelas Dr. Mahathir. Selepas Inggeris dikalahkan oleh Jepun dalam bulan Disember 1941 Dr. Mahathir hidup di zaman Jepun. Jepun memerintah Kedah selama 19 bulan dan Malaya selama 3 tahun 8 bulan. Dalam pemerintahannya Jepun memaksa rakyat memberi penghormatan kepada Maharaja Jepun. Jepun memerintah Malaya dengan kejam. Tanyalah sesiapa sahaja yang pernah hidup di zaman pemerintahan Jepun mereka tentu mengingati betapa peritnya keadaan hidup di zaman itu. "Saya lihat bagaimana orang Melayu yang tidak hormat tentera Jepun dipaksa angkut batu, junjung batu

kerana tidak turut kepada tentera Jepun. Mereka seperti kucing kurap", kata Dr. Mahathir. (BH : 22/6/98)

Jepun menyerah Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan kepada Siam. Sejarah administrasi Thai di Kedah bermula dari Ogos 1943 hingga September 1945. Pihak pentadbiran Thai sejak memegang kuasa di Kedah cuba mengujudkan suasana sebelum perang. Pentadbiran dijalankan secara British. Pegawai-pegawai yang ada meneruskan kerja mereka, semua jentera pentadbiran dihidupkan semula. Setelah tentera bersekutu berjaya mengalahkan Jepun pada bulan Ogos 1945 ia menamatkan peperangan dunia kedua.

Selepas Jepun menyerah kalah pada 3 September 1945 Malaya berada dalam keadaan kucar kacir. Mula-mula Malaya diperintah oleh Brit-



George Maxwell

S.K. Shiba





MPAJA



ish Army Administration (B.M.A.). Selepas itu tiba pula gagasan Malayan Union yang ditentang hebat oleh rakyat di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar. Selepas selesainya kekecohan-kekecohan tersebut Malaya diancam oleh keadaan zaman darurat dalam tahun 1948. Selepas menghadapi beberapa cabaran dan ancaman negara kita berjaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Ketika perang dunia kedua bermula di mana Jepun menakluk dan memerintah Tanah Melayu, pelajaran Dr. Mahathir tergendala dan beliau terpaksa berhenti sekolah. Lanya merupakan tahun-tahun yang penuh dengan cabaran. Mahathir juga melihat abang-abang dan saudara beliau terpaksa berhenti kerja dari perkhidmatan kerajaan dan mencari rezeki



Major General Sukigawa Seiji  
Gabenor Kedah 1942 - 1943.

Ketumbukan Tentera Jepun di Kedah.



berniaga buah-buahan di tepi jalan. (Adshead, 1989 : 1)

Walaupun tidak bersekolah, beliau tidak membiarkan masa berlalu begitu sahaja. Beliau sanggup berdikari dalam menempuh cabaran-cabaran hidup di zaman pendudukan tersebut. Beliau pernah menjual cendul dan membuka kedai kopi serta menjual buah-buahan di Pekan Rabu yang diadakan tiap-tiap minggu di Alor Setar.



KOLEJ '47... bergambar kenangan bersama bekas rakan sekelas semasa di Kolej Perubatan King Edward VII Singapura.

Keputusan peperiksaan  
Dr. Mahathir.

UNIVERSITY OF CAMBRIDGE



LOCAL EXAMINATIONS SYNDICATE  
SCHOOL CERTIFICATE

This is to certify that

**MAHATHIR B. ISKANDAR MOHAMED**  
of Sultan Abdul Hamid College Alor Star

passed the School Certificate Examination in December 1946  
and reached the standard shown (Pass, Credit, or Very Good) in the  
English Language and Credits in the following seven  
subjects:

English Literature  
History of the British Empire  
Geography  
Melayu  
Elementary Mathematics  
Art  
Hygiene and Physiology

Credit  
Very Good  
Very Good  
Credit  
Very Good  
Credits 1  
Credit

The candidate has also passed the Oral English test  
under number 4175.

Date of birth as stated  
at time of entry 21 December 1925  
First Grade Certificate  
(See over)

H. Thinkill  
Vice-Chancellor

Rakan perniagaan bersamanya ialah dua sahabat karib beliau En. Khir Mohamad Taib (Pak Jo) dan En. Noor Mador (Nana)

Menurut Pak Jo, Dr. Mahathir adalah seorang yang tegas, jujur dan bersifat lurus. Mahathir ketika berada digerai tidak suka berdiam diri tetapi mengisi masa dengan membaca buku. Dalam ingatan, Pak Jo, En. Mohamad Khir Johari dan Zulkifli Hashim sering berkunjung kegerai mereka. Sungguhpun pada masa itu Dr. Mahathir masih muda, beliau telah dilantik menjadi pengurus gerai perniagaan kerana beliau berkebolehan mengendalikan perniagaan tersebut. Pada masa itu Dr. Mahathir berpengalaman dan memberi tumpuan berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil

Pada masa itu, beliau juga sering memberi pandangan dan buah fikiran bagi menghadapi dan menyelesaikan masalah peniaga-peniaga kecil Melayu. Apabila perang dunia kedua berakhir, Jepun menyerahkan semula Tanah Melayu kepada pihak British. Keadaan Tanah Melayu menjadi aman semula. Mahathir menyambung pelajarannya dan dalam tahun 1945 beliau mula belajar di sekolah Inggeris kerajaan. Beliau belajar di sini sehingga mendapat Sijil Senior Cambridge. Beliau lulus dengan cemerlang memperolehi pangkat satu dan mencapai markah yang baik dalam mata pelajaran Sejarah, Ilmu Alam dan Matematik. Semasa menunggu keputusan Senior Cambridge, beliau bekerja sementara di Pejabat Daerah di Alor Setar sebagai kerani dari

bulan Mac hingga Ogos 1947.)

Cita-cita Dr. Mahathir ialah undang-undang dan beliau bercadang untuk mengikuti pengajian undang-undang di England. Kerajaan Kedah pada masa itu mengambil keputusan menghantar Dr. Mahathir melanjutkan pelajarannya di bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1948.) Kerajaan Negeri Kedah berkehendakkan lebih ramai doktor kerana pada masa itu dirasakan sudah cukup peguam dan terlalu sedikit doktor. (Dr. Mahathir adalah kumpulan kedua palajar perubatan selepas perang iaitu pelajar kelas 1947 di Kolej Perubatan King Edward VII Universiti Malaya, Singapura.)



Bangunan Pekon Rabu

5

*Pekan*

R A B U







r. Mahathir mempunyai

hubungan yang istimewa dengan Pekan Rabu. Apabila Jepun menduduki Tanah Melayu, sekolah-sekolah ditutup. Sekolah yang ada hanyalah sekolah-sekolah yang mengajar bahasa Jepun.

Dr. Mahathir mengambil keputusan tidak memasuki sekolah-sekolah tersebut tetapi mendekati Pekan Rabu menjual cendol dan buah-buahan. Juga membuka kedai kopi di Pekan Rabu. Rakan perniagaan beliau ialah Pak Jo dan Nana. Walaupun Dr. Mahathir masih muda beliau telah dilantik menjadi pengurus gerai.


Pekan Rabu terletak di tengah-tengah pusat bandar. Perniagaan-peniagaan memasarkan hasil-hasil pertanian dari kampung ke bandar. Barang-barang yang dijual ialah berbagai jenis



Tunku Yaacob

ulam, sayur-sayuran, buah-buahan, ubat-ubatan, kraftangan dan kain baju. Asal Pekan Rabu adalah di Tanjung Chali yang pada peringkat awalnya

Johari



merupakan bangunan terbuka yang panjang berbumbung atap, berlantai simen dan bertiang kayu. Ianya berkembang hasil kesedaran seorang Putera Diraja Kedah YTM Tunku Yaacob tentang kemunduran orang-orang Melayu dalam perniagaan.

Pada tahun 1957 Dr. Mahathir telah mengambil keputusan berhenti dari berkhidmat dengan kerajaan dan memulakan perniagaan sendiri. Disamping mengusahakan kliniknya beliau mendekati dirinya dengan peniaga kecil daripada masyarakat Melayu yang ketika itu berpusat di sekitar Pekan Rabu dan Pasar Yaacob. Beliau berkongsi dengan rakan-rakannya menjalankan perniagaan pengangkutan, kuari dan projek perumahan (Zainuddin Maidin, 1994:6).

Dr. Mahathir juga turut



Suasana awal pekan Rabu



Gerai-gerai awal



Pemandangan gerai awal Pekan Rabu



Ahli Jawatankuasa Pekan Rabu, Alor Setar, 1968



Ahli Jawatankuasa Pekan Rabu

terlibat dalam penubuhan Dewan Perniagaan Melayu Kedah (DPMK). Di antara tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung untuk menubuhkan Dewan perniagaan Melayu ialah Hj. Salim Hj. Rejab, Sh. Osman Ibrahim, Tun Mohd Zahir, Hj. Ismail, Dato Hj. Khalid Hj. Abdullah dan Dr. Mahathir.

En. Mohd Hanipah S. Alauddin telah dilantik sebagai pengerusi yang pertama. Apabila Dr. Mahathir dilantik menggantikan En. Mohd Hanipah beliau telah mengesyorkan peniaga Melayu diberi perhatian dalam kegiatan yang dijalankan oleh DPMK. Pada masa itu peniaga dan penjaja kecil Melayu menghadapi kemelut untuk mendapat tempat atau ruang niaga. DPMK dibawah Dr. Mahathir berjuang untuk mendapat tempat atau ruang niaga yang sesuai. Ekoran dari itu

kerajaan Negeri Kedah telah mendirikan sebuah bangunan yang menempatkan peniaga-peniaga kecil Melayu di tengah-tengah bandar Alor Setar yang dikenali sebagai "Kompleks Pekan Rabu".

Setiap kali pulang ke Alor



■ Bangunan Dewan Perniagaan Melayu Kedah

Setar Dr. Mahathir tidak melepaskan peluang mengimbas nostalgia ketika kecil dengan menziarahi kawasan yang mendidik cerit perit kehidupan sebagai

peniaga kecil.

Dr. Mahathir telah menjadi ahli Koperasi Pekan Rabu sejak 31 Disember 1959. No.ahli beliau ialah No.239. Pada tahun 1974 Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Koperasi Pekan Rabu. Tuan Hj Mustafa Ismail adalah Pengerusi Koperasi Pekan Rabu. Ahli-ahli jawatantankuasa terdiri daripada Azahari Taib, Zahir Ismail dan Hanipah S. Alaudin. Ahli No. 1 Koperasi Pekan Rabu ialah En. Mohd Shuib Hassan dan Tuan Hj Othman Hanafiah ialah ahli No. 2. Dividen Dr. Mahathir ditambah setiap tahun dan kini berjumlah RM1,907.64.

En. Wahab Ghani yang pernah bertugas di pejabat Koperasi Pekan Rabu menyatakan bahawa Dr. Mahathir adalah seorang yang kuat disiplin dan selalu tepat menepati masa. Beliau amat



■ Ketika di Pekan Rabu untuk membeli lauk-pauk semasa bulan puasa



■ Wahab Ghani



■ Wan Abd. Rahman  
Wan Puteh



■ Ahmad Ariffin

■ Sardi Dahar





mengambil berat tentang kebersihan dan kesihatan. Beliau sering menegur orang yang menghisap rokok dan mengingatkan mereka bahawa merokok bukanlah satu tabiat yang baik. Dr. Mahathir seringkali meminta beliau menaip surat mengikut deraf yang diberikan kepada beliau. Mengikut En. Wahab sekiranya beliau tidak menaip ikut apa yang diderafkan Dr. Mahathir akan menegur beliau. Minuman kesukaan Dr. Mahathir ialah nescafe dan buah yang disukainya ialah buah ciku. Dr. Mahathir pernah membawa rombongan dari Pekan Rabu melawat kompleks perniagaan di Kuala Lumpur dan kilang 'packing'. Rombongan ini tinggal di hotel. Makan minum selama seminggu ditanggung oleh Dr. Mahathir.

En. Ahmad Ariffin mengimbas kembali perhubungan dengan Dr.

Mahathir yang bermula sejak zaman persekolahan dan mereka tinggal satu kampung iaitu di Seberang Perak. Ketika zaman Jepun mereka berniaga bersama-sama di Pekan Rabu. Mereka sama-sama terlibat dalam Persatuan Pemuda Melayu Kedah. Ahmad sebagai ahli dan Dr. Mahathir sebagai Yang Dipertua. Satu peristiwa ketika berniaga di Pekan Rabu yang beliau ingat ialah peristiwa menjual pisang yang dibawa dari Yan. Jepun yang tinggal di Kepala Batas datang ke Pekan Rabu untuk membeli pisang. Mereka yang tiada wang akan menukar rokok dengan pisang.

En. Sardi Dahar, 40 tahun memberitahu bahawa beliau mewarisi perniagaan membuat songkok daripada bapa beliau yang bernama Mohd Dahar Dato' yang berasal dari Sumatra. Bapa beliau berniaga songkok di Pekan Rabu

selepas perang. Setiap tiba hari raya Dr. Mahathir sering menempah songkok di kedai beliau. Beliau merasa amat bangga membuat songkok untuk seorang Perdana Menteri. Selalunya Dr. Mahathir menempah 2 songkok dengan kos satu harganya RM50.00. Saiz songkok beliau ialah lilitan 22' dan tinggi 4 suku.


En. Wan Abd. Rahman bin Wan Puteh, 71 tahun telah berniaga di Pekan Rabu sejak tahun 1950. Dr. Mahathir sering menghantar kain dan mengupah beliau untuk menjahit. Mengikut Pak Wan saiz yang masih disimpan di dalam buku rekod saiz 30', labuh 18', bahu 22 setengah, labuh tangan dan leher 15'. Beliau melahirkan rasa bangga menjahit baju Melayu Perdana Menteri. Oleh kerana telah hampir 48 tahun beliau berkecimpung



Bersama teman di Pekan Rabu



Aishah Mat



Buku tempahan baju

Buku daftar ahli koperasi

Daftar ahli koperasi

No	Nama	Alamat	Angka	Nota	Tgl. Masuk	Keanggotaan
1079	...	...	...	...	...	...
1080	...	...	...	...	...	...
1081	...	...	...	...	...	...
1082	...	...	...	...	...	...
1083	...	...	...	...	...	...
1084	...	...	...	...	...	...
1085	...	...	...	...	...	...
1086	...	...	...	...	...	...
1087	...	...	...	...	...	...
1088	...	...	...	...	...	...
1089	...	...	...	...	...	...
1090	...	...	...	...	...	...
1091	...	...	...	...	...	...
1092	...	...	...	...	...	...
1093	...	...	...	...	...	...
1094	...	...	...	...	...	...
1095	...	...	...	...	...	...
1096	...	...	...	...	...	...
1097	...	...	...	...	...	...
1098	...	...	...	...	...	...
1099	...	...	...	...	...	...
1100	...	...	...	...	...	...

dalam lapangan jahitan beliau lahirkan rasa hendak bersara kerana sudah tua.

Setiap kali berkunjung ke Pekan Rabu Dr. Mahathir tidak ketinggalan singgah di gerai Aishah bt.Mat atau lebih dikenali dengan panggilan 'Mak Chah'. Kebiasaannya pada bulan puasa beliau akan berkunjung ke Pekan Rabu untuk membeli kuih-muih. Beliau akan beli kuih-kuih kering, dodol, kuih bakar dan lain-lain dengan kos RM800.00. Kuih-kuih ini selalu akan edarkan kepada anak-anak buah beliau yang berkhidmat dengan beliau di Kuala Lumpur.



Suasana Pekan Rabu sekarang

Ketika melawat Pekan Rabu




Gerai jualan








Kilang Ais



Perpustakaan Universiti Malaya, Singapore.



Universiti Malaya, Singapore.



# DARI Kilang Ais KE Medical College

6



dasar Kerajaan Kedah memulakan pendidikan Inggeris pada awal kurun ke-20 ialah untuk melatih dan melayakkan ramai anak-anak negeri yang akan dapat menggantikan pegawai-pegawai British dalam segala bidang pentadbiran negeri pada satu masa kelak.


Tunku dalam bukunya "Looking Back" menyatakan bahawa Regent Kedah pada masa itu Tunku Ibrahim mengamalkan polisi menghantar pelajar Kedah belajar di sekolah Inggeris di Pulau Pinang dan yang lain dihantar ke England. Untuk menjayakan rancangan ini dikeluarkan biasiswa bukan sahaja kepada anak-anak Kerabat DiRaja dan orang besar tetapi anak-anak orang kebanyakan.

Sekiranya Tunku Ibrahim adalah akitek dasar

pelaksanaannya adalah Hj. Mohammad Sherif Osman iaitu 'Secretary to the Government' pada masa itu. Apabila sampai keputusan Senior Cambridge dari London Hj. Sherif meminta Penguasa Pelajaran menghantar senarai mereka yang lulus. Sesudah membuat keputusan semua yang dipilih akan dipanggil ke pejabatnya untuk bertemu dengannya. Dengan tidak bertanya Hj. Sherif memberitahu, "Kamu pergi England belajar Undang-undang, kamu pergi Singapura belajar perubatan". (Ahmad Nordin, 1971)

Menurut Dato' Augustine, Dr. Mahathir hendak belajar undang-undang tetapi Hj. Sherif (Secretary to the Government) mengambil keputusan sendiri sepertimana pelajar-pelajar lain. Hj. Sherif memutuskan Dr. Mahathir mengambil jurusan Perubatan walaupun Dr. Mahathir bercita-cita memilih Undang-Undang supaya beliau dapat berkecimpung dalam politik.

Hj. Sherif membuat keputusan begitu kerana sebab-sebab dasar kerajaan pada masa itu yang berpendapat bilangan doktor tempatan adalah sedikit berbanding dengan jumlah peguam. Cita-cita beliau untuk belajar di England tidak



Class of 1947 King Edward VII College of Medicine



Dr. R.P. Pillay



Tan Sri Dr. Wong Soon Kai



Dr. Abd. Rahman Awang

tercapai. Bagaimanapun keputusan menghantar Mahathir ke Singapura untuk menuntut ilmu perubatan ternyata sebagai rahmat yang tersembunyi.

Sebagai seorang doktor muda yang bersemangat dedikasi beliau cepat menjadi seorang yang popular dan dihormati ramai lebih-lebih lagi apabila beliau membuka kliniknya sendiri di Pekan Melayu, Alor Setar. Inilah satu-satunya faktor yang membawa beliau menceburi diri dalam politik kemudiannya.

Dr. Mahathir berjaya mendapat biasiswa persekutuan untuk melanjutkan pelajaran bidang perubatan di King Edward VII College Of Medicine pada tahun 1947. Pelajar-pelajar Kedah lain yang berjaya mendapat biasiswa ialah Dr. R.P Pillay dan Dr. Abdul Rahman Awang. Biasiswa pada masa itu ialah sebanyak RM25 tetapi Dr. Mahathir mendapat RM10 sahaja sebab beliau mendapat dari rumah sebanyak RM15. Beliau tidak terlintas akan mendapat biasiswa untuk menjadi seorang doktor kerana ibunya Wan Tempawan mengingatkan beliau supaya jangan menjadi doktor atau polis. Kedua-dua tugas ini memaksa penjawatnya bekerja malam-malam hari dengan tidur yang tidak menentu. (Dato' Seri Dr. Mahathir, This is your Life,

1992)


Dr. Mahathir adalah seorang yang amat takut pada mayat. (Aziz Zariza, 1988 :29)

Pada tahun 1947 Mahathir ketika itu berumur 22 tahun meninggalkan Kedah menuju Singapura. Untuk sampai ke Singapura perjalanan Mahathir melalui keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu. Perjalanan Mahathir lebih dekat daripada pelajar lain yang meninggalkan Malaya menuju England. Perjalanan Mahathir adalah di antara dua dunia iaitu daripada masyarakat majoriti Melayu ke masyarakat Cina dari pekan Alor Setar yang agak luar bandar ke Kota Kosmopolitan, dari negeri Jelapang Padi ke pusat perdagangan. (Khoo Boo Teik, 1995)

Di Universiti Malaya ketika itu Dr. Mahathir adalah di antara sebilangan kecil pelajar bumiputera yang menuntut dalam bidang perubatan. Dr. Mahathir adalah daripada kumpulan kedua pelajar perubatan selepas perang iaitu pelajar kelas 1947 di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura. Di antara tujuh orang pelajar Melayu yang mendaftar ialah Mahathir, Dato Dr. Ariefin Marzuki (bekas Naib Canselor UKM), Dr. Noor Alang Kassim (Doktor Gigi yang kemudian berhijrah




Dr. Ariffin Marzuki




Bersama teman di Universiti Malaya di Singapore

Duduk dari kiri - Dr. Ahmad, Saad Marzuki, Dato' Abu Bakar, Mrs. Paniker, Dr. R.G. Pillay, Dr. R.P.Pillay.

Berdiri dari kiri - Tun Hamid, Dr. Mahathir, Ali Ahmad, Dr. Arasu, Dr. Osman Din, Tan Sri Murad, Dr. Ahmad Adnan.



Perpustakaan Universiti Malaya, Singapore.



Tan Chee Khoon



keluar negeri), Dr. Abdul Rahman Awang (bekas Ketua Pengarah Pergigian Malaysia) dan Dr. Siti Hasmah, Dato' Dr. Wong Soon Kai, Bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sarawak. (Aziz Zariza, 1988 :29).

Rakan-rakan semasa di kolej termasuk mendiang Tan Sri Dato R.P. Pillay, bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Dato J. Eapen, Pakar Penyakit Perunding di Hospital Kuala Lumpur, Dr. P.C. Vanniasingham, bekas Pakar Bedah Perunding di Hospital Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Tan Chee Khoo, tokoh pembangkang juga belajar di kolej tersebut. Dr. Tan menamatkan pengajian beliau pada akhir tahun 1949, oleh itu beliau tidak lama bersama dengan Mahathir pada ketika itu. Menurut Tan Chee Khoo beliau sudah terpicak dengan perwatakan Dr. Mahathir yang serius. Beliau dapati pelajar-pelajar dari Kedah suka berpuak-puak (Tan Chee Khoo, 1984).

Beberapa teman Dr. Mahathir ketika di Universiti Malaya ialah Dato' Adnan Abdullah, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat dan En. Ahmad Riduan bekas Timbalan Ketua Pengarah Kastam. Mereka terdahulu meninggalkan pengajian perubatan semasa dengan Dr. Mahathir. Dr. Mohammed Abdul Kadir yang membuka klinik

swasta di Sungai Petani adalah juga teman Dr. Mahathir. Dr. Chong Chung Hiang, Pakar Perbidanan dan Sakit Puan adalah pelajar senior kepada Dr. Mahathir pada ketika itu.

Pada mula beliau masuk Universiti beliau terpaksa menjalani minggu orientasi oleh pelajar-pelajar lama. Mahathir pernah disuruh tidur dibawah katil sepanjang malam: Menurut Dr. Tan Chee Khoo, pelajar senior tersebut ialah Dr. Chong Chung Hiang sudah tentulah Dr. Chong tidak menyangka bahawa pelajar baru tersebut yang tidur semalaman di bawah katil beliau itu adalah bakal Perdana Menteri Malaysia.

Mahathir adalah seorang yang cerdas dan dianggap seorang yang bijak oleh rakan-rakannya. Beliau dapat menyelesaikan masalah dengan cepat dan mudah. Beliau boleh membaca dan memahami sesuatu dengan cepat. Beliau selalu mengambil bahagian dalam majlis forum dan juga perbahasan. Peribadi, perwatakan, pemikiran serta pandangan beliau yang bernas membuatkan beliau senang mendapat perhatian rakan-rakannya.

Ketika mula masuk ke Kolej Perubatan dahulu, Mahathir sering ditakut-takutkan oleh pelajar lama. Di antara pelajar lama yang nakal mengusik penuntut baru termasuklah



Dianugerah ijazah MBBS pada tahun 1953



Dr. Siti Hasmah Ali

Holne Chase Hostellites



Dr. Syed Mohammad Al-Hadi dan Tan Sri Dr. Majid (bekas Ketua Pengarah Perubatan Malaysia). mereka sering menakutkan Mahathir dengan memasukkan tulang-tulang manusia yang diambil dari makmal anatomi ke dalam kocek seluar atau baju Mahathir. Ketika itu Mahathir hampir putus asa tetapi oleh kerana beliau seorang yang teguh dan percayakan dirinya sendiri maka pelajarannya diteruskan sehingga beliau berjaya menjadi doktor.


Semasa menjadi penuntut lagi Mahathir telah menunjukkan sifat kepimpinannya yang baik. Ini ditunjukkan apabila beliau menjadi Presiden Persatuan Muslim di Kolej Perubatan. Beliau mengambil alih jawatan dari Allahyarham Aminuddin Baki, bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Allahyarham adalah sahabat dan teman darjah Victor Morais, penulis Biografi Tokoh.

Beliau sangat aktif dalam persatuan tetapi tidak terlalu berminat dalam lapangan sukan. Walau bagaimana pun, beliau adalah ahli kepada kumpulan ragbi kolejnya. Mahathir mempunyai falsafah hidupnya yang tersendiri. Beliau yakin dalam setiap pekerjaan yang dilakukannya. Prinsip hidupnya ialah kalau orang lain boleh buat, tidak ada sebab dia tidak


boleh membuatnya. Prinsip inilah yang mendorong Mahathir sehingga berjaya dalam hidupnya.

Mahathir juga seorang yang bergiat cergas dalam bidang penulisan. Beliau telah dilantik menjadi ketua editor 'The Cauldron' majalah pelajar kolej Perubatan dan juga mula menulis untuk akhbar Straits Times dengan menggunakan nama samaran C.H.E. Det. Semasa di Kolej beliau telah membeli kereta Fiat dengan harga RM500. Beliau bersama Dr. Mohamad Abdul Kadir bertolak balik ke Alor Setar dengan kereta tersebut tetapi dalam perjalanan kereta tersebut rosak. (Tan Chee Khoo, 1984 : 50)

Pada ketika itu di Universiti Malaya Singapura pada tahun 1947 hanya terdapat tujuh pelajar Melayu dan seorang pelajar wanita tunggal bernama Siti Hasmah Ali. Mahathir membimbing Siti Hasmah dalam mata pelajaran fizik dan kimia. Mahathir jatuh cinta dengan Siti Hasmah dan akhirnya mendirikan rumahtangga pada 5 Ogos 1956. Mahathir pernah gagal ditahun akhir dan terpaksa mengulang pelajarannya. Akhirnya beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) tahun 1953. (Mustafa Ali Mohamad, 1985)








# DR.<sup>7</sup> UMNO

---

*D*alam tahun 1953, Dr. Mahathir telah menerima ijazah kedoktoran MBBS dan tugas beliau yang pertama ialah menjalani 'housemanship' di Pulau Pinang. Setelah tamat 'housemanship', Dr. Mahathir ditugaskan sebagai Pegawai Perubatan di Alor Setar. Beliau pernah bertugas di Perlis dan Pulau Langkawi. Dr. Siti Hasmah menamatkan pelajaran setahun selepas Dr. Mahathir dan beliau telah menjalani 'housemanship' di Hospital Kuala Lumpur.


Setelah berkahwin pada 5 Ogos 1956, Dr. Siti Hasmah berpindah ke Hospital Alor Setar dan bertugas sebagai Pegawai Perubatan. Pasangan baru ini pada mulanya tinggal di



■ Hospital Besar Alor Setar

rumah Dr. Mahathir. Selepas itu mereka telah diberi rumah kerajaan berdekatan dengan hospital. Mereka tinggal di tingkat bawah flet kerajaan. Mereka dikurniakan cahaya mata pertama, Marina pada bulan Jun 1957.



Pada tahun 1957 setelah beberapa tahun bertugas dengan kerajaan Dr. Mahathir telah membuat keputusan untuk membuka perniagaan sendiri. Keputusannya meletak jawatan sebagai Pegawai Perubatan Hospital Besar Alor Setar dan membuka kliniknya sendiri telah mengejut masyarakat pada masa itu. Masyarakat pada masa itu amat kagum dengan tindakan beliau meninggalkan jawatan tinggi kerajaan. Mengikuti Dr. Siti Hasmah tindakan Dr. Mahathir meletak jawatan sebagai Pegawai Perubatan dan membuka klinik persendirian ialah kerana ketua beliau iaitu Mr. Thompson tidak mahu menyokong hasrat Dr. Mahathir untuk mengambil kursus pembedahan. Beliau telah membuka sebuah klinik di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar iaitu Klinik MAHA. Pada masa itu di Alor Setar hanya ada lima klinik dan Klinik MAHA adalah klinik yang pertama diusahakan oleh kaum bumiputera. Pembukaan Klinik MAHA ini adalah dengan bantuan kewangan dan sokongan oleh abang ipar Dr. Mahathir. Pada tahun 1959,



■ Peralatan perubatan yang digunakan

Klinik MAHA dipindahkan ke Pekan Melayu. Walaupun Dr. Mahathir membuka klinik di Alor Setar, beliau tinggal di Jitra iaitu sebuah pekan kira-kira 20 kilometer dari Alor Setar. Beliau akan singgah di rumah ibunya setiap hari untuk makan tengah hari.

Klinik Dr. Mahathir mula dibuka pada jam 9 pagi sehingga 9.00 malam. Pesakit-pesakit sentiasa datang ke





Peralatan MAHA Klinik





Peralatan perubatan Dr. Mahathir



rumahnya tidak kira siang atau malam untuk mendapatkan rawatan, Dr. Mahathir pernah membonceng motosikal dan menaiki basikal untuk pergi ke rumah pesakitnya. Hubungan beliau dengan masyarakat amatlah erat dan mesra. Dengan sifat-sifat yang ditunjukkan oleh beliau itu menambahkan lagi keyakinan rakyat terhadapnya. (Mustafa Mohamad, 1985)

Kereta pertama beliau itu Moris Oxford yang dibeli melalui pinjaman kerajaan ketika beliau berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan. Dengan kereta itu beliau mengunjungi rumah pesakitnya yang memerlukan rawatan.

Semasa menjalankan Klinik MAHA Dr. Mahathir telah dikenali sebagai seorang yang pemurah dan berperikemanusiaan. Beliau telah banyak menolong pesakit-pesakitnya. Walaupun bayaran pemeriksaan dan ubat pada masa itu ialah tiga ringgit ada terdapat pesakit yang miskin dan tidak mampu datang ke klinik beliau untuk mendapatkan rawatan percuma kepada mereka malah beliau memberi duit-tambang kepada mereka. Dengan sifat-sifat yang ditunjukkan oleh beliau itu menambahkan keyakinan rakyat terhadapnya beliau digelar sebagai Dr. UMNO.

8

# Pondok Maharizan

■ Gambar Dr. Mahathir bersama keluarga, 1972 di hadapan rumah yang dinamakan 'Pondok Maharizan'



P

ondok Maharizan ialah rumah

kediaman Dr. Mahathir dan keluarga sebelum beliau berpindah ke Kuala Lumpur apabila menvertai kabinet Tun Razak sebagai Menteri Pelajaran pada tahun 1972. Maharizan adalah singkatan kepada nama Dr. Mahathir dan keluarga. Letaknya ialah di Batu 6, Titi Gajah, Kota Setar. Rumah ini direka bentuk oleh Dr. Mahathir sendiri. Keseluruhan keluarga Dr. Mahathir lahir dan dibesarkan di rumah ini.

Mengikut Dr. Siti Hasmah rumah ini indah dan semua ahli keluarga tinggal di situ. Tetapi apabila anak-anak beliau dewasa masing-masing tidak suka lagi tinggal di situ Dr. Mahathir telah menjual rumah tersebut dan membina kediaman baru mereka di Country Height


di Kajang.

Keluarga Dr. Mahathir adalah satu keluarga yang bahagia. Kalau tidak ada masalah mereka mencari waktu secukupnya untuk berhimpun seke-luarga. "Dari peringkat awal anak-anak Dr. Mahathir telah diingatkan oleh bapa mereka supaya tidak mengharap apa-apa dari bapa mereka," jelas Dr. Siti Hasmah.

"Mereka menjalankan urusan mereka sendiri tetapi mereka selalu meminta nasihat dari bapa mereka kerana mereka tidak mahu melakukan perkara-perkara yang akan memberi masalah kepada bapa mereka," tambah Dr. Siti Hasmah.

Dr. Siti Hasmah berkahwin dengan Dr. Mahathir pada 5 Ogos 1956. Keluarga Dr. Siti Hasmah ialah Allah-yarham Tun Ismail, bekas Gabenor Bank





Dikurniakan cahaya mata pertama, Marina.



Berdiri dari kiri : Mukhriz, Mirzan dan Mokhzani.  
Duduk dari kiri : Marina dan Melinda






Negara, Dato' Ahmad Razali, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Hashim, bekas Panglima Angkatan Tentera, Datin Paduka Saleha, Dato' Jaafar dan Zainal Abidin seorang arkitek. Dr. Siti Hasmah mencipta nama sebagai antara yang pertama menjadi doktor wanita Melayu. Wanita pertama yang dilantik sebagai 'State Maternal and Child Health Officer' di Kedah. Dr. Siti Hasmah telah menempa nama untuk dirinya di dalam pentadbiran perubatan dan perancang keluarga. Beliau bergerak cergas di dalam berbagai-bagai kegiatan kebajikan dan menemani suaminya ke seberang laut.

Mereka dikurniakan Tuhan tujuh cahaya mata. Anak sulungnya ialah Datin Paduka Marina, Pengerusi Yayasan Aids Malaysia. Datin Marina memulakan kerjaya beliau sebagai wartawan dan

kemudian terlibat dalam dunia perhubungan awam, penerbitan, fesyen dan penulisan. Mirzan muncul sebagai tokoh korporat dan beliau adalah Pengerusi Eksekutif Konsortium Perkapalan Berhad. Melinda adalah surirumah sepenuh masa. Mokhzani bergiat cergas dalam politik dan kini adalah bendahari Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Juga beliau adalah Pengerusi Eksekutif Tongkah Holdings. Mukhriz juga aktif dalam perniagaan.

Kehidupan seharian Dr. Mahathir ialah beliau bangun awal pagi untuk sembahyang fardzu subuh dan melakukan sedikit senaman ringan, sarapan dengan roti dan kari dan masuk ke pejabat sebelum pukul 8.00 pagi. Beliau biasanya bekerja 12 jam sehari.





Berdiri dibarisan belakang (dari kiri ke kanan) - Mirzan, Tara, Mahathir, Wan Mohd. Adil, Mokhzani, Mukhriz

Di barisan depan (dari kiri ke kanan) - Maizura, Ineza, Jane, Marina, Siti Hasmah, Meera Alyanna, Melinda, Mastisa, Norzieta, Anisha Edlene, Zehan Edreana

**SUSUR GALUR KELUARGA**  
**Dr. Mahathir**  
**Dr. Mahathir**

**DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
**&**  
**DR. SITI HASMAH MOHD. ALI**

MARINA  
TARA SOSROWARDOYO

MIRZAN  
JANE HUSAINY

MELINDA  
WAN ADLIL WAN DAUD

MOKHZANI  
MASTISA HANI MOHAMED

MUKHRIZ  
NORZIETA ZAKARIA

MAZHAR

MAIZURA





Perhimpunan Anti-Malayan Union di Alor Setar, 1946 Khir Johari sedang berucap

# Aktivistis Politik





alam masa Dr. Mahathir bekerja di Alor Setar, beliau turut terlibat dalam kegiatan-kegiatan politik dan juga memberi khidmat kepada beberapa pertubuhan. Sebenarnya sejak tahun 1945 lagi beliau telah pun melibatkan diri dalam persatuan. Perjuangan politik Perdana Menteri mula berputik sebelum UMNO ditubuhkan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1946 lagi. Perjuangan politik Dr. Mahathir melalui empat zaman penjajahan iaitu British, Jepun, Siam dan kembali kepada British. Tun Mohamed Zahir, Speaker Dewan Rakyat dan juga teman seperjuangan Dr. Mahathir telah mencatatkan peristiwa di mana pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid dikejutkan oleh Dr. Mahathir pada suatu pagi apabila beliau mencampakkan naskah akhbar Straits Times bertarikh 11


Oktober 1945 di atas meja. Laporan akhbar Straits Times tersebut ialah mengenai cadangan Inggeris menubuhkan Malayan Union di Tanah Melayu. Semangat nasionalisme mula menular dikalangan pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid selepas Dr. Mahathir mendedahkan hasrat Inggeris untuk mengaut kekayaan di Tanah Melayu.

Menurut Tun Mohamed Zahir

mereka menyambung semula pelajaran apabila British memerintah Malaya kembali. Di antara teman-teman sekolah beliau hanya Mahathir tidak mempelajari Bahasa Jepun. Beliau berniaga pisang di Pekan Rabu dan masa lapangnya dihabiskan dengan membaca buku. Dibandingkan dengan teman-teman sekolah beliau yang lain Tun Mohamed Zahir berpendapat penguasaan Bahasa Inggeris beliau adalah amat

baik dan beliau dapat memahami berita-berita dari akhbar Inggeris dengan lebih baik. Akhbar The New Straits Times telah membuat liputan tentang pengu- muman rasmi rancangan menubuhkan Malayan Union di Malaya. Pengumuman itu dibuat oleh Setiausaha Tanah Jajahan di Dewan Rakyat British di London pada 10 Oktober 1945.

'Malaysia' karangan seorang rakyat Amerika, Rupert Emerson





Pemimpin-pemimpin "Anjuran Kesetiaan Pemuda Kedah" (AKPK) yang tertubuh sekitar 1946.




Tun Mohd. Zahir Ismail



Dato' Ahmad Nordin Md. Zain

Dato' Ahmad Nordin Zain, teman sekelas Dr. Mahathir berkata bahawa Dr. Mahathir telah meniuapkan semangat kebangsaan di kalangan rakan-rakan di kolej itu selepas beliau membaca buku berbahasa Inggeris bertajuk 'Malaysia' karangan seorang rakyat Amerika, Rupert Emerson. Buku itu dikecam hebat oleh penjajah Inggeris kerana Emerson telah mendedahkan dasar Inggeris yang memeras segala kekayaan negeri ini untuk keuntungan kaum pemodal di London tanpa mempedulikan kepentingan rakyat. Menyedari hasrat Inggeris yang tidak ikhlas itu Mahathir dan lapan rakan lain termasuk Dato' Ahmad Nordin mendapat ilham menentang penjajah.

Sehubungan itu dua pertubuhan berfahaman sederhana ditubuhkan di Kedah iaitu Persatuan



Tokoh-tokoh yang menandatangani piagam UMNO di Istana Besar Johor Baharu pada 11.5.1946 termasuk wakil dari Kesatuan Melayu Kedah.

Pemuda Melayu Kedah (PPMK) dan Anjuran Kesatuan Pemuda Melayu Kedah (AKPMK). PPMK dipimpin oleh Mahathir sendiri selaku Yang Dipertua. Pada bulan Mei 1946 Dr. Mahathir, Zahir Ismail, Khalid Awang Osman telah menubuhkan PPMK. PPMK lahir selepas penubuhan SABERKAS, Kesatuan Melayu Kedah dan Persatuan Ulamak Kedah. Dr. Mahathir dilantik sebagai

Yang Dipertua, Zahir Ismail sebagai Naib Yang Dipertua dan Ustaz Ibrahim sebagai setiausahanya. Pejabat PPMK terletak di Sungai Korok, lebih kurang tiga kilometer dari Alor Setar. Pejabat ini adalah sebuah rumah Melayu yang bertiang, berlepau, beranda dan berbumbung atap rumbia. Rumah itu ada dua bilik dan sebuah dapur. Mesyuarat jawatankuasa diadakan di dalam bilik kecil dan mesyuarat agung





Pejabat Persatuan Pemuda Melayu Kedah terletak di Sungai Korok, Alor Setar.



Pejabat Persatuan Pemuda Melayu Kedah



Freedom Yeom Skymar



Muhamad Zakaria (Mat Cikalo)



Tun Syed Ahmad Shahabu Sdn



dibilik besar, Rumah itu didermakan oleh Freedom Yeom Skymar, seorang ahli jawatankuasa. Beliau membiayai kos bil air dan elektrik. Tun Syed Ahmad mencadangkan rumah ini diabadikan sebagai rumah bersejarah kerana dari rumah inilah bermulanya kerjaya politik Dr Mahathir.

PPMK amat aktif dalam kempen menentang Malayan Union. Mahathir, Tun Syed Ahmad, Khalid Awang Osman turut berkunjung ke kampung-kampung untuk menjalankan kempen supaya lebih ramai orang keluar berarak pada hari perarakan menentang Malayan Union. Mereka juga mengadakan sandiwara di pekan-pekan kecil. Cerita-cerita bertemakan semangat kebangsaan dipentaskan. Mereka berjumpa dengan orang-orang yang berpengaruh untuk meminta

sokongan terhadap perjuangan menentang Malayan Union. Mereka mengadakan DYMM Raja Muda Tunku Abdul Halim berbincang tentang keadaan yang tidak menentu itu.

Untuk meniupkan semangat orang-orang Melayu Abd. Hamid Tahir telah mengarang senikata 'lagu pemuda'. Lagu ini sering dinyanyikan ketika berkempen di kampung-kampung. Mereka juga meminta pertolongan orang-orang di Pekan Rabu yang bijak berpidato. Mahathir yang berniaga pisang di tempat itu pada waktu pemerintahan Jepun mempunyai ramai kenalan di sana. Salah seorang daripadanya ialah Hadi yang bijak berpidato dan ucapannya itu tidak sangkut-sangkut. Mereka juga meminta pertolongan orang-orang Indonesia yang berniaga di Pekan Rabu yang

mempunyai semangat yang amat tinggi. Pemimpin bagi orang-orang Indonesia itu ialah Yunus yang berniaga nasi di Pekan Rabu. Pada hari-hari Jumaat mereka pergi sembahyang di masjid-masjid dan memberi ucapan selepas sembahyang.

Seorang pemuda bekas askar yang telah bersara bernama Mat Cikalo telah mengajar mereka kawat ala tentera. Mat Cikalo itu kecil dan kurus orangnya tetapi suaranya seperti guruh. Mereka belajar kawat di Teluk Wanjah yang pada masa itu dipenuhi hutan nipah dan juga tempat kera dan biawak. Mat Cikalo adalah seorang yang kuat semangat. Beliau bernazar tidak akan gunting rambut dan mencukur jambangnya sehingga Tanah Melayu merdeka. Sungguh seperti nazarnya Mat Cikalo tidak bercukur atau bergunting



■ Sepanduk penentangan Malayan Union.

selama 11 tahun. Rambutnya panjang hingga mencecah lutut mengembang dituip angin sewaktu berjalan. Perbuatannya itu menaikkan semangat orang yang melihatnya. Rambut, janggut dan misainya dicukur oleh Ismail pada jam 12.01 pagi, 31 Ogos 1957 setelah bendera British diturunkan dan bendera Tanah Melayu dinaikkan.

Salah satu usaha yang diadakan untuk menentang Malayan Union dengan bersungguh-sungguh dan mempertahankan kedudukan Raja-Raja ialah dengan mengadakan satu demonstrasi melalui poster yang ditampal di segenap pelusuk bandar Alor Setar. Poster-poster ini mengandungi kata-kata menentang sekeras-kerasnya gagasan Malayan Union. Pada malam sebelum hari pergerakan menentang Malayan Union di Padang Court, Alor Setar telah

diadakan gerakan menampal poster-poster. Aziz Ahmad, rakan sekelas Dr. Mahathir telah menciptakan huruf-huruf cap dengan menggunakan ubi benggala. Ubi itu dibelah dua. Huruf ABC diukirkan ke atas muka ubi yang dipotong itu. Huruf di atas ubi itu dicap keatas 'stamp pad' yang dibasahi dengan dakwat cina. Kemudian dicap keatas kertas-kertas poster itu. Poster-poster itu seakan-akan sama seperti poster yang dicap oleh mesin cetak. Pada jam 12 tengah malam 8 November 1945 dengan pertolongan kawan-kawan penjual ikan di pasar ikan Seberang Perak mereka keluar menampal poster-poster di dinding, tembok, pokok dan tiang elektrik di seluruh pekan Alor Setar. Dua orang ditugaskan bagi satu kumpulan. Seorang membawa tong pelekat yang dibuat daripada ubi kayu. Antara pengerak-

pengeraknya terdiri daripada Dr. Mahathir, Zahir Ismail, Abdul Halim, Hj Khalid, Ismail, Sahar, Hashim, Noor, Syed Ahmad dan Aziz. (Mohamed Zahir Ismail, 1990).

Encik Abdul Halim bin Mohamad, rakan sekolah Dr Mahathir menceritakan beliau bersama Dr. Mahathir pada malam sebelum perhimpunan menentang gagasan Malayan Union telah ditugaskan menampal poster di kawasan sekitar Pejabat Besar Pos Alor Setar. PM mahu agar di pintu besar Pejabat Pos juga ditampal poster kerana besoknya orang ramai yang keluar masuk di situ dapat membacanya. Tugas itu diserahkan kepada rakannya Abdul Halim sementara dia meronda sekitar bangunan itu termasuk Jalan Nagore. Tengah malam pun tiba. Abdul Halim tidak dapat menjalankan



Pejabat Pos Alor Setar



Balai Polis Alor Setar



Hji. Johari Mohamad



tugasnya kerana seorang mata-mata Benggali sedang berkawal dan meronda pergi balik di sekitar bangunan Balai Polis yang berdekatan dengan Pejabat Pos itu. Masalah yang kedua ialah terdapat ramai orang India yang tidur nyenyak di tangga Pejabat Pos itu. Melalui idea PM Abdul Halim akhirnya berjaya juga menampal poster di situ. Dia pura-pura tidur bersama-sama orang India di situ dengan tangannya siap memegang poster yang sudah disapu gam. Sebaik sahaja mata-mata Benggali itu berjalan membelakangkan dirinya, Abdul Halim bingkas bangun dan segera menampal poster itu. Tuan Haji Johari Haji Mohamad mencatatkan satu pertunjukan pentas bertajuk 'Pahlawan Nusa' yang dipentaskan untuk memungut wang untuk tabung kebajikan dan untuk SABERKAS

menjalankan aktivitinya. Skrip ceritanya dikarang oleh Tun Mohamad Zahir Ismail menceritakan betapa seorang hero berpakaian serba hitam dan berkaca mata hitam berjaya menyelamatkan seorang gadis daripada diganggu oleh seorang penjahat. Hero yang beraksi itu tidak lain dan tidak bukan ialah Mahathir Mohamad dan gadis yang dibelanya itu ialah Johari bin Mohamad yang memakai nama Norma. Pada tahun 1945, Dr. Mahathir memasuki UMNO semasa perjuangan perintis pergerakan Melayu Kebangsaan bermula -apabila Dato' Onn Jaafar menjadi Presiden pengasasnya. Ketika itu Mahathir berumur 20 tahun dan bukan sahaja dengan aktiviti politik, tetapi juga dengan memberi perkhidmatannya kepada beberapa pertubuhan di Kedah, Mahathir telah

diberi peluang bertanding 1959 dalam pilihan raya negeri Kedah tetapi beliau menolak. Dr. Mahathir tidak pernah menjadi Ahli Dewan Negeri. Pada pilihan raya tahun 1964, beliau telah dipilih menjadi menjadi Ahli Parlimen Kota Setar Selatan. Kesempatan ini diperolehi setelah beliau menjadi ahli biasa selama 18 tahun. Beliau memasuki UMNO adalah berdasarkan kepercayaan bahawa UMNO adalah sebuah parti yang dapat memberi sumbangan kepada perjuangan untuk memenuhi erti kemerdekaan dan aspirasi rakyat. Dr. Mahathir adalah seorang Ahli Parlimen yang sangat dihormati dan disegani. Beliau banyak menyuarakan pandangan dan pendapat yang bernas di Parlimen.

# Malay padi planters need help

Malay padi planters, in public opinion, have gained the bad reputation of being the backbone of their race. Most people expect these victims to be complaining about the poor conditions in which they live, but instead of their weakness, the main strength of the Malay people.

by C.H.E. DET

And if there is the case of the Malay people, they are not the backbone of their race, but the backbone of the Malay people.

Malay padi planters, in public opinion, have gained the bad reputation of being the backbone of their race. Most people expect these victims to be complaining about the poor conditions in which they live, but instead of their weakness, the main strength of the Malay people.

## CHANGING MALAY MARRIAGE CUSTOMS

by C.H.E. DET

Malay marriage customs are changing rapidly. In the past, the Malay people were very conservative in their marriage customs. They had a strict code of conduct and a strong sense of duty. But now, with the influence of Western culture, these customs are being abandoned.

## New thoughts on nationality

by C.H.E. DET

There are new thoughts on nationality in the Malay world. The Malay people are beginning to think of themselves as a nation, rather than as a race. They are developing a sense of national identity and a desire for self-determination.

## Plight of Malay fisherfolk

by C.H.E. DET

The Malay fisherfolk are in a very difficult position. They are being driven from their traditional fishing grounds by the expansion of the rubber and tin industries. They are also being exploited by the middlemen who buy their fish.

WITH the benefits of the new Malay constitution, the Malay people are beginning to enjoy a new sense of freedom and independence.

by C.H.E. DET

## Malay progress & the University

by C.H.E. DET

The progress of the Malay people is being hindered by the lack of a modern university. The existing universities are not providing the education that the Malay people need to compete in the modern world.

## Malay—“modern” and standard

by C.H.E. DET

The Malay language is being modernized and standardized. This is a necessary step towards the development of a modern Malay literature and a more unified Malay identity.

# Di Hujung <sup>10</sup> Pema

**K**etua Satu GAPENA, Tan Sri Prof. Emeritus Ismail Hussein ketika mengalu-alukan perlantikan Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri menyatakan kegembiraannya kerana seorang penulis telah dilantik memegang jawatan tertinggi negara. Dr. Mahathir sebagai penulis telah menangkap pandangan dunia melalui ketajaman penanya. Bukunya yang termasyhur "The Malay Dilema" adalah yang pertama mencapai tingkat "best seller" di rantau ini.

Semasa belajar di Sultan Abdul Hamid College Dr. Mahathir amat handal dalam bahasa terutamanya dalam bahasa Inggeris dan beliau sukar ditentangi dalam majlis-majlis perba-

hasan yang diadakan oleh Persatuan Sastera dan Bahasa dari satu masa ke satu masa. Dalam tahun 1945/46 beliau telah dipilih menjadi pengerusi/persatuan tersebut di samping bertugas sebagai penyunting majalah kolej "Darulaman".


Beliau amat berminat dalam bidang penulisan, ketika masih belajar beliau telah menulis rencana-rencana politik dan dihantar kepada akhbar bahasa Inggeris pada ketika itu. Mahathir dengan menggunakan nama timang-timangannya iaitu "CHE DET" telah menghantar rencana dan berita untuk akhbar dan majalah. Di antara akhbar yang banyak menyiarkan tulisan beliau ialah Straits Times dan Sunday Times. Ketika menuntut di Universiti Malaya Singapore beliau telah dilantik

menjadi editor majalah penuntut perubatan iaitu "The Cauldron"

Khoo Boo Teik dalam bukunya bertajuk "Paradoxes of Mahathirism : intellectual biography of Mahathir Mohammad" membuat kajian berkenaan artikel-artikel yang ditulis oleh Dr. Mahathir yang menggunakan nama samaran C.H.E. Det. Artikel-artikel tersebut muncul dalam Sunday Times diakhir 1948. Agak aktif pada tahun 1949 dan berkurangan di dalam tahun 1950.



■ Tan Sri Ismail Hussein



MAHATHIR  
BIN  
MOHAMAD

THE  
MALAY  
DILEMMA




DR. MAHATHIR

menghadapi  
cabaran

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA

Karya-karya Dr. Mahathir



TWO LEADERS DISCUSS  
THE COMING  
CENTURY

THE  
VOICE  
OF  
ASIA



330.93003  
BAA  
MAHATHIR MOHAMAD  
SHINTARO ISHIHARA




Tajuk-tajuk dan keluaran artikel-artikel itu adalah seperti berikut:-

Tarikh	Tajuk
26 September 1948	<i>Malays And Higher Education</i>
17 October 1948	<i>Malays and Higher Education : summing-up</i>
09 January 1949	<i>Ronggeng is popular</i>
23 January 1949	<i>Picnic Times in the Dusun</i>
06 February 1949	<i>Rains bring fish to "sawah"</i>
24 April 1949	<i>Malays-"Modern" and "Standard"</i>
24 July 1949	<i>Malays Homewives are busy"</i>


Tarikh	Tajuk
07 August 1949	<i>The Rules are losing loyalty</i>
09 October 1949	<i>Rulers and rakyat - climax is near</i>
30 October 1949	<i>Malay padi planter need help</i>
20 November 1949	<i>Malay progress and the University</i>
08 January 1950	<i>Malay in South Siam struggle</i>
09 April 1950	<i>Near thoughts on Nationality</i>
23 April 1950	<i>Plight of Malay Fisherfolk</i>

(Khoo Boo Teik, 1995 : 81) Khoo Boo Teik telah memberikan tiga kategori iaitu :

1. Perhatian berkenaan adat dan kehidupan sosial orang Melayu
2. Perbincangan masalah orang Melayu
3. Tulisan-tulisan berkenaan politik



Karya-karya Dr. Mahathir



# DARULAMAN

THE MAGAZINE OF  
SULTAN ABDUL HAMID COLLEGE



ALOR STAR



Tun Daim Zainuddin

Majalah Darulaman Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star.

Dato' Zakiah Hanum Abd. Hamid



Dato' Zakiah Hanum, bekas Ketua Pengarah Arkib Negara dalam mengulas artikel-artikel tulisan Dr. Mahathir ketika menuntut di Universiti Malaya menyatakan walaupun pada waktu itu Mahathir berumur dalam dua puluhan tulisan beliau menampakkan kematangan dan pandangan yang tegas penulis. Penulisan beliau menumpu perhatian khususnya kepada masalah orang-orang Melayu luar bandar.

Dalam masa menjadi orang buangan UMNO Dr. Mahathir sempat menyiapkan buku "The Malay Dilema". Buku ini telah menggemparkan masyarakat Malaysia pada waktu itu. Mahathir menulis buku kontroversi tersebut dirumah beliau "Pondok Maharizan" di Batu 6, Titi Gajah. Mengenai bukunya Dr. Mahathir pernah berkata "Saya tidak mahu buku saya

disamakan dengan karya Abdullah Munsyi, Mahathir berpendapat bagi Abdullah Munsyi segala yang dilakukan oleh orang Melayu di zamannya salah belaka, hanya British yang benar. Abdullah hanya tahu mengkritik saja tetapi tidak memberi jalan keluar. Mahathir berkata beliau mengkritik perbuatan orang Melayu dalam buku "The Malay Dilema" dengan memberi jalan untuk diikuti dan dilaksanakan.

Menurut Tun Daim, Dr. Mahathir pernah menunjukkan deraf buku "Malay Dilema" kepada beliau. Pada ketika itu Daim dan anak saudara Mahathir iaitu Ahmad Mustapha berkongsi menubuhkan syarikat penerbitan iaitu Kariawan. Apabila Kariawan tidak berupaya menerbitkan buku tersebut Mahathir telah memberi kepada penerbit lain yang mencetaknya


di Singapura. (Cheong Mei Sui, 1995 : 134)

Apabila buku tersebut diterbitkan pada tahun 1970 ianya telah mencetuskan kegelisahan dan Mahathir telah dicap sebagai Ultra. Buku tersebut diharamkan dan pengharaman dibatalkan pada tahun 1981 apabila Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Di dalam buku tersebut Mahathir menyarankan cadangan membina untuk membantu orang-orang Melayu menandingi kuasa ekonomi orang-orang Cina. Kandungan buku ini adalah jelas dan mengandungi pandangan Mahathir yang telah disusun sejak zaman British.

Beliau selalu menyuarakan perasaan nasionalis tetapi pandangan beliau ini adalah lebih tegas.





Meminati sukan berkuda





# Di Masa Lapang

11




r. Mahathir sebagai Kegemaran utama beliau ialah Perdana Menteri Malaysia membaca. Beliau banyak se-sentiasa sibuk dan mempunyai kali membaca kebanyakannya program harian yang cukup buku-buku cerita, ekonomi, ketat. Beliau tidak mempunyai buku pengurusan dan teater. masa lapang yang luas. Ketika mengendalikn klinik

swasta pada tahun 1957, meter dari Alor Setar. beliau banyak memberi sum- Mahathir mempu-  
 bangan kepada masyarakat. nyai bengkel-pertukangan  
 Beliau amat aktif dalam tangan sendiri di kediaman  
 pertubuhan-pertubuhan beliau. Beliau mampu  
 sukarela dan pernah meme- membuat kaki lilin, lampu  
 gang beberapa jawatan seperti meja, rubber stamp, tempat  
 Presiden Persatuan Batuk abu rokok. Bakat diwarisi oleh  
 Kering, Kedah. ibunya yang sangat terkenal  
 Sebagai Presiden kerana kecekapannya menga-  
 Persatuan Batuk Kering Kedah nyam tikar. Dr. Mahathir juga  
 beliau sering melawat Ladang- berminat bidang hiasan  
 ladang getah untuk memberi dalaman sama ada di kediam-  
 nasihat dan rawatan kepada an rasminya di Kuala Lumpur  
 pekerja dan pesakit batuk baik di rumah sendiri di  
 kering. Lawatannya tidak Pondok Maharizan. Dr.  
 sekadar ke daerah yang ber- Mahathir bertanggungjawab  
 hampirn dengan Alor Setar memilih perabot rumah, kain  
 tetapi sampai ke ladang-ladang langsir dan lain-lain alatan.  
 getah di Kuala Ketil, Baling. Hampir keseluruhan  
 Jaraknya lebih kurang 100 kilo- keluarga Dr. Mahathir me-




Bermain congkak  
bersama Dr. Siti Hasmah



Melawat masyarakat kampung

Mahir dalam pertukangan






Minat memasak



Gerai buku

minati muzik dan boleh keluarga menikmati hidangan bermain alat muzik. Dr. Siti tersebut (Morais, 1982) Hasmah dan Mirzan bermain Dr. Mahathir dan Dr. biola. Melinda bermain organ. Siti Hasmah meminati sukan Mukhriz bermain drum. berkuda. Beliau menerima dua Sementara Dr. Mahathir ber ekor kuda sumbangan bekas main trumpet. Kebolehan Presiden Pakistan, Jeneral Zia setiap ahli keluarganya ber Hul Haq. Selepas menjalani main muzik mungkin di pembedahan jantung pada bentuk kumpulan orkestra. tahun 1989 Dr. Mahathir kem- Satu lagi kegemaran bali menunggang kuda setelah Dr. Mahathir ialah memasak. dibenarkan oleh doktor beliau. Sekiranya Dr. Mahathir berada Kini Dr. Mahathir menunggang di dapur Dr Siti Hasmah tidak kuda sekiranya beliau mem- membantu atau mengganggu punya masa terluang. beliau. Ketika memasak nasi goreng beliau akan mema- sukkan kesemua bahan sekali. Mengikut Dr. Siti Hasmah apabila nasi goreng siap dimasak keseluruhan ahli





Kongres Melayu pada tahun 1946 di Kelab Sultan Sulaiman

# Kegiatan Awal UMNO



T

okoh veteran UMNO Tan Sri Mustafā Jabar menyangkal pendapat yang menyatakan Dr. Mahathir hanya terlibat selepas merdeka dan tidak pernah dikaitkan dengan perjuangan menentang Malayan Union. Beliau masih ingat ketika ditugaskan untuk menjaga meja pendaftaran semasa Kongres Melayu yang pertama diadakan pada 1 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Dr. Mahathir yang dikenali dengan panggilan Che Det telah mendaftar sebagai peserta

kongres. Dr. Mahathir pada masa itu baru lepas Senior Cambridge dalam usia 18 tahun dan belum masuk universiti di Singapura. Menurut Tan Sri Mustafā Dr. Mahathir adalah ahli asal UMNO tetapi pada masa itu beliau tidak aktif. (Mastika, Januari 1996)

Sungguhpun Dr. Mahathir telah menjadi ahli UMNO sejak tahun 1946 beliau memasuki parlimen hanya pada tahun 1964 iaitu setelah 18 tahun menjadi ahli biasa. Dalam tahun 1959 beliau telah ditawarkan tempat dalam pilihanraya negeri Kedah tetapi beliau menolak. Menurut Zainuddin Maidin,

Dr. Mahathir pada ketika itu menjadi Pengerusi UMNO Negeri dan selaku Pengerusi Jawatankuasa politik UMNO Negeri telah mencadangkan supaya pemilihan calon-calon pilihanraya diasaskan kepada kelayakan tertentu. Hal ini telah menimbulkan kemurkaan di kalangan mereka yang berasa tidak akan terpilih akan membawa kepada perse-lisihan faham antara Dr. Mahathir dengan Setiausaha UMNO Negeri iaitu Syed Ahmad Shahabudin. Mereka telah mengadu kepada Tunku selaku Presiden dan menuduh Dr. Mahathir hendak memilih semua ahli Jawatankuasa UMNO Negeri menjadi calon.

Tunku mula merasakan Dr. Mahathir memberikan masalah kepadanya. Dr. Mahathir yang tersinggung perasaannya telah mengundurkan diri dan tidak mahu bertanding dalam pilihanraya nasional kedua pada tahun 1959.

Kerjaya politik beliau bermula pada tahun 1964 bila beliau terpilih sebagai Ahli Parlimen Kota Setar Selatan. Beliau memasuki UMNO adalah berdasarkan kepercayaan bahawa UMNO adalah sebuah parti yang dapat memberi sumbangan kepada perjuangan untuk memenuhi erti kemerdekaan dan aspirasi rakyat. Dr. Mahathir pada masa itu adalah seorang yang



UMNO

وادي بن سميان بن مهران

BERNAMA

Islam

UNTUK AMAN  
TEL. 04-772222

BANK BUMIPUTRA

SIMPANA

mempunyai cita-cita tinggi dan pandangan dan tindakan. sebagai ahli parlimen adalah perkauman seperti "Malaysia hasrat perjuangan yang jujur. Beliau tidak pernah diberi tempoh yang sengit yang adalah untuk rakyat Malaysia".

Ketika menjadi ahli parlimen sebarang jawatan dalam penuh krisis. Tahun-tahun ini Kedatangan beliau menambah

Kota Setar Selatan Dr. Mahathir kabinet di waktu Tunku Abdul menyaksikan konflik antara kalibar dan beliau dikenali dan

berumur 39 tahun. Sebagai Rahman. Dr. Mahathir di Perikatan dengan DAP, kon- disegani. Mahathir dihantar ke

ahli parlimen beliau mem- pandang sebagai golongan per- troversi Akta Bahasa Kebang- luar negeri pada tahun 1964

pamerkan ketajaman fikiran- tengahan kiri, kata Dato' saan dan peristiwa hartal. mewakili Malaysia di World

nya terhadap sesuatu isu tanpa Abdullah Ahmad, bekas Kebanyakan masa beliau Assembly of Youth Conference

segan silu. Selama 5 tahun setiausaha politik Tun Abdul ketika di parlimen ialah untuk di Amherst, Massachusetts.

menjadi wakil rakyat beliau Razak. Menurut Dato' mempertahankan dasar kera- Beliau dilantik sebagai

telah membina imej sebagai Abdullah UMNO pada ketika jaan di dalam perdebatan pengerusi AAPSO dan meng-

seorang pejuang nasionalis itu amat konservatif. Mahathir dengan parti pembangkang hadir persidangan di Ghana.

yang gigih di dalam UMNO di anggap tokoh nasionalis iaitu PAS dan DAP. Hujah- Pada tahun 1965 Mahathir

dan di kalangan masyarakat oleh penyokong-penyokong hujah beliau bahawa konsep telah menghadiri rombongan

Melayu. Beliau telah me- beliau dan seorang yang ultra negara Islam PAS tidak Malaysia ke Perhimpunan

mainkan isu yang berkaitan oleh penentang-penentang mengikut apa yang dianjurkan Bangsa-Bangsa Bersatu. Per-

dengan kehendak orang beliau. oleh Islam menghangat dan spektif Mahathir lebih terbuka

Melayu dengan lantang se- Khoo Boo Teik memanaskan perbahasan di dan bersifat antarabangsa hasil

hingga beliau mula diragukan dalam bukunya 'Paradoxes of parlimen. Dr. Mahathir meng- daripada lawatan-lawatan

sebagai seorang nasionalis Mahathirism' menyatakan kritik DAP kerana bersifat anti beliau ke luar negeri.

yang melampau di segi tempoh pertama Mahathir Melayu dengan dasar





# LIKU - LIKU PERJALANAN KE PUNCAK

**P**eristiwa yang penting dan tragedi paling malang bagi Dr. Mahathir ialah kekalahan beliau pada pilihanraya umum 1969 bagi merebut kerusi parlimen Kota Setar Selatan. Hj. Yusof Rawa (Pas) mendapat 13,201 undi manakala Dr. Mahathir (Perikatan) mendapat 12032 undi. Calon Pas, Hj. Yusof Rawa telah mengalahkan Dr. Mahathir dengan kelebihan undi sebanyak 989. Dr. Mahathir kalah kerana tidak di-

sokong oleh pengundi-pengundi Cina yang memberikan undi kepada Pas.

Sifat Dr. Mahathir yang 'lepas cakap' apabila mengutarakan pandangan-pandangan terhadap kemajuan bangsa Melayu dan pendapat-pendapatnya yang cenderung kepada bangsa Melayu menyebabkan beliau dicap sebagai 'Malay Ultra' oleh orang-orang Cina. Kesan daripada lantangan dalam memperjuangkan hak orang-or-

ang Melayu menyebabkan Mahathir menjadi juara kaum dan mendapat sokongan parti pada tahun 1965 Mahathir dipilih menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO. Tindak-tanduknya itu kemudian di faham menjadi antara faktor utama beliau tidak mendapat sokongan dari pada masyarakat Cina sewaktu pilihanraya umum 1969.

Kekalahannya ini adalah juga kerana kelantangannya menyatakan



bahawa beliau tidak memerlukan undi Cina untuk menang. (Zainuddin Maidin 1996:37).

Walaupun Dr. Mahathir kalah dalam pilihanraya beliau masih lagi berjuang untuk kepentingan negara. Beliau banyak mengemukakan pendapat-pendapat yang difikirkan baik untuk menolong rakyat terutamanya orang-orang Melayu di masa itu.

Mahathir tidak berdiam diri apabila negara mengalami rusuhan 13 Mei 1969. Beliau bertindak menulis surat kepada Tunku dengan menyalahkan sikap kepimpinan Tunku yang lemah. Dalam suratnya Dr. Mahathir menyatakan rasa kesal terhadap sikap Tunku yang leka. Antaranya ialah sikap Tunku yang masih boleh bermain poker sedang negara ketika itu dilanda kegelisahan rusuhan kaum. Bagi Dr.

Mahathir Tunku kurang memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan gagal mengisi kemerdekaan dengan polisi-polisi yang pro-pembangunan Melayu. Kemelut kemiskinan yang melanda orang Melayu seolah-olah dilupakan malah itu semakin berleluasa apabila kekosongan penguasaan ekonomi yang ditinggalkan oleh penjajah di isi oleh golongan pendatang. Dr. Mahathir menjadi penentang kepada dasar yang di buat oleh Tunku dengan lebih lanjut.

Kritikan Mahathir terhadap pimpinan Tunku menyebabkan ia menjadi korban politik. Tunku akhirnya memaksa Majlis Tertinggi UMNO melaksanakan penyingkiran terhadapnya pada 1969 dan berakhirlah usia politik Mahathir dalam UMNO buat seketika. Tunku memberitahu Tun Razak


dengan tegas bahawa pilihan hanya satu sahaja sama ada beliau berhenti atau Mahathir disingkirkan. Peristiwa pemecatan Mahathir pada hakikatnya adalah 'bleasing in disguise' kerana dengan tiba-tiba Dr. Mahathir menjadi 'hero' di kalangan masyarakat pelajar khususnya dan masyarakat Melayu amnya. Tunjuk-tunjuk perasaan menentang Tunku berlaku di Universiti Malaya, Kolej Islam dan Institut Teknologi MARA. Menurut catatan Zainuddin Maidin dalam satu pertemuan Tunku dengan wartawan-wartawan Kumpulan Utusan Melayu beliau berkata, "Amat menyedihkan sekali sekeping surat yang memerlukan masa 10 minit menulisnya telah memusnahkan khidmat saya selama lebih 17 tahun." Mahathir terus mendapat sokongan dari pelajar-pelajar dari pusat-pusat pengajian tinggi.



Tunjuk perasaan menentang Tunku




Tunku Abdul Rahman



Tunjuk perasaan menentang Tunku





The Malay Dilemma

'The Malay Dilemma' sebuah buku yang menggemparkan masyarakat Malaysia pada waktu itu. Di dalam buku 'Malay Dilemma' beliau menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Beliau dengan tegas dan berani mengutarakan ideanya tentang sebab-sebab orang Melayu mundur.

Banyak sekali demonstrasi pelajar menentang Tunku. Anwar Ibrahim pada ketika itu adalah salah seorang pemimpin pelajar menyokong perjuangan Dr. Mahathir (Rachmanmat 1976).

Semasa menjadi orang buangan UMNO. Mahathir telah sempat menyiapkan 'The Malay Dilemma' sebuah buku yang menggemparkan masyarakat Malaysia pada waktu itu. Di dalam buku 'Malay Dilemma' beliau menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Beliau dengan tegas dan berani mengutarakan ideanya tentang sebab-sebab orang Melayu mundur. Beliau mengkritik kerajaan pada masa itu terutamanya Y.T.M. Tunku Abdul Rahman. Dr. Mahathir berpendapat kelemahan orang Melayu ialah kerana minda mereka masih dijajah. Pandangan

ini dianggap kurang ajar oleh Tunku dan Tunku telah mengharamkan buku tersebut dengan alasan untuk menjaga keharmonian rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Mahathir diterima semula ke pangsuan UMNO pada tahun 1972 tanpa syarat. Mahathir tewas dalam pertandingan merebut jawatan Naib Presiden tetapi Mahathir terpilih untuk menggantikan Majlis Tertinggi UMNO dengan undi terbanyak. Beliau dilantik menjadi Ahli Dewan Negara (Senator) dan Pengerusi FIMA pada tahun 1973.

Beliau pernah dilantik menjadi ahli Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi pada tahun 1972. Dr. Mahathir pernah dilantik menjadi ahli Majlis Universiti Malaya dan Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan.

Berjumpa Tun Razak di Morib sebelum  
memasuki UMNO pada tahun 1971



# PENYERTAAN

## *Dalam*

# KABINET

14

*P*

ada tahun 1973 Dr. Mahathir telah dilantik sebagai seorang senator. Beliau memenangi pilihanraya 1974 tanpa bertanding. Kemenangan beliau di dalam pilihanraya tersebut telah membolehkan beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran pada 6 September 1974. Beliau merupakan satu-satunya ahli parliamen yang telah dilantik menteri penuh tanpa menjawat jawatan timbalan menteri (Adshead, 1989).

Kepercayaan yang ditunjukkan oleh Allahyarham Tun Razak pada

beliau merupakan satu sokongan moral kepada ketokohan beliau. Kementerian Pelajaran adalah merupakan kementerian yang paling sensitif dan sesiapa yang memegang jawatan itu boleh disifatkan sebagai memakai sebuah mahkota berdur (Morais, 1982).

Di negara ini portfolio pelajaran dapat dianggap sebagai batu loncatan untuk meningkat di dalam hirarki kepimpinan UMNO. Menteri pelajaran yang pertama Allahyarham Tun Hj. Abdul Razak mengganti Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana



■ Kartun Mahathir masuk UMNO pada tahun 1972  
Menteri. Tun Hussein Onn Perdana

Menteri ketiga pernah berkhidmat sebagai Menteri Pelajaran. Perdana Menteri sekarang Dr. Mahathir Mohamad pernah berkhidmat sebagai Menteri Pelajaran.

Sebaik sahaja Dr. Mahathir diumumkan menjadi Menteri Pelajaran, Zainuddin Maidin telah mewawancarai Dr. Mahathir. Secara bergurau beliau berkata kepada Dr. Mahathir, "Tahniah ultra telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran." Secara serius Dr. Mahathir menjawab, "Saya tidak mengakui diri saya sebagai ultra. Ini adalah label yang telah ditampalkan kepada saya dan



Meneliti sesuatu yang ditunjukkan oleh Tun Hussein Onn



Dato' Musa Hitam



Bersama Tun Hussien Onn



Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan  
Malaysia



kerana ada label atau cop ini, apa yang saya kata dan buat sekali pun benar atau tidak maka dianggap sebagai pelampau." (Zainuddin Maidin, 1980:122)

Sejak kemerdekaan lagi portfolio pelajaran adalah sesuatu perjawatan yang amat susah dan sensitif. Dasar pelajaran kebangsaan ialah untuk memperjuangkan keperluan bagi Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan yang menyatukan rakyat negara ini. Dr. Mahathir amat berminat dan mengambil berat berkenaan soal-soal pelajaran dan beliau terlibat dalam kemajuan negara. Beliau telah berpengalaman lebih 15 tahun dalam merangka dan membentuk dasar-dasar pelajaran yang terbesar. Beliau pernah menjadi ahli Lembaga Penasihat Pelajaran Tinggi dan Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia. Perlantikan Dr. Mahathir

sebagai Menteri Pelajaran di sambut baik di kalangan para pendidik.

Sepanjang masa Dr. Mahathir sebagai Menteri Pelajaran soal-soal kontroversial yang menyentuh Dasar Pelajaran Kebangsaan dan yang relevan dengannya tidak banyak kedengaran. Era beliau lebih banyak berhadapan dengan masalah-masalah yang dicetuskan oleh mahasiswa. Dr. Mahathir telah membuat beberapa pindaan kepada akta universiti dan kolej universiti dan dengan tindakan itu beliau membuat otonomi universiti hanya sebagai sejarah yang berlalu (Morais, 1982 : 31)

Dari segi pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan tidak ada gangguan. Sekalipun ada ugutan tentang Universiti Merdeka dan yang seumpamanya seperti soal-soal penggunaan

bahasa di sekolah-sekolah namun Mahathir telah mampu menunjukkan kebolehan mengendalikan hal-hal tersebut dengan ketegasan beliau dan ini menyebabkan Dasar Pelajaran Kebangsaan berjalan kukuh.

Apabila Tun Razak meninggal dunia pada tahun 1975 telah timbul spekulasi tentang siapa tokoh yang akan dilantik Timbalan Perdana Menteri. Perlantikan Perdana Menteri tidak menjadi masalah kerana Timbalan Perdana Menteri pada masa itu secara automatik dapat ambil tempat Perdana Menteri. Persoalan yang timbul ialah siapa yang layak menggantikan Timbalan Perdana Menteri. Jawatan Timbalan Perdana Menteri adalah jawatan kedua penting dalam kabinet. Tun Hussein Onn telah memilih Dr. Mahathir menjadi orang nombor dua pada 2 Mac



Taklimat berkenaan projek-projek MIDA



Lawatan ke kilang

1976 hanya setelah 18 bulan menyertai kabinet.

Menurut Zainuddin Maidin dalam satu pertemuan dengan Dato' Musa Hitam di sebuah hotel di London yang ketika itu menjadi Menteri Perusahaan Utama menceritakan bahawa Dr. Mahathir yang ketika itu sedang melawat Segamat telah terperanjat dengan perlantikan kerana beliau sama sekali tidak menduganya. (Zainuddin Maidin, 1994 : 129).

Mahathir telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dengan melangkahi beberapa menteri yang lebih kanan. Masalah pertama Dr. Mahathir ialah beliau dilihat sebagai boleh menimbulkan kerisauan di kalangan orang Cina dan India. Setelah berkhidmat sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak kurang dari lima tahun

beliau telah mengurangkan ketegasannya. Beliau telah tahu bagaimana hendak menjaga kemarahannya dan mengawal suara semasa berucap (Morais, 1982 : 29)

Sebagai Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir telah mengetahui beberapa jawatankuasa berkenaan gaji dan reformasi sistem pendidikan. Beliau masuk campur dalam pertelingkahan Sistem Penerbangan Malaysia dan Kesatuan Sekerja Malaysia.

Pada bulan Jan 1978, beliau telah dilantik sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian merangkap Timbalan Perdana Menteri. Pada masa beliau mengambil alih Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pelabur luar negara tidak menggalakkan. Ini ialah kerana Akta Pelaburan yang ada pada masa itu tidak menarik untuk

pelaburan luar negara. Dr. Mahathir telah berusaha meminda akta tersebut sebagai tarikan untuk menarik pelabur ke Malaysia (Tan Chee Khoo, 1984 : 52)

Dr. Mahathir telah membuat pendekatan-pendekatan yang agresif dalam mengemukakan Malaysia di negara-negara luar bagi menarik pelabur-pelabur luar bagi menanam modal di Malaysia. Beliau telah membuat lawatan untuk memperkenalkan Malaysia. Kejayaan yang diperolehi dari misi-misi pelaburan beliau ke luar negeri dalam usaha memberikan pendedahan terhadap potensi pelaburan di Malaysia amat menggalakkan (Aziz Zariza, 1988 : 41).

# Sri Perdana

---

15

A photograph of the entrance gate to Sri Perdana. The gate is a large, dark metal structure with a central archway. To the left of the gate is a white wall with the text 'SELAMAT DATANG' and the coat of arms of Malaysia. Below the coat of arms is the text 'SRI PERDANA MENTERI'. The gate is set against a background of a large, dark building with a tiled roof. A road leads through the gate, and there are some trees and a car visible in the distance.

**SELAMAT DATANG**



**SRI PERDANA MENTERI**



D

Dr. Mahathir Mohamad telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia dalam usia 55 tahun pada jam 11 pagi hari Khamis 18 Julai 1981 di Istana Negara. Dr. Mahathir telah membuat rombakan kabinet apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Hussein Onn. Tiada ada seorang menteri yang digugurkan.


Perubahan ini cuma hendak menyesuaikan dengan keadaan masa terkini. Persoalan utama yang dihadapi oleh Dr. Mahathir ialah soal kedudukan Tengku Razaleigh. Apabila Tengku Razaleigh tewas kepada Datuk Musa Hitam dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO timbul berita yang beliau tidak akan menyertai kabinet Dr. Mahathir. Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam telah berjaya memohon supaya Tengku Razaleigh terus kekal dalam kabinet.

Datuk Musa Hitam mengetuai

kabinet dengan memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Datuk Musa bertanggungjawab dengan perjalanan harian jentera kerajaan dan awam. Tan Sri Ghazali Shafie ditukarkan sebagai Menteri Luar Negeri. Beliau mempunyai pengalaman dalam Kementerian luar sebagai ketua Setiausaha dan juga mempunyai hubungan yang rapat dengan pemimpin-pemimpin ASEAN. Tengku Rithaudeen bertukar dari portofolio luar negeri ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Beliau



Datuk Dr. Sulaiman Daud menyambung usaha-usaha Dr. Mahathir mengalakkan pelaburan luar negeri ke Malaysia. Datuk Dr. Sulaiman Daud



Di atas sebuah bukit di Kuala Lumpur letaknya pejabat Perdana Menteri Malaysia.



■ Ahli Majlis Tertinggi UMNO

telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran. Portfolio pelajaran adalah satu jawatan yang susah dan mencabar. Datuk Dr. Sulaiman menganggap perantukan itu sebagai satu penghargaan dan beliau akan berusaha bersungguh-sungguh untuk berkhidmat dengan cemerlang. Anak kelahiran Kedah, Dato' Sanusi Junid telah dilantik sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Beliau mempunyai banyak idea dan berikrar mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Datuk Abdullah Ahmad Badawi telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau bertanggungjawab ke atas Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Datuk Abu Hassan Omar dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan dan Datuk Najib Tun Razak sebagai Timbalan Menteri Kewangan. Enam Timbalan Menteri yang dilantik terdiri daripada Datuk Shahir Abdul Samad, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; Datuk



Dato' Sanusi Junid

Abdul Jalal Abu Bakar, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Bujang Ulis, Timbalan Menteri Perusahaan Utama; Abang Abu Bakar, Timbalan Menteri Pertahanan; En Abdul



Dato' Abdullah Ahmad Badawi

Rahim Thamby Chik, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan En. Idris Abdul Rauf, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

Tugas pertama ketika memegang jawatan Perdana Menteri ialah untuk mencari jalan meningkatkan dan memantapkan perkhidmatan kerajaan. Dr. Mahathir dan Musa bukan dari keluarga aristokrat elit Melayu. Mereka lebih merupakan mewakili kepimpinan Melayu yang berpendidikan tinggi dan progresif dan tidak mudah terlewat untuk membawa perubahan kepada orang Melayu. Dr. Mahathir telah membuat beberapa perubahan yang agak drastik. Beliau mempercepatkan setengah jam waktu Malaysia, memperkenalkan perakam waktu untuk kakitangan kerajaan melancarkan slogan Bersih, Cekap, Amanah, kepimpinan melalui tauladan, Dasar Pandang ke Timur, Penerapan nilai-nilai Islam, 'Buy British Last', mengambil alih Carcosa dan menghapuskan imuniti Raja-Raja.

# Wawancara dengan **DR. MAHATHIR** 24 jam sebelum perlantikan sebagai **PERDANA MENTERI**

---

**Soalan :** Apakah cabaran terbesar yang akan dihadapi oleh Malaysia dalam tahun lapan puluhan?

**Dr. M :** Untuk mempercepatkan perkembangan dan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru supaya orang Melayu dapat mencapai 30% dari ekonomi Malaysia dalam tahun 1990. Kita perlu usaha lebih kerana sektor bukan bumiputera berkembang dengan pesat.

**Soalan :** Apa akan jadi pada Malaysia setelah lima tahun di bawah pimpinan Dr.?

**Dr. M :** Saya harap dapat mengekalkan perkembangan ekonomi Malaysia. Ekonomi dunia mengalami keadaan yang teruk dan ianya amat sukar untuk mengekalkan perkembangan ekonomi Malaysia. Kita akan berusaha meningkatkan pelaburan dalam dan luar negara. Program perindustrian akan diteruskan tetapi saya akan menumpukan perhatian kepada aspek perlaksanaan. Malaysia mungkin dianggap mempunyai pendirian yang keras kerana saya bukan dianggap personaliti yang baik. Saya suka bercakap dengan terus terang dan dalam proses ini kemungkinan menyakitkan hati seseorang. Tidak banyak perubahan akan berlaku yang ada mungkin dari segi gaya dan tindakan sahaja.

**Soalan :** Siapakah yang akan disakiti?

**Dr. M :** Apabila saya berkata orang Eropah malas orang akan marah saya. Saya cuma bercakap benar. Kebanyakan orang tak akan berkata demikian. Mereka mungkin bersetuju dengan saya tetapi tidak berani berkata.

**Soalan :** Adakah anda akan menyakiti sebahagian orang di Malaysia?

**Dr. M :** Saya selalu menyakiti mereka. Saya telah menyakiti orang Cina dan orang Melayu kerana saya memberitahu orang Cina bahawa mereka perlu menerima masyarakat majmuk Malaysia. Saya juga memberitahu orang Melayu supaya rajin berusaha untuk mengecapi sesuatu dan tidak ada jalan untuk memperoleh sesuatu tanpa usaha.



**Soalan :** Bagaimana Dr. menggambarkan perhubungan Malaysia/Singapura?

Dr. M : Saya berpendapat bahawa perhubungan adalah baik. Secara perhubungan dua hala tidak ada banyak masalah. Sejak berpisah dari Malaysia timbul beberapa masalah tetapi ianya dapat diatasi melalui dialog. Oleh itu perhubungan terjalin dengan baik.

**Soalan :** Apakah peluang Dato' Harun Idris mendapat pengampunan?

Dr. M : Saya tidak akan mencampuri keputusan lembaga pengampunan atau Yang Di Pertuan Agong. Ia terpulung kepada mereka untuk membuat keputusan.

**Soalan :** Apa komen Dr. tentang protes pindaan Akta Pertubuhan?

Dr. M : Kita akan buat keputusan tanpa tunduk kepada sebarang tekanan.

**Soalan :** Dr. pernah mengatakan bahawa perlu ada batasan kepada sejauh mana proses atau sesuatu pertubuhan patut bergerak. Apakah falsafah asas Dr.?

Dr. M : Sekiranya ia dapat dikecapi ia seharusnya ada keseimbangan. Di mana tidak ada keseimbangan pihak kerajaan mempunyai hak untuk meletakkan batasan. Kerajaan adalah dilantik; orang akhbar tidak dilantik. Mereka berada di situ kerana mereka berkebolehan menulis dengan baik dan mereka mempunyai jawatan untuk menyambung hidup mereka. Organisasi mempunyai objektif tetapi kurang tanggungjawab. Sekiranya ada ketidakpuasan hati dan ada orang terbunuh. Ia adalah bukan tanggungjawab mereka untuk menghentikan pembunuhan. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menghentikan sebelum berlaku pembunuhan.

**Soalan :** Adakah ianya falsafah utama atau direka untuk keadaan khas Malaysia?

Dr. M : Secara asasnya ianya untuk Malaysia, tetapi saya berpendapat ianya dapat diguna di negara lain termasuk di barat. Keadaan kucar kacir di barat berlaku kerana keadaan dibiarkan sehingga tidak dapat dikawal. Oleh itu ianya tidak ada demokrasi. Ini bukanlah apa yang kita kejarkan.

# Dr. Mahathir

## Setelah 100 Hari Menjadi Perdana Menteri

---

Sama ada di luar mahupun di dalam kerajaan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tetap melalui cara kontroversial. Kalau semasa menjadi 'government backbencher' di tahun 60an dahulu beliau sering menimbulkan pendapat-pendapat yang boleh membangkitkan politik yang panjang, maka setelah menyertai kerajaan, cara beliau tetap tidak banyak berubah.

Malah setelah melalui 100 hari sebagai Perdana Menteri keempat Malaysia, cara 'blunt' beliau tetap bersamanya baik semasa beliau berhadapan dengan kawan, mahupun lawan politik.

Pada setengah kalangan, cara berterus terang beliau ini memudahkan kerja mereka, menyenangkan mereka membaca fikirannya, walaupun kadang kala terpaksa menahan merah padam warna muka.

Dalam temuramah dengannya baru-baru ini beliau dengan selamba berkata, "saya sememangnya sudah biasa bercakap sesuatu yang tidak enak didengar orang. Saya bercakap demikian kepada orang-orang Melayu, Cina mahupun India, jadi kenapa saya mesti menghadkan cara itu cuma dalam negeri sahaja?"

Lantaran sikapnya inilah maka beliau berkata kemerosotan ekonomi yang dialami oleh negara-negara maju, khususnya Barat sekarang ini adalah kerana mereka malas. Beliau memilih Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang letaknya di New York untuk berkata begitu.

Oleh kerana kini beliau berusia 56 tahun, maka adalah sukar baginya untuk mengubah cara lain, sebaliknya itulah cara yang menguntungkan beliau kerana katanya, "dalam dunia yang kebanyakan orang bercakap sesuatu yang baik-baik sahaja, orang yang bercakap 'nasty' akan mendapat perhatian."

Dalam temuramah sempena 100 hari pertama beliau menjadi Perdana Menteri, beliau telah memberi pendapat-pendapat yang menarik tentang berbagai perkara. Berikut ialah hasil temuramah itu.

**Soalan:** Setelah 100 hari menjadi Perdana Menteri, YAB Datuk telah mengadakan berbagai perubahan menuju kepada sebuah kerajaan yang aktif dan bekerja kuat. Apakah perkara-perkara yang telah YAB lakukan dan akan lakukan selepas ini?

**Jawapan:** Adalah sukar bagi saya menilai apa yang telah saya lakukan. Memang betul saya ada memberi arahan, tetapi sama ada arahan itu dilaksanakan atau sama ada arahan tersebut efektif atau pun tidak, adalah lebih mudah bagi orang di luar yang menilainya. Duduk di bilik ini (pejabat Perdana Menteri), memberi arahan, membuat keputusan dan sebagainya tidak membuatkan saya dapat satu perspektif dari luar, tentang sejauh mana kerajaan ini telah mencapai sesuatu. Sangat susah bagi saya berkata sesuatu mengenainya.

Ada orang berkata, "Oh, YAB telah memberi arahan-arahan, tetapi apakah hasilnya?". Sebenarnya saya sendiri tidak tahu. Sebab itulah saya fikir, setelah satu tahun, barulah barangkali kita dapat melihat perubahannya. Tetapi sama ada setelah tempoh itu akan ada perubahan atau tidak, adalah juga susah bagi saya untuk memperkatakannya.

**Soalan:** Ramai yang berkata, bermula dari 16 Julai lalu, satu perubahan telah bermula, iaitu perubahan kepada sebuah kerajaan yang bersih, efisien dan berdisiplin, melalui kerajaan 'Dua M'-Mahathir-Musa-Apa pandangan YAB Datuk?

**Jawapan:** Saya berharap begitu. Tetapi sama ada ianya benar-benar seperti yang dikatakan atau tidak adalah satu perkara lain. Saya dan Datuk Musa mahu melihat perkara ini terjadi. Tetapi apakah kami mampu melakukannya? Adalah sangat mudah berkata, 'mari kita membuat sesuatu yang lebih baik', tetapi soalnya apakah ianya benar-benar 'lebih baik'?

**Soalan:** YAB Datuk telah meminta rakyat memberikan tempoh satu tahun untuk melihat perubahan, bagaimanakah cara penilaian yang diharapkan oleh YAB Datuk supaya rakyat membuatnya?

**Jawapan:** Saya sendiri tidak tahu, bagaimana caranya. Tetapi saya fikir cara yang terbaik adalah menerusi pilihanraya. Jika saya kalah, bermakna saya tidak mencapai sesuatu apapun di sepanjang pentadbiran saya. Tetapi jika saya masih kekal menang, dan saya terus mendapat sokongan dari rakyat, bermakna rakyat sukakan polisi yang saya pegang dan mereka akui kebaikan polisi itu.

Saya tidak mahu terus berkuasa lebih lama dari yang saya dikehendaki. Jika saya dapat mengesan yang saya tidak lagi dikehendaki, saya tidak ada masalah untuk kembali ke klinik saya.

**Soalan:** Apakah cabaran yang paling besar YAB Datuk hadapi setelah menjadi Perdana Menteri?

**Jawapan:** Cabaran yang terbesar sekali ialah hendak menggerakkan semua orang, bukan sahaja pegawai kerajaan, tetapi semua penduduk di negeri ini supaya sedar tentang tanggungjawab masing-masing, peranan masing-masing terhadap pembangunan negara, pembangunan yang bukan sahaja pembangunan material, tetapi juga pembangunan yang memberi sumbu pencapaian spiritual.

Pepatah Inggeris berkata, 'manusia tidak dapat hidup dengan roti semata-mata'. Kita mesti ada sikap ingin mencapai sesuatu yang lebih baik (sense of accomplishment). Sebagai satu bangsa, kita mahu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan orang lain supaya kita tidak merasa terhina.

Bagi saya ini sangat penting. Saya tidak mahu, kalau saya pergi ke mana-mana, kalau saya kata saya datang dari Malaysia, orang berkata 'ah, orang Melayu malas' ataupun seumpamanya sebagaimana dahulu. Saya dibesarkan dalam suasana seperti itu. Bagi saya inilah perkara yang saya tidak tahan sekali, iaitu bila orang kata orang Melayu pemalas, penyegan.

Ini maksud saya bukan Melayu sahaja, tetapi semua orang Malaysia. Apa juga pandangan orang luar terhadap orang Melayu, sedikit sebanyak melibatkan kaum-kaum lain. Jadi saya mahu orang menghormati Malaysia.

Jika ada satu perkara yang saya ingin melihat berlaku sebelum saya bersara ialah tentang perubahan sikap rakyat yang mana mereka lebih berdikari, lebih produktif dan lebih berkemampuan mempertahankan hak-hak mereka dan juga negara. Sesungguhnya saya mempunyai objektif yang sangat terhad.

**Soalan:** Setakat ini tidakkah kita sudah mendapat penghormatan dalam beberapa hal di kalangan masyarakat antarabangsa?

**Jawapan:** Kalau dibandingkan dengan dahulu, memanglah sekarang ini lebih ramai orang yang memberi penghormatan kepada kita. Tetapi kita belum lagi sampai ke tahap yang sama dengan negara-negara maju. Negara-negara membangun masih bersikap 'patronizing' terhadap kita. Jadi kita masih banyak lagi peringkat yang hendak dicapai, masih banyak perkara perlu dibuat.

**Soalan:** Pada pandangan YAB Datuk, apakah tingkat perpaduan kaum di negara ini semakin bertambah baik dari dahulu ataupun semakin bertambah teruk?

**Jawapan:** Sekali lagi, perkara macam ini adalah perkara relatif, yang mana kalau kita bandingkan keadaan dahulu dengan keadaan sekarang, tentulah sekarang ini lebih baik, dan kalau kita bandingkan sekarang dengan masa depan, barangkali sekarang ini kita belum capai tahap yang patut kita capai.

Kalau kita bandingkan negara kita dengan negara-negara lain, yang mana penduduknya terdiri dari berbagai kaum, mungkin dianggap bahawa keadaan di negara kita adalah lebih baik. Tetapi kalau kita bandingkan dengan negara yang betul-betul padu, umpamanya negara yang penduduknya terdiri dari satu kaum kita belum sampai ke tahap itu.

Kalau kita berkata kedudukan hubungan kaum di negara kita tidak baik, itu tidak betul juga, kalau tidak baik, kita tidak mungkin mencapai kejayaan yang telah kita capai setakat ini. Tepat bagi kita berkata, kedudukan yang ada boleh diperbaiki lagi.

**Soalan:** Cara MCA membuat tuntutan di akhir-akhir ini, termasuk meminta kerusi Timbalan Perdana Menteri kedua terdiri dari kaum Cina, tidakkah ini merosakkan perpaduan yang sedang kita bina?

**Jawapan:** MCA membuat tuntutan. Memanglah dalam keadaan semacam ini, mereka mahu lebih bagi diri mereka. Kita pun mahu

lebih bagi diri kita juga. Bukan MCA sahaja, UMNO dan orang-orang Melayu pun mahukan lebih untuk dirinya.

Kadangkala bila kita sudah tentukan suatu matlamat tertentu, ada orang berkata kita patut meminta lebih. Kalau kita kata 30 peratus, ada yang berkata, kenapa tidak 50 peratus, dan kalau kita jadikan 50 peratus sebagai matlamat, akan ada pula orang yang berkata kenapa tidak 70 peratus? Jadi tuntutan yang semacam ini tidak dapat dielakkan, yang penting ialah cara penyelesaian masalah-masalah yang semacam ini.

Kalau kita mempunyai jentera yang boleh menyelesaikan masalah ini ianya adalah lebih penting daripada soal tuntutan itu. Kalau sekarang ini semua pihak meminta lebih untuk diri mereka, dan kalau pula kita terlalu sensitif dengan proses permintaan sahaja, bukan lagi proses pencapaian, ada permintaan sahaja kita sudah melenting, saya fikir kita tidak boleh mencapai kestabilan ataupun ketenteraman dalam negara kita.

Tengok tidak berapa lama dahulu ada seorang membuat ucapan mahu 50 peratus dan ada yang membuat ucapan kita mesti sekat ekonomi orang-orang Cina dari berkembang sehingga kita berkembang. Semuanya ini tetap menimbulkan perasaan marah daripada orang yang menjadi sasaran. Dalam hal ini jika kita jadi sasaran kita marah, jadi orang lain pun ada kalanya dia marah jika dia jadi sasaran.

Apa yang telah saya jelaskan ialah perkara ini tidak harus menjadi isu kerana ianya sebenarnya tidak timbul. Dengan cara ini saya harap dapat mententeramkan keadaan.

**Soalan:** Baru-baru ini YAB Datuk ada menyebut perkara Timbalan Perdana Menteri kedua ini tidak patut dipertimbangkan sekarang. Boleh YAB Datuk jelaskan maksud perkataan sekarang itu?

**Jawapan:** Saya kata dalam keadaan sekarang, dan bukannya 'untuk sekarang'. Dalam keadaan sekarang ini ertinya, mungkin ianya berubah besok, mungkin tidak berubah 30 tahun lagi dari sekarang, ataupun 50 tahun lagi. Kalau keadaan tidak berubah, maka 'keadaan sekarang itu' masih ada, jadi tuntutan itu tidak kena pada tempatnya dan masanya.

Tetapi kalau pada suatu hari, 30 tahun lagi ataupun besok, yang mana semua penduduk-penduduk dalam negara kita sudah bersatu padu, jadi keadaan sudah berubah. Pada masa itu mungkin boleh ditimbang, bukan oleh saya barangkali, tapi oleh orang lain atau mungkin juga oleh saya kalau saya masih ada ketika itu.

**Soalan:** Mungkin di masa itu sudah tidak timbul Timbalan Perdana Menteri kedua kerana mereka sendiri sudah boleh menjadi Perdana Menteri, begitu maksud YAB Datuk?

**Jawapan:** Oh, itu saya tidak boleh tahu, saya tidak boleh kata, tetapi yang harus kita ingat ialah mengikut perlembagaan, perkara ini mungkin terjadi kerana tidak ada satu larangan secara khusus. Tetapi setakat ini keadaan tidak mengizinkan dan perkara ini telah diterima oleh Pemuda MCA dalam pertemuan dengan saya. Kalau keadaan berubah pada masa depan itu adalah masalah lain.

**Soalan:** Dahulu pun MCA pernah membuat tuntutan yang sama, tetapi telah ditolak oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail, dan lepas itu senyap sama sekali. Dan kini tuntutan itu timbul pula. Apakah ini membayangkan kelemahan UMNO?

**Jawapan:** Tidak ada kelemahan baik pada UMNO mahupun Pemuda UMNO. Kalau kita nak berkelahi pasal bercakap, boleh kita berbuat demikian, tetapi soalnya apa yang kita dapat? Apa yang kita capai adalah lebih penting.

Soal nak bercakap, saya dulu pun, masa saya duduk di luar kerajaan, tidak ada kuasa, saya pun bercakap banyak juga, tetapi apa pencapaian saya ketika itu, selain dari menyebabkan saya kalah dalam pilihanraya. Orang yang sepatutnya menyokong saya, tidak menyokong kerana saya cakap dan orang yang marah pada saya juga tetap tidak sokong, oleh itu saya kalah.

**Soalan:** Jadi apakah langkah-langkah yang patut kita ambil untuk mencapai perpaduan yang sejati?

**Jawapan:** Perasaan perkauman ini cuma boleh dihapuskan kalau keadaan semua kaum sudah menjadi seimbang, iaitu tidak ada perbezaan dari segi susunan masyarakat, tidak ada keadaan yang mana kerja ini cuma orang lain sahaja boleh buat, kerja itu cuma



orang Melayu sahaja boleh buat dan kerja yang ini cuma orang India sahaja boleh buat.

Di waktu yang seimbang itu tidak ada perasaan ragu-ragu iaitu tiada perasaan bimbang yang satu kaum itu akan lenyap ataupun di tindas. Jadi masa itu masalah-masalah yang ada sekarang akan hilang. Sebab itulah dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) kita cuba menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum dengan kerja itu dapat dihapuskan.

Tetapi sekarang ini pengenalan kaum dengan kerja masih wujud. Kita pun selalu berkata, pergi kedai Cina, seolah-olah kedai mestilah Cina. Pada suatu hari nanti, kita kata, pergi kedai Malaysia, tanpa mempersoalkan sama ada kedai itu kedai Cina, atau India atau Melayu.

Demikian juga dengan pekerja-pekerja, mereka tidak lagi memikirkan sama ada tauke dia Melayu atau Cina atau India. Demikian juga dengan tuanpunya kedai itu, beliau tidak kira sama ada pekerjajanya Melayu, Cina ataupun India asalkan ada kebolehan bekerja, mereka ambil.

Sekarang ini keadaan semacam itu belum wujud lagi, sebahagiannya kerana kaum itu sendiri dan sebahagiannya kerana masalah lain. Kadang-kadang orang Melayu, bila ada perusahaan, mereka tidak mahu mengambil orang Melayu bekerja, kerana kata mereka orang Melayu payah sikit, kalau buat kerja dengan kita nanti, ambil Cina senang.

Perkara ini kita tidak boleh marah pada orang lain juga kerana hal ini ada benarnya. Cuba tanya pada kontraktor Melayu, apakah mereka memberi sub kontrak kepada orang-orang Melayu juga? Kerap kali dia sub kontrak pada Cina kerana dia tahu, kalau diberi kerja itu pada Cina sudah tentu akan selesai.

Tetapi kalau kita semua bekerja kuat, rajin dan boleh buat semua kerja, sudah tentu soal keturunan tidak timbul. Inilah yang saya terangkan kepada Pemuda MCA baru-baru ini. Soalnya bukan pegawai daerah itu Melayu atau Cina, tetapi soal penerimaan masyarakat terhadapannya.

Kalau seseorang itu diterima oleh masyarakat di sesuatu tempat, soal keturunan tidak timbul. Misalnya, Encik Saw Chee Ling telah menjadi Pengarah Pelajaran bagi Pahang, Trengganu dan Kelantan selama 18 tahun. Orang Kelantan tidak mahu beliau berpindah, sekalipun kalau hendak digantikan dengan orang Melayu.

Kalau orang Cina tahu bagaimana menyesuaikan diri dengan masyarakat, ataupun orang-orang Melayu tahu menyesuaikan diri dengan taukenya keturunan Cina, soal pemilihan yang berasaskan keturunan tidak timbul.

**Soalan:** Terdapat keadaan sekarang ini di mana tiga buah parti Cina dalam Barisan iaitu MCA, Gerakan dan PPP, masing-masing bersaing di antara satu sama lain untuk menarik sokongan kaum Cina. Demikian juga dengan India yang mempunyai MIC dan PPP. Idea Barisan Nasional diadakan ialah untuk melahirkan perpaduan rakyat, tetapi keadaan yang ada ini tidak sedemikian. Apa pendapat YAB Datuk?

**Jawapan:** Perkara mendapatkan lebih ramai penyokong ini tidak sahaja berlaku di kalangan masyarakat Cina dan India, tetapi juga Melayu. Tetapi kalau kita ambil kira 'silent majority', yang merupakan faktor penentu, sebenarnya perkara ini tidak ada kesan kepada golongan majoriti ini.

Ini hanya dapat dibuktikan dalam masa pilihanraya, di mana pemilihan mereka tidak berasaskan kepada ekstrimisme perkauman, sebaliknya mereka lebih berasaskan kepada kestabilan. Sebab itu, sehingga ini parti-parti kaum Cina dengan DAP, UMNO dibandingkan dengan PAS dan MIC dibandingkan dengan setengah-setengah orang India yang chauvinist, masih menang. Orang yang berpihak kepada parti berhaluan sederhana ini masih merupakan majoriti.

Ekstrimisme mesti ada dalam semua kaum di waktu mana pun dan di semua negara. Jika tidak ekstrimisme berdasarkan keturunan, akan ada ekstrimisme yang berdasarkan kelas ataupun ideologi. Kita harus ingat keadaan kita adalah lebih baik jika dibandingkan dengan beberapa buah negara lain.

Adalah suatu yang semula jadi kepada masyarakat manusia mempunyai pembahagian. Misalnya di kampung-kampung Melayu dahulu, sebelum ada parti-parti politik, terdapat kumpulan bendera merah dan kumpulan bendera putih, yang berperang sesama sendiri.

Apabila ada UMNO dan PAS, bendera merah masuk UMNO dan bendera putih masuk PAS.

**Soalan:** Apakah YAB Datuk fikir hubungan Malaysia-Britain sekarang ini telah disalahtafsirkan, baik di dalam mahupun di luar

negeri?

**Jawapan:** Saya tidak tahu kenapa mesti timbul salah tafsir. Saya telah menerangkan dengan jelas sikap tidak terhadap British. Kita tidak memutuskan hubungan dagang dengan Britain dan kita juga tidak melancarkan boikot barang-barang British. Apa yang kita kata hanyalah kerajaan tidak akan membeli sesuatu dari Britain sekiranya kita mempunyai pilihan lain, tetapi kita akan membeli jika tidak ada pilihan.

**Soalan:** Ada kalangan yang berkata apa yang dilakukan oleh kerajaan baru ini akan menggoncangkan keyakinan para pelabur luar untuk datang ke Malaysia, termasuk dari Britain.

**Jawapan:** Kepentingan luar sebenarnya ialah kepentingan British. Perkara ini bukanlah perkara baru, sebaliknya pernah dibangkitkan sewaktu masalah Sime Darby dahulu lagi. Ianya lama sebelum timbulnya perkara 'dawn raid' mengambil tempat. Di masa itu ketika membeli saham di pasaran terbuka mengikut peraturan yang ditetapkan oleh mereka.

Malah Tan Siew Sin telah membuat kenyataan yang jelas yang beliau ingin membeli Guthrie. Perkara ini lama dahulu lagi. Di masa itu pun kita dituduh melakukan milik negara menerusi pintu belakang. Sekalipun perbuatan hanya membeli apa barang yang dijual di pasaran, umpamanya pergi ke kedai membeli barang, kita dipap melakukan hakmilik negara. Apa maknanya ini?

Apakah mereka fikir kita tidak boleh membeli barang? Kalau demikian, jangan jual kepada sesiapa juga. Tetapi jika mereka berkata kepada semua iaitu sesiapa juga yang mempunyai wang boleh membeli, maka kita membeli.

Kita tidak memaksa sesiapa juga menjual kepada kita, jadi kenapa ini dipanggil memiliki negara menerusi pintu belakang? Hanya British menyebut begitu, kita tidak pernah buat apa-apa kepada sesiapa pun.

**Soalan:** Apakah YAB Datuk bersikap tegas memegang kepada polisi pelaburan kita?

**Jawapan:** Ya, sekalipun British mahu melabur di sini dan mengeluarkan hasil di sini tidak tertakluk kepada arahan yang mereka tidak layak untuk membekalkan barang kepada kerajaan. Umpamanya sebuah syarikat British mengeluarkan konkrit simen, kita membelinya kerana ianya barang Malaysia.

**Soalan:** Berhubung dengan arahan jangan memberi keutamaan kepada British ini, bagaimanakah cara ianya dilaksanakan dengan berkesan, memandangkan kepentingan British yang banyak di sini?

**Jawapan:** Saya tidak nampak kepentingan British begitu besar dalam ekonomi negara kita. Sebenarnya bergantung kepada kita sama ada kita hendak membeli barang-barang mereka ataupun tidak. Mereka memang mempunyai kepentingan, tetapi kita mempunyai pilihan dalam membeli barang, baik kereta mahupun barang-barang ketenteraan.

Barang-barang luar kita boleh beli dari berbagai negara, tetapi jika tidak ada pilihan, kita boleh beli dari British, tidak jadi masalah. Sekarang ini pun imbalan perdagangan lebih berat kepada Britain, jadi lagi kurang kita membeli barang dari mereka adalah lebih baik, supaya kita dapat imbangkan imbalan pembayaran dengan mereka.

Sejak Britain masuk Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC), kita tidak lagi mendapat layanan istimewa, jadi tidak ada satu sebab kita mesti beri layanan istimewa kepada mereka. Kata British mereka adalah pelabur yang ketiga terbesar di Malaysia, tetapi sebenarnya ini pelaburan lama, bukan pelaburan baru.

Kalau kita buat perbandingan di tahun-tahun kebelakangan ini, pelaburan British sangat kecil kalau dibandingkan dengan pelaburan Amerika, Jepun mahupun Singapura. Kalau hendak dijumlahkan sejak merdeka hingga sekarang, memanglah mereka banyak kerana dahulu mereka melabur banyak, tetapi sekarang ini hanya \$2 juta dalam satu perusahaan, itu pun saya pergi buka. Sebaliknya Jepun melabur \$60 juta, saya tidak membukanya.

**Soalan:** Apakah hubungan Malaysia-Britain ini akan lama kekal sebagaimana sekarang ini?

**Jawapan:** Sejauh yang saya dapat melihat, ianya akan seperti ini bagi tempoh yang panjang, kerana saya tidak nampak sebarang tindakan baik di pihak British. Jadi semua boleh anggap yang ianya akan terus begini, kecuali satu faktor yang kuat mempengaruhi, yang dilakukan oleh pihak mereka.

**Soalan:** Baru-baru ini ada ura-ura yang mereka akan menaikkan yuran belajar sekali lagi, jadi apa pula langkah baru kita?

**Jawapan:** Tidak ada apa (sambil ketawa).

**Soalan:** Tidakkah YAB Datuk merasa bimbang yang para pelabur luar akan takut datang ke mari ataupun sekurang-kurangnya bersikap tunggu apa pula tindakan kita akan datang? Apakah jaminan yang dapat diberikan?

**Jawapan:** Semasa saya menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada tahun 1978 dahulu, boleh dikatakan tidak ada pelaburan masuk kemari. Tetapi dengan adanya Akta Penyelarasan Pelaburan (ICA) dan dengan usaha kita menerangkan polisi kita, selepas itu kita mendapat banyak pelaburan luar, sehingga lebih dari yang dapat kita terima, jadi kita terpaksa pula memilih.

Dalam masalah ini saya tidak ada perasaan bimbang kerana kita boleh menerangkan kepada mereka, yang tindakan kita membeli saham-saham syarikat British bukanlah tindakan memilih negara. Masalah yang kita hadapi ialah berhubung dengan sikap bekas penjajah. Jika kita memilih-negarakan syarikat mereka yang ada di negara kita, mereka akan berkata, kami tidak marah asalkan sahaja dibayar ganti rugi.

Tetapi bila kita mengambil syarikat-syarikat itu dan membayar ganti rugi, mereka akan berkata, itu tidak menjadi soal asalkan kita tidak mengambil syarikat mereka. Dan bila kita membeli saham-saham syarikat mereka di pasaran saham, mereka berkata, itu tidak menjadi soal asalkan harga yang dibayar berpatutan. Tetapi apabila kita membayar harga yang tinggi, mereka berkata, kami tetap merasa tidak gembira tentang pembelian itu. Tak pernah yang betul.

Setengah-setengah negara telah memilih negarakan syarikat asing, mengambil syarikat-syarikat tersebut secara paksa tanpa membayar ganti rugi. Masa itu pihak British akan berkata, kalau bayar ganti rugi tak apa la, bukan kami marah pasal milik negara, kerana itu hak mereka, tetapi bayarliah ganti rugi.

Tetapi bila bayar ganti rugi dia kata, oh ini sudah tindakan memilih-negara, kalau beli saham di pasaran terbuka boleh la. Tapi kalau kita beli saham di pasaran saham, mereka berkata, oh, kamu tidak boleh beli saham di pasaran saham. Pendek kata, semua syarikat milik mereka itu, mereka mesti memilikinya buat selama-lamanya, walaupun mereka perah hasil dari negara kita selama sudah 150 tahun syarikat ini mesti kekal sebagai hak mereka buat selama-lamanya. Jadi kita tidak ada hak, nak beli pun tidak boleh.

Kita tidak memaksa mereka, kita membeli dan terpaksa membayar 900p bagi satu saham sedangkan harganya 600p. Kerana pembelian kita itu semua pemegang saham gembira. Undang-undang yang dibuat sepatutnya melindungi para pemegang saham telah tidak berjalan sepatutnya. Apa yang orang-orang ini (pengurus-pengurus syarikat) mahu ialah undang-undang yang melindungi kepentingan mereka dan keistimewaan yang mereka dapat.

Pihak pengurus mahu terus berada di tempat mereka dengan segala kemewahan, dan gaji besar, jadi mereka bertahan adalah untuk diri mereka. Mereka tidak peduli tentang pemegang saham yang tidak mendapat banyak wang. Dunlop umpamanya, mereka tidak membayar dividen kerana syarikat rugi, tetapi pihak pengurus mahu terus berada di kerusi mereka.

Sebab itulah mereka tidak sukakan pengambilalihan syarikat berlaku kerana ini bermakna mereka akan kehilangan kerja dan segala kemewahan. Jika pemegang saham merasakan mereka tidak mahu menjual, mereka tidak perlu berbuat demikian.

Tetapi jika 51 peratus saham dikawal oleh mana-mana satu kumpulan, orang yang akan terkeluar dari syarikat itu ialah para pengurus. Jadi undang-undang serta peraturan yang dibuat ialah untuk melindungi mereka, pada hal mereka tidak mempunyai satu sen pun saham dalam syarikat tersebut. Perkara ini sudah saya terangkan kepada Financial Times London.

**Soalan:** Sekarang ini kita sudah pun menjadi pemegang saham terbesar dalam Guthrie. Apakah kita akan tukarkan para pengurus yang ada?

**Jawapan:** Sudah tentu tidak semuanya. Mana yang baik bagi syarikat akan kita kekalkan, tetapi yang tidak, akan kita buang. Misalnya

bagi yang tidak mahu melabur di Malaysia, pergi melabur ke tempat lain, dan terlibat pula dengan syarikat yang latar belakangnya dipersoalkan dan sebagainya seperti ini, sudah tentu pengurus yang seperti ini, kita tidak kekalkan.

**Soalan: Baru-baru ini Syarikat Pegi dan Multi Purpose Holding telah membeli Dunlop Holding. Apa komen YAB terhadap langkah itu?**

**Jawapan:** Jika ada sesuatu yang luar biasa, mereka ingin menjual saham dan melabur dalam sebuah anak syarikat mereka, mereka sudah tentu boleh melakukannya. Tetapi mereka tidak sepatutnya mengenakan syarat yang saya akan menjual saham ini kepada kamu dengan syarat kamu menjual saham syarikat lain.

Mengikut mereka yang terlibat dalam pembelian Dunlop ini, mereka tidak sebenarnya menerima syarat tersebut kerana kata mereka syaratnya ialah mereka tidak akan jual sehingga harga naik ke paras 100p kalau tidak silap saya. Jadi kata mereka harga saham itu tidak akan naik hingga ke had tersebut. Itu ialah keterangan mereka, saya tidak mahu komen mengenainya tetapi sudah tentu, mengenakan syarat sedemikian adalah tidak betul.

**Soalan: Apakah kita akan membawa balik syarikat-syarikat yang telah kita beli umpamanya, sekarang Guthrie?**

**Jawapan:** Apabila kita sudah mengawal satu-satu syarikat, kita sudah tentu mahu membawanya balik ke mari. Ini tidak bermakna kita sama sekali tidak melabur di negara-negara lain. Kita akan terus aktif dalam beberapa negara, tetapi keutamaan kita ialah dalam negeri, dengan merangsangkan lagi pertumbuhan ekonomi Malaysia sendiri. Dan hal ini akan dicapai dengan mempunyai syarikat yang mengadakan operasi dari sini.

**Soalan: Apakah kita akan terus mengambil balik segala harta yang sewajarnya kita miliki? Apakah perkara ini akan terus berjalan?**

**Jawapan:** Selagi ada harta yang boleh kita beli, maka kita akan membelinya. Tetapi kelak akan tiba masanya di mana harta kita yang kini dimilikinya oleh orang asing akan kesemuanya kita beli dan membawa balik ke mari, dan jika diwaktu itu kita masih lagi mempunyai wang, maka kita sudah tentu boleh membeli saham-saham lain. Kita malah boleh membeli syarikat-syarikat asing dan membawa mereka ke mari. Tidak ada undang-undang yang melarangnya.

Saya sudah terangkan iaitu mana-mana syarikat asing di sini yang benar-benar bersifat asing baik dari segi penggunaan bahan mentah dan sebagainya, ini tidak bermakna kita tidak boleh membelinya. Jika mereka jual, maka kita beli, lagi pun ramai orang membeli, termasuk Arab dan Jepun, mereka membeli syarikat-syarikat Amerika dan British, jadi kenapa kita tidak boleh membeli? Kita juga seperti mereka.

**Soalan: Ekoran dari keputusan YAB Datuk tidak menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Melbourne, timbul sedikit pertanyaan tentang dasar luar kita. Boleh YAB Datuk menegaskan dasar luar kerajaan sekarang untuk menutup segala keraguan yang timbul?**

**Jawapan:** Saya sudah nyatakan pendirian kita berhubung dengan hubungan antarabangsa, dari segi keutamaan. Keutamaan pertama kita berikan kepada negara-negara ASEAN, kedua kepada negara-negara Islam, ketiga kepada negara-negara Pertubuhan Berkecuali dan keempat Komanwel.

Sungguhpun ini senarai keutamaan, namun jarak di antara satu keutamaan dengan yang lain tidak sama. Pada masa ini mungkin Komanwel yang nampaknya di nombor empat, sebenarnya berada jauh dibelakang. Tetapi kalau di masa depan, Komanwel menunjukkan bahawa ianya benar-benar berfungsi sebagai "common wealth" iaitu pembahagian kekayaan sama rata, kita mungkin akan mengkaji semula senarai keutamaan kita.

Tetapi setakat ini kita dapat bahawa polisi setengah-setengah daripada ahli Komanwel ini sebenarnya tidak menguntungkan Malaysia dan negara-negara sedang membangun amnya. Sebab itu kita tidak memberi keutamaan kepada Komanwel. Saya sudah terangkan perkara ini beberapa kali, jika masih ada yang tidak faham, saya tidak dapat buat apa lagi. Sebenarnya mereka tahu



sebabnya.

Saya juga terangkan perbezaan di antara Komanwel dengan Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel. Mungkin Komanwel itu penting tetapi sekarang ini tidak persidangan ketua-ketua kerajaan Komanwel. Misalnya dalam ASEAN, kita kadangkala mengadakan sidang kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN, tetapi kadang tidak, tetapi ini tidak bermakna ASEAN itu tidak penting.

**Soalan: Ada pihak yang berkata apa yang YAB Datuk katakan selama ini adalah patut, tetapi ada juga yang berkata caranya tidak begitu betul dari segi diplomasi antarabangsa, yang mana kadangkala kita perlu berkata "ya" walaupun kita bermaksud "tidak" dan berkata "tidak" bila kita bermaksud "ya" ataupun kita kata "boleh jadi" bagi maksud sama ada "ya ataupun tidak".**

**Jawapan:** Pertama sekali saya ingin menegaskan ialah saya adalah politician dan bukan diplomat. Sementara diplomat tidak mungkin berkata "tidak" atau tidak pernah berkata "tidak", sebagai seorang politician, saya boleh berkata "tidak" bila saya merasakan saya perlu berkata demikian. Tetapi mengikut pengalaman saya yang cetek dari segi permainan antarabangsa, biasanya jika kita berkata sesuatu yang baik, kita tidak mencapai banyak hasil.

Dalam suasana di mana semua orang berkata sesuatu yang baik-baik sahaja, hanya orang berkata sesuatu yang "nasty" sahaja mendapat perhatian. Ini samalah di tempat yang semua orang buta, orang yang mempunyai satu mata akan menjadi raja. Jadi kepada saya, semua orang bercakap sesuatu yang baik atau dengan baik dan tidak ada seorang pun yang memberi perhatian, kerana setiap kali kita berjumpa dengan dia, kita sudah tahu yang beliau akan bercakap sesuatu yang baik-baik. Jadi kita pun tidak memberi perhatian.

Tetapi apabila ada orang yang bercakap sesuatu yang kurang enak didengar, beliau akan mendapat perhatian. Saya sudah biasa dengan bercakap sesuatu yang "nasty" kepada sesiapa juga, baik kepada Melayu, Cina mahupun India, jadi saya tidak nampak sebab kenapa saya mesti hadkan dalam negeri sahaja? Jika saya mahu mengadakan hubungan dengan negara luar, saya akan bercakap secara terus terang terhadap apa juga yang saya fikir.

**Soalan: Menyentuh tentang perkara kurang enak, ramai kakitangan kerajaan berpendapat yang sistem kad waktu adalah perkara yang sangat tidak enak. Lanya memberi bermacam-macam masalah kepada mereka termasuk bangun lebih awal dan sebagainya. Apa pandangan YAB Datuk?**

**Jawapan:** Dalam mana-mana juga masyarakat, tetap akan ada orang yang mempunyai fikiran yang berlainan. Setengah orang akan mendapatinya sebagai paksaan, tetapi kepada saya, sama ada kita bangun pukul 6.30 atau 7 atau 8 itu adalah habit, sebenarnya kita bangun lebih awal jika mengikut waktu Britain. Kita bangun tujuh jam lebih awal dari mereka di Britain. Manakala mereka di Sabah pula bangun lebih awal dari kita di sini. Perkara ini semata-mata hal di mana kita menetapkan fikiran kita secara artificial, kerana waktu adalah perkara yang artificial, waktu yang kita tetapkan.

Saya sekarang sedang membicarakan untuk mengadakan satu waktu sahaja bagi seluruh Malaysia, iaitu dengan mengambil masa mengikut masa Sabah dan Sarawak sekarang ini. Satu kawasan yang mempunyai perbezaan selama satu jam, tetapi waktu di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak hanya setengah jam sahaja.

Negara-negara yang lebih besar daripada kita pun mempunyai satu waktu sahaja. Mempunyai dua waktu ini boleh menjadi faktor yang membezakan. Kalau kita adakan satu waktu sahaja yang lebih awal, orang akan complen kerana mereka terpaksa bangun lebih awal. Sebenarnya jangka masa kita tidur adalah sama. Sama ada kita bangun awal atau lewat bergantung kepada pukul berapa kita tidur. Perkara ini bukan waktu absolute, tetapi waktu yang relatif.

Jadi jika kita biasa tidur 7 jam, maka cukup tujuh jam kita akan bangun tidak kira pukul berapa kita tidur. Kita barangkali terpaksa mengubah waktu, jika waktu itu menjadi lebih awal, maka akan ada banyak complen. Tetapi jika kita bangun awal, ini bermakna anda akan mempunyai lebih panjang hari siang untuk bermain golf. Sekarang ini kerana waktu habis kerja ialah pukul 4 petang, anda yang bermain golf tidak mempunyai masa yang panjang untuk bermain. Tetapi jika kerajaan menentukan pukul 3.50 petang waktu habis kerja, sudah tentu anda akan dapat bermain golf lebih lama lagi.

Tetapi berhenti kerja pukul 4 juga masih boleh anda bermain golf, lepas bermain merasa letih dan anda akan tidur awal dan bangun pagi keesokannya untuk datang kerja, setelah mempunyai 7 jam tidur. Sekarang ini nampaknya saya bercakap seperti seorang doktor (sambil ketawa). Kerajaan sekarang sedang mengkaji kesan-kesan dari rancangan mengadakan satu waktu bagi seluruh Malaysia.

**Soalan:** Sunggupun kakitangan kerajaan ada yang komplek, tetapi perkara ini adalah baik untuk orang ramai yang mempunyai urusan di pejabat kerajaan kerana apabila mereka sampai ke pejabat kerajaan, pegawai yang ingin ditemui beliau sudah tiba.

**Jawapan:** Semua orang telah menerima bahawa ketepatan (punctuality) adalah baik. Apabila kita menerimanya sebagai baik, bermakna ianya dapat memberi hasil yang baik pula. Misalnya jika saya ingin menemui seorang pada satu waktu yang ditetapkan, tiba-tiba saya tidak datang diwaktu itu, ini telah menimbulkan pembaziran waktu dan ianya juga memberi kesulitan kepada orang itu. Sebaliknya jika saya sampai tepat pada waktu yang dijanjikan segala-galanya akan berjalan dengan baik. Hal ini samalah juga dengan kerja di pejabat.

Sekiranya anda sampai ke pejabat pada waktu yang ditetapkan, sudah tentu anda akan dapat membuat kerja lebih banyak kerana semua orang datang ke pejabat tepat pada waktunya, dan tidak ada orang yang terpaksa menunggu pekerja lain untuk memulakan kerja, jadi anda tidak membazirkan waktu. Apa yang saya ingin dicapai bukanlah semata-mata perkara pukul 8 tepat, tetapi realiti dibaliknya iaitu sikap berada tepat pada waktu, tidak kira dalam hal apa juga.

Misalnya jika kita mesti membuat satu-satu kerja pada pukul 9 pagi, maka kita mesti melakukannya pada pukul 9 pagi. Dan jika anda mempunyai "appointment" pada pukul 9, maka lakukan pada waktu itu. Dalam soal bekerja dengan kerajaan, memanglah telah ditetapkan pukul 8 pagi, maka semua kakitangan kerajaan mesti berada di pejabat tepat pukul 8 pagi.

Jika kerajaan tetapkan pukul 8, tetapi anda datang pada pukul 9, maka ianya tidak mempunyai makna, maka lebih baik kita tukarkan menjadi waktu kerja pukul 9, jadi semua orang datang kerja pada pukul 9 pagi, dan semua orang dapat berjumpa sesiapa juga pada waktu yang sama dan memulakan kerja pada pukul 9 pagi.

Hal ini sudah tentu menimbulkan beberapa masalah. Ini bermakna anda mempunyai masa siang yang singkat untuk bermain golf. Jika anda mahukan waktu bekerja dipindahkan ke pukul 10 pagi, kerajaan boleh melakukannya, tetapi semua kakitangan mesti tiba pada waktu yang ditetapkan.

Selalu menepati waktu adalah simbol kekemasan (tidiness) serta "neatness". Kita mahu melihat suasana di sekeliling kita kemas, bersih dan perkara-perkara ini memberi kebaikan kepada kesihatan, persekitaran yang baik, hidup yang lebih bermutu. Hal ini bermula dengan sifat ketepatan.

Semua orang berkata ketepatan adalah baik, jadi saya tidak nampak sebab kenapa ada orang yang perlu komplek tentang hal ini. Perkara ini baik kerana ianya sememangnya baik.

Ada sebilangan kecil kakitangan kerajaan yang komplek, tetapi kebanyakannya datang kerja awal. Ada di antaranya yang berkata, buat apa datang awal jika tidak buat kerja. Ini barangkali memang benar, tetapi jika anda datang lambat, sudah pasti anda tidak membuat kerja, jika kerajaan kata pukul 8 pagi dan anda datang pukul 9 pagi, anda sudah tentu tidak membuat apa-apa kerja di antara pukul 8 hingga 9 pagi.

Tetapi jika anda datang pukul 8, sekurang-kurangnya kemungkinan anda akan membuat kerja itu ada, lebih-lebih lagi apabila ada pegawai lebih atas memerhati. Jadi saya hanya ingin melahirkan kemungkinan membuat kerja.

**Soalan:** Bagaimana YAB Datuk melihat masalah rasuah di negara ini dan bagaimanakah cara paling berkesan mengatasinya?

**Jawapan:** Saya membahagikan rasuah kepada dua iaitu rasuah di bawah meja dan rasuah di atas meja. Apabila rasuah ini dilakukan di bawah meja, artinya secara sembunyi, artinya masyarakat masih menganggap rasuah itu satu perbuatan jenayah atau perbuatan hina. Apabila rasuah masih diperingkat ini ianya masih boleh diubah.

Tetapi apabila rasuah sudah terjadi di atas meja ataupun secara terbuka, maka ianya melibatkan semua orang dari peringkat paling atas hinggalah ke peringkat paling bawah, dan di peringkat ini tidak dapat diubah, atau menukar proses, kerana rasuah sudah menjadi pendapatan seseorang.

Di Malaysia, rasuah belum tiba ke peringkat itu lagi, jadi kita masih dapat mengatasinya. Soalnya sejauh mana rasuah di bawah meja itu dilakukan di sini? Saya tidak fikir keadaan kita begitu buruk. Di sini sekali lagi ianya merupakan perkara berbandingan. Kita sudah tentu tidak dapat menghapuskannya sama sekali, bagaimanapun keadaan kita lebih baik.

Bagi tujuan mengatasi rasuah, kita perlu mempunyai orang-orang yang menjadi terus kepada pembasmian rasuah, dan orang

ini mestilah dari mereka yang bersih rekodnya. Sekiranya dalam kerajaan tidak ramai mereka seperti ini bermakna usaha membasmi menjadi semakin sukar. Ini merupakan satu daripada masalah.

Masalah lain di masa lalu ialah rasuah dihapuskan secara yang membuatkan proses birokrasi menjadi sulit. Tetapi dengan cara ini pula menyebabkan proses membuat keputusan menjadi lebih sukar, seperti jika kita hendak mengambil sebarang keputusan, ianya mesti melalui 'supervisor'. Jadi sebenarnya kita melambatkan proses membuat keputusan, tetapi jika diperhatikan di peringkat akhir dari proses itu, rasuah tetap ada.

Misalnya jika seorang itu ditugaskan memberi nasihat teknik terhadap satu-satu perkara, jika ketua beliau bukan seorang ahli teknikal, maka teknisyen ini boleh memberi keterangan yang berbeza. Jadi jika beliau mengambil keputusan untuk mengambil rasuah di sepanjang kerjanya beliau masih tetap boleh melakukannya.

Hal ini berlaku kerana terlalu banyak peringkat yang hendak dilalui dalam proses menghapuskan rasuah. Ini melambatkan proses membuat keputusan, dilakukan. Bila proses lambat, bermakna ianya memakan masa yang panjang, dan di akhir proses itu didapati kita terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang lebih kerana masa ialah duit, terutama jika anda terlibat dalam mendapatkan tender sesuatu kerja.

Jika pada pendapat saya, diserahkan kepada pihak tertentu membuat keputusan, secepat yang dapat pada apa juga peringkat. Tetapi kita mestilah sentiasa mengawasi gerak-geri setiap anggota masyarakat. Jika terkesan sahaja tanda-tanda ke arah rasuah, kerajaan akan menyiasat. Pertama kita akan melihat berapa banyak wang yang terlibat dan apakah beliau boleh kaya dari apa yang beliau menerima gaji serta pendapatan. Jadi dengan ini kita dapat membuat keputusan lebih tepat.

Dalam soal rasuah, kita sudah tentu tidak dapat hapuskan sama sekali, kita perlu mempunyai badan pencegah rasuah yang baik. Dalam hal ini kerajaan juga sedang menimbangkan untuk menukarkan nama Biro Siasatan Negara kepada Badan Pencegah Rasuah seperti dahulu. BSN sekarang ini tugasnya meliputi juga mengawasi turun naik harga barang dan kualiti barang-barang, yang pada dasarnya bukan rasuah.

Apabila kami sudah mendapat laporan tentang harta pegawai-pegawai, kerajaan akan dapat membuat perkiraan tentang harta mereka pada satu-satu masa tertentu. Keterangan juga boleh diperolehi dari Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Kerajaan sedang mengarahkan jabatan ini membantu BSN dalam mengesan perbuatan rasuah, maka kami akan mengambil tindakan jika ada yang disyaki. Ataupun kerajaan akan melakukan pemeriksaan secara perkiraan rambang (random) dengan memeriksa harta pegawai-pegawainya. Jika kami dapati ada yang lebih dari apa yang beliau perolehi setiap bulan (gaji), maka sesuatu tindakan akan diambil.

Jika dengan cara ini kami telah memberi kebebasan kepada pegawai-pegawai BSN membuat keputusan lebih awal tanpa memakan banyak masa dan wang. Kerajaan sememangnya mahu menghapuskan rasuah secara yang paling berkesan. Memang setengah pegawai tidak suka akan perkara ini kerana tiada seorang pun yang suka diperiksa. Jadi, jika kita tidak mahu disoal selidik, maka janganlah melakukan rasuah.

**Soalan:** Apakah seseorang itu tidak terlepas dari diperiksa, sekali beliau sudah bersara dari jawatan yang dipegang dahulu?

**Jawapan:** Oh, sudah tentu. Misalnya dalam kes pembelian kapal terbang, tidak bermakna pegawai-pegawai yang terlibat tidak diperiksa, walaupun mereka sudah meninggalkan kerajaan. Ini adalah proses biasa.

**Soalan:** Jika tidak ada pemberi tentu tidak ada penerima. Jadi bagaimana kerajaan mengambil kira sipemberi rasuah dalam usaha mambanteras rasuah?

**Jawapan:** Mereka yang memberi adalah sama buruknya dengan mereka yang menerima. Tetapi kadang kala kita memerlukan mereka yang memberi untuk mendapatkan mereka yang menerima. Sudah tentu jika kita menangkap mereka yang memberi, kita juga akan dapat menangkap mereka yang menerima. Tetapi jika mereka yang memberi sanggup memberi keterangan lengkap, maka kita akan mengambil perkiraan yang longgar mengenai mereka.

**Soalan:** Bagaimanakah kita dapat terus menerus membasmi rasuah ini?

**Jawapan:** Perkara ini sebenarnya adalah masalah yang besar. Kita mesti mempunyai satu tenaga yang kuat terdiri dari mereka yang tidak sukakan rasuah berlaku. Bagaimanapun keadaan kita tidaklah buruk di mana apabila kita menangkap seorang ianya melibatkan ramai yang lain. Ini tidak bermakna saya tidak menentang rasuah habis-habisan. Saya akan terus melakukannya hingga mereka yang terlibat tidak akan dapat hidup gembira atas perbuatan rasuah mereka kerana fikiran mereka sentiasa akan bimbang jika mereka akan tertangkap.

**Soalan:** Ada orang berkata, jika kita betul-betul bertindak menentang rasuah, maka kerajaan hanya mempunyai beberapa orang penting sahaja dalam kerajaan.

**Jawapan:** Ianya bergantung kepada cara kita bertindak. Saya yakin ada jalan untuk mengatasi masalah jenis ini. Perkara yang penting ialah apabila kita mengesyaki seseorang itu terlibat, kita akan mengkaji dari berbagai segi dengan meminta bantuan banyak pihak.

**Soalan:** Siapakah tenaga memberantas rasuah, apakah semata-mata pegawai-pegawai BSN ataupun susunan kedudukan pentadbiran yang mengatasi soal politik.

**Jawapan:** Saya yakin sudah tentu ada para pegawai, ahli politik dan polis yang berdedikasi, jujur. Mereka inilah yang perlu diketengahkan. Oleh kerana mereka tidak melakukan rasuah, maka mereka sudah tentu tidak takut kepada tindakan yang kerajaan ambil. Orang-orang ini akan dapat dikesan dan saya fikir kita mempunyai ramai dari kalangan ini, untuk mengganggu operasi pembersihan rasuah. Sudah tentu saya boleh jadi salah dalam membuat perkiraan ini, tetapi sekali pun salah, saya fikir, kesilapan itu tidak besar.

**Soalan:** Setakat ini apa pandangan YAB tentang Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) kerana ada juga pihak yang mengkritik mereka?

**Jawapan:** Saya terhutang budi kepada pihak akhbar, tetapi kita juga mesti berlaku adil kepada pegawai-pegawai kerajaan, sekalipun publisiti kadangkala menggoncang jentera kerajaan. Kini nampaknya semua orang berhati-hati kerana proses soal jawab PAC ialah satu proses tiada seorang pun suka. Kalau nak elak daripada itu, maka mestilah buat kerja betul-betul. Apabila kita mengambil tindakan terhadap pegawai yang tidak jujur, maka pegawai-pegawai yang jujur akan terus mempertahankan supaya perkara yang tidak jujur tidak berlaku terlalu kerap. Inilah tujuan kita. Dan sekarang ini sudah nampak kesannya. PAC akan terus memeriksa kepincangan di peringkat negeri-negeri juga sebagaimana yang ditimbulkan dalam laporan Ketua Audit Negara 1978.

**Soalan:** Ada juga komen yang di kalangan ahli-ahli PAC sendiri boleh dipersoalkan.

**Jawapan:** Inilah soal siapa yang hendak memulakan sesuatu dan siapa yang hendak diikut. Kalau kita hendak membuat sesuatu dan kita berkata, lihat dia tu melakukan kerja yang lebih buruk dari aku, jadi aku pun tentu boleh buat juga. Dalam hal ini tidak ada siapa yang nak perbetulkan keadaan. Kalau kita hendak tunggu orang lain buat baik maka baru kita nak buat baik, sampai bila pun kita tidak dapat berbuat baik, kerana orang lain juga sedang menunggu kita. Soalnya jika kita jujur, orang lain tidak jujur tidak timbul. Jika orang lain mencuri, kerana itu kita mesti mencuri, kalau ada masyarakat seumpama ini saya fikir teruklah.

**Soalan:** Ada pihak yang berkata, ahli jawatankuasa PAC memeriksa orang, tetapi siapa pula yang memeriksa mereka?

**Jawapan:** Ada orang bertanya, saya meminta semua orang membuat pengisytiharan harta, harta saya kepada siapa yang isytiharkan? kalau ini soalnya, saya barangkali boleh isytiharkan pada Datuk Musa, tetapi apa maknanya? Pemeriksaan terakhir dan terpenting untuk saya, saya fikir ialah rakyat. Kalau rakyat tidak suka saya, mereka boleh buang saya, dan jika ada pilihanraya saya kalah ataupun rakan-rakan saya sendiri (dalam UMNO) tidak pilih saya, itu pun boleh jadi juga.



Kita jangan soal individu, tapi kita soal perbuatannya. Kalau perubahan itu salah, siapa juga yang melakukannya tetap salah. Janganlah kita kata, kalau dia soal kita, dia pun salah, jadi sama-sama salah. Perkara macam ini sudah tentu tidak patut berlaku. Kita mesti kira, kalau ada orang lain hendak periksa jawatan kuasa PAC, mereka boleh melakukannya tetapi jika kita jumpa satu-satu kesalahan kita sudah semestinya memperbetulkannya.

Kalau ini jalan fikiran ramai, saya juga boleh berkata buat apa saya hendak bekerja kuat, orang lain pun tidak bekerja kuat. Orang akan berkata, macam mana saya nak datang awal bekerja, Perdana Menteri pun datang lambat. Jadi dalam proses kita tanya orang, orang tanya kita apa satu kerja pun tak jadi.

**Soalan: Apa pandangan YAB Datuk tentang terdapat VIP (orang kenamaan) yang tidak membayar cukai?**

**Jawapan:** Kerajaan telah memberitahu semua VIP yang mereka mesti membayar cukai kerana mereka juga akan mendapat layanan yang sama dengan orang lain dalam hal ini. Kadang-kadang kastam pun tentulah tahu akan kerjanya, kalau seorang itu nampak liar sahaja, tetapi berkata beliau tidak membawa apa-apa sudah tentu orang itu akan diperiksa. Tetapi kalau mereka yakin satu-satu orang tidak membawa apa-apa sudah tentu mereka tidak diperiksa. Saya dulu juga diperiksa, tapi tidak dicukai kerana barang saya itu ialah hadiah.

**Soalan: Terdapat ura-ura sekarang ini yang PAS dan DAP akan menyertai Barisan Nasional, apakah pandangan YAB Datuk?**

**Jawapan:** Tentang DAP saya tidak dengar pula, tapi soal PAS nak masuk Barisan adalah saya dengar, itu pun apabila saya baca surat khabar, itu sahaja yang saya tahu.

**Soalan: Apakah baik PAS masuk balik Barisan?**

**Jawapan:** Sebagaimana yang saya katakan dahulu, siapa juga yang dapat menerima prinsip-prinsip Barisan, kita sentiasa bersedia menibangkannya. Dulu kita buat Perikatan, agak eksklusif sedikit kerana tiga parti sahaja boleh masuk, lepas itu kita buat 'Grand Alliance' meliputi Sabah dan Sarawak. Lepas itu kita buat Barisan Nasional, bertujuan memberi tempat pada parti-parti lain, termasuk parti yang lebih kecil yang tidak dapat membentuk kerajaan. Jadi dengan ini akan terhapus perasaan kecewa atau terasa tertinggal. Syarat yang terpenting ialah kemasukan satu-satu parti itu mestilah dipersetujui sebulat suara oleh Barisan.

**Soalan: Tetapi apakah perasaan YAB Datuk, apakah YAB Datuk mahu melihatkan PAS masuk Barisan?**

**Jawapan:** Saya suka elak dari perpecahan belah. Saya suka kalau boleh kita tumpukan tenaga pada perkara-perkara kebajikan untuk semua pihak.

**Soalan: Ada pendapat yang mengatakan dalam pilihanraya akan datang PAS akan berada di luar Barisan. Mereka tidak akan menumpukan tenaga di Kelantan atau Kedah, sebaliknya ingin menawan Trengganu, selain dari mereka dulu pernah bertapak, kekayaan minyak juga adalah menjadi sebabnya. Apakah persediaan UMNO?**

**Jawapan:** UMNO bersedia mempertahankan kedudukan kita di Trengganu. Kita tahu UMNO menang 100 peratus di Trengganu dalam pilihanraya lalu. Kita yakin rakyat Trengganu sudah tahu sikap UMNO dan sikap parti lawan, UMNO akan terus mendapat sokongan. Mungkin sebilangan kecil akan tertarik kepada dakyah PAS, tapi majoriti tetap percaya kepada perjuangan UMNO.

**Soalan: Sekarang ini Barisan Nasional berjalan dengan baik, tetapi bagaimanakah pada pandangan YAB Datuk terhadap masa depannya.**

**Jawapan:** Untuk dua pilihanraya lagi, saya nampak Barisan Nasional akan tetap berjaya, kecuali sesuatu yang luar biasa berlaku. Barisan Nasional akan kekal, kecuali perkara luar biasa yang di luar dugaan terjadi.

**Soalan: Bila agaknya tarikh pilihanraya akan datang?**

**Jawapan:** Ianya boleh jadi pada tahun 1982 atau 1983, dan sudah tentu tidak pada tahun ini (sambil ketawa). Soal menentukan tarikh pilihanraya, kita tidak boleh bergantung pada satu faktor sahaja, sebaliknya ianya bergantung kepada penyatuan berbagai faktor. Misalnya, jika kita dapati pihak lawan dalam keadaan lemah, pilihanraya barangkali boleh diadakan awal. Di satu segi lain pula, jika ekonomi dalam keadaan baik, sebaliknya musim hujan yang boleh menyekat para pengundi keluar mengundi, ianya sudah tentu akan memberi kesan prestasi pilihanraya, sebagaimana di Sabah, Sarawak, Kelantan dan Trengganu.

Perpaduan di kalangan parti-parti komponen Barisan dan perpaduan dalam parti sendiri ataupun peristiwa luar negeri, juga termasuk dalam pemikiran. Dahulu, konfrontasi dengan Indonesia telah menjadi faktor baik diadakan pilihanraya. Pendek kata pemilihan tarikh mestilah dikira yang kita boleh menang dan tiada suatu yang boleh berlaku.

Dalam pilihanraya 1969, ianya dilakukan di hujung tempoh Parlimen tahun itu, sedangkan sebenarnya masa itu tidak sesuai. Dalam keadaan tiada masa lagi ini, kita sebenarnya tidak bergantung pada faktor lagi, tetapi mengambilnya terlalu ringan. Perkara semacam ini kita tidak sepatutnya buat. Kita mesti mengambil kira semua faktor.

**Soalan: Jika semua faktor sudah dikira, jadi bila agaknya masa pilihanraya itu?**

**Jawapan:** Saya tidak akan menyatakannya (sambil ketawa).

**Soalan: Dalam soal Pulau Pinang, apakah DAP boleh menawannya ataupun menambah kerusi mereka dalam pilihanraya akan datang?**

**Jawapan:** DAP hanya boleh mendapat beberapa kerusi, tapi saya tidak nampak mereka akan dapat menambah kerusi mereka sekarang. Dalam beberapa kawasan mereka tidak dapat masuk. Mereka tidak boleh mendirikan kerajaan nanti.

**Soalan: Apa pandangan YAB Datuk tentang UMNO ingin calonkan orangnya menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang?**

**Jawapan:** Saya fikir soal bumiputera atau tidak, tidak timbul. Soalnya jika seseorang itu boleh memberi perkhidmatan baik. Selama ini pun kita mempunyai Ketua Menteri bukan bumiputera. Saya tidak bersetuju kita membuat pertukaran semata-mata kerana hendak membuat pertukaran.

Banyak kerusi atau tidak juga tidak timbul. Kalau semua pihak bersetuju yang Pulau Pinang mempunyai Ketua Menteri dari UMNO, bolehlah perubahan itu diterima, tapi kalau tidak bersetuju, saya fikir tidak boleh.

**Soalan: Apakah YAB Datuk menjangka perubahan 'status quo' akan berlaku terhadap pembahagian kerusi di kalangan parti-parti utama Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang?**

**Jawapan:** Kita memang berpegang kepada 'status quo' kerana tiap-tiap satu perubahan akan menimbulkan banyak 'up set' dan ramai yang tidak senang. Tetapi dalam pilihanraya 1978, kita ada membuat beberapa perubahan kerusi termasuk bertukar kawasan. Mungkin nanti akan ada yang merasakan beliau perlu ditukar balik ke tempat lama mereka, atau mungkin nanti ada lain-lain cadangan.

**Soalan: Berbalik kita kepada soal ekonomi, sejauh manakah YAB Datuk mengambil berat terhadap kemelesetan ekonomi dunia yang turut mempengaruhi kita?**

**Jawapan:** Kita sebenarnya berada dalam keadaan yang lebih baik daripada lain-lain negara. Sungguhpun pencapaian kita tahun ini agak merosot dari tahun-tahun sebelumnya, namun ada negara luar yang memikirkan pencapaian kita adalah baik berbanding dengan negara-negara lain. Dengan kata lain, apa yang kita capai ini sangat dialu-alukan apabila kita memperoleh banyak kelebihan, tetapi tahun ini kita alami sedikit kekurangan.

Kadar inflasi kita tahun ini adalah yang paling tinggi pada kita, tetapi dianggap rendah oleh negara-negara yang biasa kadar inflasi hingga 40 peratus atau 60 peratus. Pada mereka kadar 10 peratus adalah sangat baik, tetapi bagi kita sudah besar kerana kita tidak biasa dengan inflasi sebelum ini.

Saya fikir kita akan terus dapat mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang baik berbanding dengan dunia luar, sekalipun tidak baik dari apa yang kita capai sebelum ini. Saya fikir secara amnya, rakyat tidak menanggung beban yang besar. Apa yang penting ialah kesediaan kita mengeluarkan lebih banyak barang bagi mengatasi masalah ini. Jika kita keluarkan banyak barang, ini sangat baik bagi kita.

Apa yang rakyat perlu belajar ialah insentif tidak sepatutnya menjadi asas kepada sesuatu kerja dan tidak juga kerja diasaskan kepada anugerah (rewards). Apabila kita membuat sesuatu kerja maka kita akan mendapat sesuatu daripadanya, tetapi kita tidak boleh mengharapkan sesuatu barulah kita hendak melakukan kerja.

Mana-mana juga negara yang bergantung kepada insentif barulah hendak bekerja biasanya akan kecewa dan gagal. Saya yakin, jika anda membuat kerja dengan baik anda akan dibayar baik pula. Malah gaji di negara ini telah naik bukan kerana insentif, tetapi kerana kita telah menunjukkan prestasi yang baik, jadi kita pun mendapat lebih.

**Soalan: Peruntukan untuk pertahanan adalah besar dalam belanjawan tahun 1981, apakah kita akan mengkaji semula hal ini untuk di masa akan datang?**

**Jawapan:** Kita sebenarnya telah mengurangkan jumlah peruntukan untuk pertahanan secara yang sewajarnya, dari segi jumlah sebenar yang dirancangan diperingkat awal. Saya fikir kita telah mengurangkannya sebanyak yang kita boleh, tanpa menjejaskan kemampuan kita dan kita akan pertahankan sedemikian sekurang-kurangnya pada belanjawan 1982.

Pada masa ini kita mempunyai rancangan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan sekalipun kita sedar langkah ini akan memberi bermacam kesan pada ekonomi. Apabila wang kerajaan disuntik ke dalam ekonomi, ianya mempunyai kesan balas, jadi kita tidak akan kuranglah, kecuali setelah kita dapati kita boleh melakukannya dan sektor swasta pula menunjukkan prestasi yang baik hingga tidak perlu bantuan kerajaan.

**Soalan: Apakah kita sebenarnya membuat pembelian barang-barang tentera dengan tepat?**

**Jawapan:** Kita biasanya membuat perkiraan berkali-kali sebelum mengambil sebarang keputusan. Apa juga perbelanjaan kita itu, saya fikir adalah sangat minimum. Kita mempunyai sejumlah tentera yang kecil sahaja, tetapi efisien. Apa yang kita ingin buat ialah memberi latihan supaya mereka mencapai taraf kecekapan tinggi dan tidak ada lagi yang lebih dari itu. Kita tidak membina tentera untuk tujuan prestij. Singapura mempunyai pertahanan udara yang paling besar sekali di seluruh Asia Tenggara, termasuk Vietnam. Mereka mempunyai lebih banyak kereta kebal dari kita.

**Soalan: Baru-baru ini YAB Datuk ada mengarahkan penubuhan sebuah jawatankuasa mengkaji penubuhan Bank Islam di sini. Apakah Bank Islam ini merupakan pendekatan baru untuk menyahut cabaran ekonomi di masa depan?**

**Jawapan:** Soal Bank Islam bukanlah perkara baru, malah penubuhannya pernah dibincangkan sejak zaman YTM Tunku lagi. Yang jadi masalah kepada kita ialah semua dunia menggunakan sistem yang berbeza dari sistem Islam ini. Jadi dalam konteks ini kita tidak boleh terburu-buru buat sesuatu, kita mesti kaji baik-baik supaya tidak berlaku kegagalan, kerana kegagalan akan membuatkan pelaksanaan Bank Islam tertangguh lebih lama lagi.

Jadi percubaan pertama kita ini mestilah berjaya. Kita mendapat kerjasama dari Arab Saudi terutama Putera Muhammad yang mempunyai berbagai idea tentang Bank Islam ini. Kita sedang berusaha dengan mereka untuk menubuhkan sebuah Bank Islam pada peringkat yang sederhana yang dapat kita jalankan secara yang berkesan untuk membuktikan bahawa sistem Islam boleh bergerak di dunia moden ini.

**Soalan: Ada pihak berkata, dasar kewangan kita begitu ketat hingga memberi kesan tidak baik kepada rancangan menjadi Kuala**

## Lumpur sebagai pusat kewangan dan pusat barangan. Apa pandangan YAB Datuk?

**Jawapan:** Kita tidak mencapai pencapaian yang buruk, malah dasar kewangan ini agak lebih konservatif, memandangkan kita lebih peningkatan dalam negeri dari luar negeri. Pada masa ini nampaknya dunia berada dalam keadaan yang kadar faedahnya sangat tinggi, hingga ianya memberi kesan baik dan buruk bergantung bagaimana cara kita metafisirkannya.

Jika kita naikkan kadar bunga, saya fikir wang akan mengalir masuk kerana ramai yang ingin menyimpan bagi mendapatkan faedah, tetapi di masa yang sama orang tidak mampu meminjam kerana kadar faedah yang tinggi. Ini akan membuatkan perkembangan ekonomi menjadi lebih kecil. Kita sememangnya cuba meletakkan ekonomi kita di tempat yang paling baik, tetapi ini sukar dilakukan kepada negara yang mengamalkan polisi terbuka seperti kita.

Bagaimanapun kita telah bergerak di atas landasan yang agak relatif sempit, tetapi ianya telah membuktikan tidak memberi kesan merosakkan yang besar. Perkara ini sebenarnya bukanlah soal dasar kewangan. Inilah kadangkala kita mempunyai masalah dengan para ahli ekonomi. Kerana mereka ahli ekonomi, mereka fikir mereka boleh 'juggle' dengan polisi, hingga mereka boleh membuatkan sesuatu yang salah itu menjadi benar. Di masa lalu, ada yang berkata, untuk mengatasi masalah imbalan pembayaran, maka kita mesti menurunkan nilai mata wang kita supaya eksport bertambah.

Maka berlakulah penilaian turun nilai pound sterling sebanyak 50 peratus, dengan harapan eksport akan bertambah sebesar 100 peratus. Tetapi apa yang berlaku tidak seperti pada teori. Apabila mereka menurunkan harga pound sterling 50 peratus, nilai eksport naik 25 peratus sahaja kerana sungguhpun mereka dapat menjual lebih, tetapi nilai pound sudah jatuh.

Selain dari itu, barang-barang eksport mereka bukanlah semuanya bergantung kepada bahan mentah dalam negeri, sebahagiannya dari luar negeri. Jadi apabila nilai pound jatuh, mereka terpaksa membayar lebih terhadap bahan-bahan mentah yang diimport. Sementara itu barang-barang mereka yang mahal seperti kereta, tidak dapat di jual separuh harga semata-mata kerana nilai pound jatuh 50 peratus.

Dalam masa yang sama gaji pekerja juga naik kerana nilai pound sudah jatuh. Idea yang mengatakan penurunan nilai mata wang sebagai langkah menyelesaikan masalah ekonomi ini adalah pendapatnya dari ahli ekonomi sendiri. Saya sendiri tidak percaya kepada pendapat ini kerana jawapan kepada masalah ini ialah produktiviti.

Jika anda mengeluarkan banyak barang, pada kos yang rendah dengan mutu yang baik, sudah tentu anda akan menang segalanya. Tetapi jika kita ingin memutarannya kepada faktor kadar faedah, banking dan lain-lain, kita tidak akan sampai ke mana-mana, tidak dalam ekonomi terbuka.

## Soalan: Dasar Ekonomi Baru sudah berjalan selama 11 tahun, apakah yang telah kita capai?

**Jawapan:** DEB bukanlah semata-mata dasar ekonomi, tetapi ianya juga, adalah dasar politik. Jika ianya semata-mata dasar ekonomi, maka kita tentulah akan lebih memilih pertumbuhan ekonomi. Tetapi jika kita tumpukan kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata, tanpa memikirkan soal pembahagian kekayaan yang sama rata, maka kita akan mendapat ketidak-stabilan politik.

Jadi dalam konteks kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi di bawah DEB ialah sangat baik sekatan ini. Jika kita memilih seperti Singapura, hingga mementingkan pertumbuhan ekonomi, kita akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi, tetapi ini bermakna kita terpaksa melupakan soal perimbangan ekonomi di antara Melayu dan Cina. Tetapi ini akan melahirkan ketidak-seimbangan politik, semua orang akan mengoyakkan dasar tersebut.

Inilah apa yang telah saya terangkan kepada Far Eastern Economic Review iaitu lihat pada Shah Iran yang memikirkan ekonomi adalah lebih penting jadi beliau cuba membina Iran yang kuat. Beliau fikir rakyat akan gembira hanya dengan adanya kilang-kilang, sebaliknya marah dan mengusir beliau keluar.

Kestabilan politik adalah lebih penting dari pertumbuhan ekonomi. Bagaimanapun kita berusaha mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi dalam konteks kestabilan politik. Inilah matlamat kita dan setakat ini kita telah mencapai sesuatu yang baik. Jika kita memilih hanya pertumbuhan ekonomi, sudah tentu orang akan memuji kita mengatakan kita berjaya, tetapi jika kita bandingkan Malaysia sewaktu di bawah British, tidak ada yang boleh dibanggakan. Tidak ada satu apa pun di bawah British. Empat puluh dua Kuala Lumpur membangun selepas merdeka. Kita di bawah British lebih 100 tahun, tetapi kita merdeka sejak 24 tahun lalu.

Kita akan teruskan polisi yang ada, mengembangkan aktiviti ekonomi, membahagi kekayaan dengan lebih adil dan macam-



macam lagi. Tetapi kita mahu rakyat faham DEB kerana ramai yang menentang dasar ini disebabkan kurang faham mengenainya.

**Soalan: Kabarnya Negeri China tidak membeli getah dari kita kerana perbezaan politik.**

**Jawapan:** Sekarang ini kita tidak dapat menjual getah dengan baik, sekalipun terdapat perbezaan politik ataupun tidak. Kita tidak bermusuhan dengan Amerika, tetapi mereka mengurangkan pembelian getah kita kerana mereka terpaksa mengurangkan pengeluaran kereta mereka. Saya tidak fikir kita mesti melihat terlalu banyak kepada soal politik semasa membuat analisa ekonomi yang begitu simple.

**Soalan: YAB Datuk telah melawat Indonesia dan Thailand sejak menjadi Perdana Menteri, bila pula giliran Singapura dan Philipina?**

**Jawapan:** Buat masa ini belum ada rancangan. Ianya bergantung kepada masa, bukan sahaja di pihak saya tetapi di pihak orang lain juga.

**Soalan: Kenapa terdapat beberapa pegawai dari Brunei mengikuti rombongan Malaysia ke Persidangan Ketua Negara Komanwel baru-baru ini.**

**Jawapan:** Brunei akan memperolehi kemerdekaan pada tahun 1983, jadi mereka sekarang dalam proses melatih pegawai-pegawai mereka dalam berbagai bidang. Kita bersetuju membantu memberikannya, atas dasar menolong jiran.

**Soalan: Jika YAB Datuk menulis kembali buku The Malay Dilemma sekarang, apakah ianya tetap sama ataupun akan mengandungi beberapa perubahan?**

**Jawapan:** Seperti yang saya terangkan di Parlimen dahulu, keadaan sudah berubah. Sewaktu saya menulis buku tersebut, kepentingan Melayu dalam sektor syarikat hanyalah 1 peratus, tapi sekarang sudah 12 peratus. Sekarang ini Pemodal Nasional Berhad (PNB) sudah dikenali dunia, walaupun pengenalaan itu secara terpaksa, terutama di London. Jadi persekitaran sudah berubah, dan setengah dari apa yang saya perkatakan dalam The Malay Dilemma sudah tidak berlaku lagi. Jadi sudah tentu akan ada perubahan jika saya menulis kembali, tetapi pada amnya idea dan falsafahnya tetap sama.

**Soalan: Ramai pemimpin mempunyai impian tersendiri terhadap negara mereka. Apa pula impian YAB Datuk terhadap Malaysia di masa depan?**

**Jawapan:** Saya ingin melihat Malaysia menjadi sebuah negara yang maju, tetapi tidak kehilangan nilai-nilai kebudayaan dan spiritual. Apa nilai-nilai kita yang baik, kita mesti kekalkan, sementara kita mengambil tempat yang sama dengan negara maju yang lain. Inilah impian saya.

Saya harap negara kita akan menjadi sebuah negara perindustrian. Mungkin ianya tidak berlaku semasa saya atau di waktu saya hidup, tetapi proses ke arah itu mestilah dicari sekarang iaitu proses meningkatkan pembangunan yang mesti dimulakan dari sekarang juga.

Wawancara

**Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad**

dengan

**CNN**

pada

**10 November 1998**

---

**CNN :** Dr. telah mendidik Anwar Ibrahim selama 16 tahun dan perhubungan Dr. dengan beliau adalah seperti bapa dengan anak. Boleh Dr. beritahu apa sebenarnya berlaku?

**Dr.M :** Saya telah mendidik beliau kerana saya berpendapat bahawa beliau adalah tokoh yang terbaik untuk mengambil alih daripada saya. Apabila saya mendapati beliau terlibat dalam kegiatan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat saya, rasa beliau tidak layak untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia.

**CNN :** Adakah ianya kerana cabaran beliau kepada persaingan politik Dr?, atau cabaran kepada polisi ekonomi Dr?. Apakah ia?.

**Dr.M :** Ianya bukan politik dan bukan ekonomi. Kedua-duanya saya boleh kawal. Pada masa dikenakan kawalan mata wang beliau masih di dalam kerajaan. Oleh itu ia bukan masalah. Dari segi politik saya tidak bimbang sebab parti menyokong kuat saya. Isu moralah sebab kita tidak dapat menerima beliau sebagai pemimpin di Malaysia.

**CNN :** Oleh kerana Dr. berkata Anwar tidak layak adakah beliau akan dapat pembicaraan yang adil di Malaysia?

**Dr.M :** Di Malaysia pembicaraan adalah adil. Parti kerajaan yang memerintah pernah diisytiharkan haram oleh mahkamah. Pegawai kerajaan pernah dibicara dan dihukum salah. Seorang telah dihukum mati. Oleh itu tidak ada asas untuk menyatakan mahkamah di Malaysia memihak kepada kerajaan. Ia adalah adil kepada sesiapa dan saya percaya Anwar akan dapat pembicaraan yang adil.

**CNN :** Kami ada dengar bahawa orang ramai tidak dibenarkan membincangkan isu Anwar. Kami ingin menanyakan soalan ini?

**Kami ada dengar bahawa penyiasatan ke atas Anwar telah dimulakan enam tahun yang lalu. Oleh itu tuan tentu telah diberitahu berkenaan salahlaku Anwar?**

**Dr.M :** Benar, saya telah diberitahu oleh bekas Ketua Polis Negara di dalam tahun 1993 tetapi saya tidak percaya. Tahun lepas saya ada menerima surat berkenaan salah laku tetapi saya tidak percaya. Saya tidak percaya kerana timbalan saya adalah seorang yang kuat agama.

**CNN :** Nama tuan ada dalam senarai saksi. Adakah tuan akan dipanggil untuk memberi keterangan?

**Dr.M :** Saya tidak dipanggil tetapi sekiranya perlu saya akan memberi keterangan.

**CNN :** Kami ingin bertanya berkenaan tuduhan tindakan polis ke atas Anwar. Kami difahamkan laporan siasatan telah diserahkan kepada Peguam Negara. Adakah tuan telah ketahui laporan tersebut?

**Dr.M :** Untuk makluman tuan Peguam Negara belum memberitahu saya.

**CNN :** Adakah laporan tersebut sudah siap?

**Dr.M :** Saya tidak tahu.

**CNN :** Adakah tuan fikir satu bulan siasatan mencukupi?

**Dr.M :** Saya tidak tahu.

**CNN :** Setakat sekarang tuan tidak ada timbalan, tidak ada pengganti. Bagaimana sekiranya apa terjadi kepada tuan? Siapa yang akan menggantikan tuan?

**Dr.M :** Saya percaya parti akan menentukan pemimpinnya.

**CNN :** Sekiranya Anwar didapati tidak bersalah adakah tuan sanggup mengambil beliau balik atau biar beliau membentuk parti politik sendiri?

**Dr.M :** Beliau telah membentuk parti baru dan tentunya beliau tidak akan kembali kepada UMNO.

**CNN :** Media tidak ada peluang untuk mengkritik kerajaan dengan adanya ISA. Adakah undang-undang ini perlu pada zaman ini?

**Dr.M :** Tidak ada undang-undang yang menegah media membuatkan apa yang mereka inginkan. Kalau tuan melihat kepada

media Malaysia tuan akan dapati bukan semua yang menyokong kerajaan. Akhbar seperti Asian Wall Street Journal, Herald Tribune diterbitkan di sini dan dianggap sebagai akhbar tempatan. Kita tidak pernah menyekat mereka. Undang-undang di Malaysia sentiasa dikaji tentang kesesuaiannya.

**CNN :** Adakah tuan menggunakan ISA ke atas media antarabangsa yang telah menimbulkan kemarahan tuan?

**Dr.M :** Tidak. Orang ramai bebas untuk memberi cadangan. Sekiranya kerajaan hendak menggunakan ISA kita boleh menggunakannya pada masa lampau.

**CNN :** Pembicaraan Anwar telah menarik perhatian dunia. Kritik bukan sahaja datang dari negara Barat tetapi juga dari Negara Asia. Adakah ini memberi kesan kepada Kerjasama Serantau?

**Dr.M :** Ia ada memberi kesan dalam jangka pendek. Apabila pembicaraan tamat dan orang ramai telah tahu siapa benar dan siapa salah isu ini akan tamat.

**CNN :** Mengapa tuan berkata demikian?

**Dr.M :** Kita percaya kepada menjalin kerjasama. Sekiranya kita mengkritik sesama kita tidak akan ke mana.

**CNN :** Bagaimana sekiranya Presiden Habibie dari Indonesia dan Presiden Estrada dari Filipina hendak berjumpa Anwar atau isteri beliau? Adakah tuan membenarkan?

**Dr.M :** Mereka tidak menyatakan mereka ingin berjumpa Anwar.

**CNN :** Tuan adalah seorang yang berterus-terang dan orang akan kutuk dan kritik tuan dan berkata tuan tidak ambil peduli apa dunia fikirkan. Adakah tuan ambil peduli?

**Dr.M :** Tentunya saya ambil peduli tetapi ada perkara yang perlu dinyatakan. Kalau kita jujur kita perlu kritik orang walaupun ia akan mendapat pelbagai komen dari orang lain.

**CNN :** Kerajaan Amerika bersama dengan tiga negara lain telah melanggar protokol Apec kerana berkata mereka tidak akan ada kunjungan hormat kepada tuan. Adakah tuan fikir ini akan memberi kesan tidak baik kepada Malaysia?

**Dr.M :** Tidak, saya tidak fikir begitu. Ia adalah mustahil untuk negara tuan rumah berjumpa ke semua 21 ketua negara. Semasa saya dijemput di Scotland saya tidak pergi dan ianya tidak memecahkan Apec.



- CNN :** Akibat serangan tuan ke atas pasaran bebas dan teori tuan bahawa ada wujud konspirasi barat untuk menjajah Asia. Adakah tuan fikir akan ada perjanjian yang kukuh dari kemuncak Apec ini?
- Dr.M :** Saya tidak fikir akan ada perjanjian yang kukuh tetapi saya yakin kita akan berbincang isu tersebut dengan lebih serius. Sekiranya semuanya setuju kita akan mendesak setiap kali berjumpa di persidangan sebagai contoh G 7.
- CNN :** Apa isu yang tuan bicarakan?
- Dr.M :** Krisis mata wang.
- CNN :** Sejak krisis Asia bermula tuan telah mengecam spekulator mata wang seperti George Soros dan Yahudi. Tidak dapat dinafikan sumbangan besar tuan kepada Malaysia. Tetapi sebagai Perdana Menteri tuan mungkin dipertanggungjawab kepada apa yang akan terjadi?
- Dr.M :** Ya, kita buat salah dan kesilapan. Kita bukan seorang yang bijak yang tidak membuat silap tetapi kesilapan kita tidak menyebabkan runtuhnya ekonomi.
- CNN :** Apa dia?
- Dr.M :** Ianya adalah penurunan mata wang oleh pedagang mata wang. Kalau ia adalah kesalahan kita perkara berlaku telah sekian lama.
- CNN :** Adakah tuan fikir Anwar juga telah memberi sumbangan kepada kejayaan Malaysia?
- Dr.M :** Sudah tentu. Beliau berada di dalam kerajaan dan beliau telah memberi perkhidmatan yang baik. Ada ketikanya saya tidak bersetuju dengan pandangan beliau contohnya beliau ingin ikut strategi IMF. Apabila kita ikutinya ia memusnahkan ekonomi Malaysia. Beliau kemudian bersetuju kita tidak ikut IMF.
- CNN :** Negara Thailand berjaya setelah mendapat bantuan IMF.
- Dr.M :** Ini adalah perkara yang kita dapat kaji dan mungkin lain orang ada pendapat lain.
- CNN :** Ada satu soalan yang bermain dipemikiran orang ramai dan ianya bersangkutan dengan Anwar. Mengapa beliau tidak diberi jaminan?
- Dr.M :** Saya telah diberitahu bahawa beliau telah mencampuri saksi dan kerja-kerja polis.

**CNN :** Sejauh mana tuan akan meletak ekonomi Malaysia ke landasannya? Adakah tuan akan membiar syarikat korporat gagal?

**Dr.M :** Kita merasakan syarikat besar korporat tidak dipunyai oleh seorang atau dua orang. Mereka dipunyai oleh seluruh negara. Kalau kita membiar syarikat korporat gagal ramai orang akan susah. LTCM gagal tetapi ramai orang menyelamat syarikat tersebut walaupun ia bukan syarikat berdaftar awam.

**CNN :** Pakar ekonomi dunia berpendapat kawalan mata wang akan memberi nafas kepada Malaysia untuk kukuhkan ekonominya. Apa pendapat tuan pandangan yang menyatakan langkah ini hanya akan membantu rakyat Malaysia yang kaya?

**Dr.M :** Mereka telah menetapkan pandangan mereka dan tidak peduli apa yang kita usahakan. Apa kita lakukan ialah untuk menolong Malaysia dan langkah ini nampak ada membantu Malaysia.

**CNN :** Seperti?

**Dr.M :** Reserve kita telah meningkat kepada US \$ 4 billion, pasaran saham berkembang. NPL bank-bank sebesar dahulu. Indeks menunjukkan jualan dan kereta meningkat. Ini adalah menunjukkan ekonomi bertambah baik.

**CNN :** Cantuman 38 bank untuk menjadi lapan bank adalah langkah pembaharuan. Adakah tuan bersedia membenar pemilikan antarabangsa bank-bank tersebut?

**Dr.M :** Malaysia membenar pemilikan antarabangsa bank-bank contohnya Standard Chartered, Citibank, Hong Kong Bank. Bank-bank ini beroperasi di seluruh Malaysia. Untuk menyatakan Malaysia tidak membenarkan pemilikan antarabangsa bank adalah tidak benar. Kita perlu bank yang dipunyai oleh orang Malaysia.

**CNN :** Berapa lama tuan akan mengawal mata wang?

**Dr.M :** Kita berharap dunia akan sedar akan keburukan manipulasi mata wang dan ianya tidak patut dibenarkan. Sehingga adanya peraturan dan kita tidak diganggu pedagang mata wang barulah kita tidak kawal mata wang kita.

**CNN :** Bila?

**Dr.M :** Masyarakat antarabangsa tidak bertindak pantas dan saya jangka dalam 3 atau 4 tahun?

**CNN :** Bagaimana krisis ekonomi memberi kesan kepada wawasan 2020?

**Dr.M :** Ia sedikit sebanyak telah memberi kesan. Kita jangka tujuh peratus perkembangan ekonomi dalam masa 30 tahun. Bagi sembilan tahun pertama kita telah mencapai lebih tujuh peratus. Kita akan memenuhi sasaran kita.

**CNN :** Dalam buku baru tuan bertajuk 'The Way Forward' tuan menekankan penting ilmu pengetahuan dan kepercayaan sendiri kepada setiap rakyat Malaysia. Adakah tuan fikir tuan patut mendapat kepercayaan daripada mereka? Adakah mereka dapat mencapai tahap itu?

**Dr.M :** Pada pendapat saya mereka telah mencapai tahap itu tetapi ada setengah yang tidak dapat memenuhi sasaran atau tidak faham.

**CNN :** Apabila Presiden Suharto jatuh tuan adalah pemimpin Asia yang lama memerintah. Berapa lama tuan bercadang berada ditampuk pemerintahan?

**Dr.M :** Saya ingin meletak jawatan secepat mungkin tetapi saya rasa bertanggungjawab agar pengganti saya dapat meneruskan apa yang saya tinggalkan. Oleh itu ia akan memakan masa bertahun kerana tahun hadapan adalah pemilihan parti.

**CNN :** Sekiranya tuan didesak untuk letak jawatan dan pergerakan reformasi mendapat pengaruh adakah tuan akan mengadakan pilihanraya awal?

**Dr.M :** Saya tidak fikir begitu dan pergerakan reformasi melibatkan segelintir orang.

**CNN :** Adakah tuan akan kawal ia?

**Dr.M :** Kita mempunyai tahun 2000 untuk mengadakan pilihanraya. Oleh itu kita mempunyai banyak masa.

**CNN :** Tuan telah berjaya memimpin Malaysia ke abad ke-21 dengan jayanya, lebih 17 tahun sekarang. Ini adalah masa yang panjang. Apa yang tuan harap dapat dicapai?

**Dr.M :** Saya ingin melihat Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020. Untuk mencapai matlamat itu kita perlu mengambil langkah yang tepat supaya Perdana Menteri yang menggantikan saya dapat meneruskannya.

**CNN :** Apa yang tuan harap akan dikenangi?

**Dr.M :** Saya tidak kisah samada orang akan mengenangi saya atau tidak tetapi saya ingin melihat apa yang dirancang akan memperolehi kejayaan.

**CNN :** Ke semua perancangan yang telah ditetapkan setakat ini.

**Dr.M :** Ya, inilah perkara yang perlu dititik berat. Saya tidak penting "I am just passing through".

# ASEAN MINISTERIAL MEET

Merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Asean

24-25 JULY 1997  
SUBANG JAYA, MALAYSIA

OPENING CEREMONY BY  
RABLE DATO' SERI DR. MAHATHIR MO  
PRIME MINISTER OF MALAYSIA



# SUARA KECIL 16

## DARI KUBANG PASU

### Mekarlah Bunga Bangsa Untuk Suntungan Dunia

---

**A**pabila Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri keempat Malaysia beliau meneruskan dasar luar yang sedia ada tetapi dengan beberapa penekanan baru. Keutamaan dasar luar negara ialah pertama ASEAN, kedua Negara-negara Islam, ketiga Negara Berkecuali, keempat Negara Komanwel dan akhir sekali hubungan dengan negara-negara lain yang tidak termasuk dalam mana-mana pertubuhan.

Dr. Mahathir mengamalkan dasar luar yang jauh lebih aktif dan bebas. Ketegasan dan kelantangan beliau dalam menyuarakan dasar luar.

Malaysia mewujudkan suasana pro dan kontra di kalangan negara barat. Yang nyata Dr. Mahathir telah mampu membuka mata negara-negara tersebut meskipun Malaysia adalah sebuah negara kecil. Ia tetap mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama seperti negara lain yang menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Bagi Dr. Mahathir walaupun Malaysia merupakan negara yang kecil namun ianya tetap memperjuangkan sesuatu yang difikirkan perlu dan adil jauh daripada anti Barat atau anti Amerika. Malaysia mahu berbaik

dengan semua negara dunia. Harga persahabatan itu ialah atas dasar persahabatan dan hormat-menghormati.

Pemimpin-pemimpin seperti Nehru, Sukarno, Tito, Nasser, Nyerere, Kaunda amat lantang dalam menuntut keadilan di dalam politik antarabangsa. Kini Dr. Mahathir dengan keberaniannya telah diiktiraf sebagai jurucakap dan pemimpin dikalangan negara-negara membangun dan dunia ketiga. Sungguhpun Malaysia adalah sebuah negara yang kecil, ini tidak menghalang Dr. Mahathir daripada mendedahkan hipokrasi negara-negara maju serta



Perang saudara di Afghanistan



mempertahankan kepentingan dunia ketiga. Dr. Mahathir dengan sikap yang berani dan berterus terang amat mencabar dan mencemuh tindak-tanduk negara-negara maju ke atas negara-negara membangun dan dunia ketiga.

Kini Dr. Mahathir bukan sahaja muncul sebagai arkitek kecemerlangan bangsa, agama dan negara bahkan perjuangan dan suaranya, terus menggegarkan arena antarabangsa demi kesejahteraan manusia sejagat (Zakaria Wahab, 1995).

Dr. Mahathir dengan lantang menjuarai isu-isu dunia ketiga seperti penindasan yang dilakukan terhadap penduduk kulit hitam di Afrika Selatan atau penderitaan yang di alami oleh orang-orang pelarian Palestin untuk perhatian kuasa-kuasa besar dengan cara berterus terang dan ada kalanya

menyakitkan telinga siapa yang mendengarnya. Kesempatan yang digunakan oleh Dr. Mahathir ialah ketika berucap diforum-forum antarabangsa terutama diperhimpunan agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kelantangan Dr. Mahathir dalam isu-isu antarabangsa memang dapat di kesan sejak pertama kali berucap pada tahun 1982. Dalam ucapan sulung beliau sebagai ketua kerajaan Malaysia beliau telah menimbulkan soal peranan Bangsa-Bangsa Bersatu. Soal Kampuchea, Pakistan, Afghanistan, apartheid, penyalahgunaan najis dadah, kepura-puraan dunia maju dan kuasa besar serta Antartika dalam ucapan kedua pada tahun 1984 selain dari membangkitkan isu-isu yang sama beliau mempertahankan kebangkitan Islam yang jelas ditakuti oleh negara-

negara Barat, berpunca dari salah faham tentang fundamental dan pelampau Islam, menimbulkan kegagalan dunia maju memenuhi komitmen ekonomi antarabangsanya. Dalam ucapan pada tahun 1986 dan tahun 1988 persoalan yang sama berkait dengan Kampuchea, Afghanistan, apartheid, bahaya nuklear, najis dadah serta Antartika telah ditimbulkan sekali lagi kerana masih belum diselesaikan seperti yang beliau ingini. Ada baiknya pendirian Dr.

Nelson Mandela



Perang saudara di Kampuchea





Mahathir tentang isu-isu utama antarabangsa kita teropongi satu persatu untuk melihat betapa konsisten Dr. Mahathir dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara dunia ketiga dalam konteks perebutan kuasa dan pengaruh dalam politik antarabangsa yang sentiasa bergolak (Chamil Wariya, 1989).


Dalam persidangan antarabangsa perwakilan Malaysia tidak lagi sekadar menjadi peserta tetapi telah diberi peluang untuk duduk di barisan depan mengendalikan persidangan. Juga Malaysia melalui Dr. Mahathir mengamobil inisiatif untuk menyelesaikan masalah secara aktif. Malaysia menghulur kepada PBB bantuan dalam menjaga keamanan dan menyelesaikan perbalahan antara 2 unit politik dalam politik dunia. Apabila diminta mengirim

askar-askarnya untuk menyertai pasukan pengawasan PBB menyelia gencatan senjata antara Iran dan Iraq pada tahun 1988 Malaysia tidak membantah.

Pelbagai penghormatan diberikan kepada Malaysia sebagai pengiktirafan kepada Dr. Mahathir sebagai pemimpin dunia ketiga dalam acara antarabangsa. Kejayaan memimpin pertubuhan-pertubuhan penting antarabangsa adalah bukti pengusahaan Malaysia sebagai jurucakap negara dunia ketiga dalam forum-forum penting dunia. Pada tahun 1987 Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Presiden bagi Persidangan Penyalah-gunaan dan Pengedaran Haram Dadah Antarabangsa (ICDAIT) dalam mesyuarat yang berlangsung di Geneva, Switzerland. Bagi penggal dua tahun 1989/1990 Malaysia telah menjadi pengerusi Kumpu-

lan 77 dan tuan rumah bagi Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendamai Pertubuhan Negara-Negara Islam bagi krisis perang Iran-Iraq.

Beberapa individu dari Malaysia telah dipilih menjawat beberapa jawatan penting: Datuk Seri Anwar Ibrahim, Pengerusi Unesco, Datuk Dr. Siti Zaharah dan Hajah Aiman Kuntom (wakil dalam Suruhanjaya mengenai status wanita PBB). Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Persidangan Antarabangsa mengenai Pelarian Indo China 1989 (Hasan Hj. Hamzah, 1990).



Menerima Anugerah Worshipful  
Company of Carpenters, London,  
1989



# Bakti 17 Gemilang Jasa Dijulang Pengiktirafan Antarabangsa



Bersama Presiden Bosnia Alja Izetbegovic

**K**alau dahulu kita keluar negeri nama Malaysia tidak pernah didengar dan gambaran di mana letaknya Malaysia tidak diketahui oleh kebanyakan penduduk dunia. Dahulu kita perlu memberitahu bahawa Malaysia terletak di selatan Bangkok dan ke utara Singapura.

(Kini Malaysia menjadi terkenal kerana kepopulariti Dr. Mahathir. Kepetahan, kelantangan dan kebernasan menyuarakan ketidakadilan politik, ekonomi dan pelbagai aspek negara maju telah menjulang nama beliau di forum antarabangsa. Dr. Mahathir adalah satu-satunya pemimpin negara yang

menerima pengiktirafan bertaraf global dari banyak negara dunia.

Di atas sumbang bakti dan jasa-jasa beliau dan kesungguhannya memberi sokongan kepada perjuangan rakyat Islam Bosnia beliau telah dianugerahkan 'The Dragon of Bosnia' iaitu anugerah tertinggi negara Bosnia



MAHATHIR



Sultan Hasanah Bolkiyah

Anugerah Antarabangsa King Faisal



dari Alija Izetbegovic, Presiden Bosnia di  
Presidency pada 19 April 1996. Ke-  
sungguhan Malaysia membantu Bosnia  
dan keikhlasan rakyat Malaysia dari  
semua bangsa dan agama membantu  
dan meringankan penderitaan rakyat Is-  
lam Bosnia menerusi derma yang  
disalurkan. Malaysia adalah di antara  
negara dunia yang menerima banyak  
rakyat Islam Bosnia untuk menetap  
sementara selain menerima pelajar-  
pelajar negara itu untuk melanjutkan  
pangajian di institusi pengajian tinggi di  
negara ini.

Dr. Mahathir dikenali sebagai  
pejuang dunia Islam dan beliau banyak  
menerima pengiktirafan dari negara-  
negara Islam. Pada 22 Mac 1997 Dr.  
Mahathir menerima anugerah tertinggi  
"Anugerah Antarabangsa King Faisal"  
kerana perkhidmatan kepada Islam

daripada Putera Sultan, Timbalan  
Perdana Menteri Kedua Saudi Arabia di  
Alkoza Centre di Riyadh. Anugerah  
tersebut adalah satu lambang kebanggaan  
merupakan medal emas 22 karat dan  
beratnya 200 gm) Beliau adalah pemim-  
pin kedua dari Malaysia selepas Almar-  
hum Tunku Abdul Rahman yang pernah  
menerima anugerah yang sama pada  
tahun 1983. Anugerah ini mula  
diperkenalkan pada tahun 1979 dan Dr.  
Mahathir adalah tokoh dunia yang ke-19  
menerima anugerah ini. Selain daripada  
Arab Saudi negara Arab lain seperti Ku-  
wait dan Bahrain juga mengiktiraf  
sumbangan dan jasa-jasa Dr. Mahathir.  
Kerajaan Kuwait telah menganu-  
gerahkan anugerah tertinggi Kuwait  
'Mubarak Al-Kabir'. Kerajaan Bahrain  
menganugerahkan anugerah tertinggi  
Bahrain 'Ahmad Al-Falah'. India juga






Anugerah Atsumi

Bersama Presiden Suharto, Indonesia

Anugerah Jawaharlal Nehru



telah menganugerahkan 'Anugerah Jawaharlal Nehru Bagi Kefahaman Antarabangsa' pada tahun 1996.)

(Dr. Mahathir turut menerima bintang kebesaran Lubnan 'Wisha al-Akhbar' (Grand Condor of Lebanon) dari Rafie Hariri. Dr. Mahathir adalah pemimpin negara asing pertama terima darjah kebesaran tersebut. Dr. Mahathir adalah penerima ketiga selepas Nabih Berri, Presiden Parlimen Lebanon yang dianugerahkan oleh Elyas Hariri, Presiden Lubnan.

Presiden Aylwin dari Chile telah menganugerahkan kepada Dr. Mahathir 'Order Merit of Chile and Grand Cross pada tahun 1991.) Pada (tahun 1987 Dr. Mahathir telah menerima anugerah 'Bintang Mahaputra Adipurna' dari Presiden Suharto.) Royal College of Surgeons Ireland telah

menganugerah fellowship kehormatan kepada Dr. Mahathir. Pada tahun 1996 Dr. Mahathir telah menerima skrol 'Gold Medallion' dan fellowship kehormatan sempena Kongress Perubatan Malaysia-Singapura yang ke-13.) Raja Perlis telah mengurniakan Darjah Kerabat Syed Putra kepada Dr. Mahathir sempena ulangtahun ke-50 pemerintahan baginda di Istana Arau. Sultan Hassanul Bolkiah telah menganugerahkan bintang kebesaran Negara Brunei Darusalam 'Darjah Kerabat Laila Utama Amat Dihormati D. K. kepada Dr. Mahathir.

(Dr. Mahathir telah menerima ijazah doktor kehormatan dari Prof. Ahmad Omar Hashim, Presiden Universiti Al-Azhar pada 11 Mei 1998.) Presiden Hassan Aptidon dari Djibouti telah memberi anugerah 'Comandeur de La Grande Etoile' kepada Dr. Mahathir.) Dr.

Mahathir telah menerima anugerah IFAWPCA-Atsumi daripada Itsuko, balu pengasas anugerah.)




Honorary Fellowship of the International College of Surgeons  
Hubungan baik dengan Chile







Presiden Bill Clinton, Amerika Syarikat



Margaret Thatcher, bekas Perdana Menteri Britain

Margaret Thatcher bekas Perdana Menteri Britain dalam biografinya yang berjudul 'The Downing Street Years' halaman 502.

*"Akhirnya saya mempunyai hubungan yang baik dengan Dr. Mahathir dan semakin mengagumi dan menghormati beliau. Beliau adalah seorang yang tegas, bijak dan praktikal".*

Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton berkata kepada wartawan di Washington pada 7 Mei, 1995 selepas pertemuan dengan Dr. Mahathir yang dirancang 45 minit berakhir menjadi 1 jam 20 minit.

*"Saya amat kagum dengan kepimpinan Dr. Mahathir dan saya kagum dengan pencapaian negaranya yang sukar dipercayai di bawah kepimpinan beliau sejak beberapa tahun yang lepas".*

Francois Mitterand, bekas Presiden Perancis sewaktu mengalu-alukan kunjungan Dr. Mahathir ke Paris pada 7 Julai, 1995.

*"Dr. Mahathir telah menyemai satu etika kerja yang telah membantu Malaysia mencapai tahap kemajuan yang sedia ada. Saya berasa kagum dengan pencapaian itu."*

Penghargaan Al Malek Hussein, Raja Jordan sewaktu menganugerahkan darjah tertinggi Jordan, 'Darjah Pembaharuan Kelas Pertama' kepada Dr. Mahathir semasa melawat Amman.

*"Saya kagum dengan pembangunan Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir sehingga membolehkan negara itu menjadi model pembangunan kepada negara-negara lain. Sesungguhnya Dr. Mahathir telah memainkan peranan penting dalam pencapaian itu. Jordan dan rakyatnya turut berbangga."*

Bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos dalam ucapan majlis jamuan makan meraikan lawatan Dr. Mahathir ke Filipina di Istana Malacanang pada 3 Februari, 1995.

*"Dr. Mahathir adalah seorang yang bermakna kepada Filipina kerana di bawah pimpinan beliau sejarah hubungan Malaysia-Filipina telah memasuki era baru."*

Thabo Mbeki, Timbalan Presiden Afrika Selatan sewaktu mengalu-alukan kunjungan Dr. Mahathir ke negara itu pada Ogos, 1995.

*"Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir bukan sekadar kawan kepada Afrika Selatan tetapi kawan yang telah diuji walaupun dalam keadaan yang sukar. Malaysia adalah pembebas bumi dari apartheid. Kerana itu, Malaysia senantiasa di hati kami. Kami mahu Malaysia bukan sahaja menjadi rakan dagang utama Afrika Selatan di benua Afrika, tetapi juga rakan dagang terpenting di hemisfera selatan."*

Bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos



*"Selain daripada Lee Kuan Yew dan Deng Xiaoping hanya Dr. Mahathir merupakan Pemimpin Asia yang agung dan berkaliber tinggi."*

- Majalah Times, 9 Disember, 1996.



Bersama Presiden Nelson Mandela, Afrika Selatan

*"Saya berurusan dengan Dr. Mahathir lebih banyak dengan beliau dalam masa 9 tahun daripada 3 Perdana Menteri lain dalam masa 21 tahun."*

- Lee Kuan Yew, bekas Perdana Menteri Singapura.

Bekas Perdana Menteri Pakistan, Benazir Bhutto memberitahu wartawan MASSA, Sukhvinder Kaur dalam satu temu ramah eksklusif pada 8 Julai, 1995 di Kuala Lumpur.

*"Di bawah pimpinan Dr. Mahathir, Malaysia melalui pembangunan ekonomi yang sungguh menakjubkan, tetapi pada waktu yang sama nilai-nilai tradisi dan rohani tetap dihormati yang mendorong kepada kestabilan politik. Di bawah pimpinan beliau pembangunan ekonomi serta kemajuan politik berjaya diletakkan pada asas yang kukuh."*

Bekas Perdana Menteri Australia, Paul Keating.

*"Seperti yang anda tahu, Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang hebat dan saya menghormati kejayaannya membawa perubahan di Malaysia menerusi pendekatan tersendiri."*

Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela;

*"Kami meminta sokongan Dr. Mahathir dan rakyat Malaysia. Walau apa pun sumber mereka, saya tidak ragu-ragu mereka sanggup berkongsi dengan kami."*

Chief Emeka Anaoku;

*"Dr. Mahathir mempunyai wawasan yang penuh realisme. Ini adalah istimewa kerana ahli politik kerapnya terperangkap antara wawasan dan realisme"*



Sir Shirdath Ramphal

*"Suara lantang Dr. Mahathir dalam forum-forum antarabangsa terhadap apartheid merupakan gema yang menggegarkan dunia khususnya Afrika Selatan."*

Althaf Ghauthar

*"Dr. Mahathir memberi perhatian berat terhadap Selatan-Selatan. Gagasan kerjasama Selatan-Selatan sudah diilhamkan lama dahulu. Walaupun sudah banyak kali bersidang suruhanjaya itu hanya berjaya ditubuhkan setelah bersidang di Kuala Lumpur."*

Akhbar Merdeka

*Malaysia masih mengharapkan Dr. Mahathir setidaknya terus mempertahankan tingkat kehidupan sosial ekonomi rakyat.*

The Jakarta Post

*Keunikan demokrasi berpolitik di Malaysia disebalik gejala perkauman dan faktor seumpamanya ialah ia berjaya melaksanakan prinsip dasar demokrasi secara teratur dan mengikut jadual.*

Bersama Presiden Yasser Arafat, Palestine



*"Dr. Mahathir telah berjaya memimpin Malaysia ke abad 21 dengan jayanya selama lebih 17 tahun."*

- CNN 10 November 1998





Tan Sri Awang Had Salleh

Tan Sri Awang Had Salleh

*"Kerajaan telah melakukan banyak perubahan besar dalam bidang pendidikan negara bersesuaian dengan matlamat kerajaan hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau".*

Sasterawan Negara Dato' Abdullah Hussain

*"Bidang sastera telah mengalami gelombang perubahan yang menyaksikan taraf hidup karyawan seni menjadi lebih baik"*

Sasterawan Negara, Dato' Abdullah Hussain

Prof Jomo Sundram

*"Malaysia menjadi terkenal pada peringkat antarabangsa adalah kerana dasar luar Dr. Mahathir yang berani dan bebas daripada kuasa-kuasa asing terutamanya barat."*

Issei Nomura, Duta Jepun ke Malaysia

*"Dr. Mahathir telah berjaya menonjolkan Malaysia sebagai pusat pembangunan ekonomi serantau."*

Dato' Zakiah Hanum Abdul Hamid

*"Rahsia Dr. Mahathir bertahan lama ialah hasrat yang amat dalam untuk memajukan bangsa dan negara"*





Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh

Dato' Zakiah Hanum Abd. Hamid



Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh

*"Dr. Mahathir bukan setakat mempunyai visi dan idea-idea baru tetapi berani menterjemahkan idea-idea yang dianggap sebagai mimpi untuk dijadikan kenyataan".*

Prof Dr Firdaus Abdullah

*"Dr. Mahathir telah mengharumkan namanya sebagai seorang tokoh yang berpandangan jauh"*



# MAHATHIR

19

## Yang Saya Kenali

**DATO' HJ. KHALID HJ. ABDULLAH** (TOKOH UMNO VETERAN)

### MENGENALI DR. MAHATHIR: BEBERAPA CATATAN YANG MENARIK

Menulis mengenai seorang pemimpin besar yang masih hidup sudah tentu akan menimbulkan berbagai tanggapan terutama kepada mereka yang telah mengunci fikirannya (preconceive mind) dalam sesuatu perkara. Oleh itu saya sekadar menulis beberapa fakta yang telah berlaku dan menyelitkan pandangan saya untuk ditakwilkan dari sudut pandangan masing-masing yang mempunyai fikiran yang terbuka.

#### TAHUN 1967

Kerajaan Kedah dan parti yang memerintah pada ketika itu menghadapi masalah Majlis Bandaran Alor Setar dimana keadaan sampah dan najis disekitar bandar Alor Setar telah menimbulkan rungutan orang ramai yang semakin lantang dan merunsingkan.



Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatan Kuasa Perikatan Bandaran Alor Setar bagi mengatasi masalah ini. Setelah beberapa kali berbincang beliau mencadangkan supaya sistem angkat najis secara lama digantikan dengan Sistem Kontrak dan buruh Bandaran yang mana sesuai diserapkan oleh kontraktor. Keputusan ini telah menimbulkan bantahan yang keras daripada buruh Bandaran hingga mereka bertindak membuang najis dimerata-rata tempat. Ekoran dari itu pergaduhan pula timbul antara buruh Bandaran dengan buruh Kontrak yang mana pasukan keselamatan terpaksa dipanggil untuk mengatasi keadaan, pihak atasan pula merasa kurang senang dengan situasi tersebut sambil menempekak dengan kata-kata yang sinis tetapi beliau tetap dengan keputusannya. Hingga beberapa minggu keadaan kembali tenang dan sistem kontrak pun berjalan dengan baik. (Contoh ini membuktikan ketegasan beliau dalam melaksanakan sesuatu keputusan).

#### TAHUN 1993.

Waktu saya melawat Jerman disatu Majlis Makan Malam, saya duduk disebelah Encik Schwan Housser, Pengerusi sebuah syarikat Jerman yang telah ditubuhkan 400 tahun yang lalu. Syarikat ini membuat ballpen dan kosmetik jenama di seluruh Dunia. Beliau menceritakan pada mulanya menganggap hukuman mati ke atas pengedar dadah adalah satu hukuman Barbarian

(negara yang tidak bertamadun) sepertimana anggapan Dunia Barat. Hinggalah pada satu ketika anak lelakinya yang tunggal berumur 22 tahun telah ditawarkan biasiswa pertukaran penuntut ke Amerika Syarikat. Beliau menceritakan dengan linangan air mata selepas 6 bulan anaknya pergi ke Amerika Syarikat beliau mendapati anak lelakinya yang tunggal yang diharap dapat menggantikannya itu telah terjebak dengan dadah. Waktu beliau melawat anaknya itu didapati sudah terlewat, anaknya sendiri memberitahu beliau yang ia sudah tidak berguna lagi. Akhirnya anaknya itu mati di Amerika Syarikat akibat dadah. Sejak itu beliau amat menghormati Dr. Mahathir kerana pandangan yang jauh bertekad untuk menyelamatkan Negara dan rakyatnya daripada dadah.

#### PATRIOTIK, IMAN DAN BERANI.

Waktu beliau ditanya, "Bagaimana rasanya waktu beliau dibawa ke bilik bedah untuk mengubati jantungnya?". Beliau menjawab, "Saya fikir saya tiada lagi dan berwasiat dimana beliau hendak disemadikan dan beliau hanya berserah kepada Allah S.W.T. Sebelum itu katanya, "Saya bertanya kepada doktor, bolehkah doktor melakukan pembedahan ini?. Doktor itu kata, "Boleh". Lantas beliau berkata, "Kalau boleh buatlah".

Walaupun beliau mempunyai kemudahan pakar seluruh Dunia tetapi beliau memilih pakar tempatan dan dilakukan dalam



Negara sendiri.

Dengan keyakinan itu beliau berhasrat mewujudkan segala kemudahan seperti itu kepada umum maka lahirlah (I.J.N) Institut Jantung Negara yang dapat menyelamatkan ribuan pesakit jantung dan menjimatkan jutaan ringgit daripada mengalir keluar Negara.

#### **PEKERTI YANG LUHUR.**

Umum mengetahui tentang perbezaan politik di antara beliau dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj namun begitu sewaktu Tunku mangkat beliau mengarahkan supaya diberi penghormatan Negara dan beliau menziarahi Tunku hingga selesai dimakamkan.

#### **SPEKULASI PERDAGANGAN WANG.**

Pada pertengahan tahun 1997, beliau sekali lagi mengemparkan Dunia dengan mencadangkan kawalan ke atas spekulasi mata wang. Beliau dituduh nyanyuk dan mustahil, biar apa pun yang diperkatakan beliau terus mempelupuri cadangan ini hinggalah beberapa negara lain turut menerima pada spekulasi tersebut barulah mereka sedar. Sekarang ini hampir seluruh Dunia bersetuju atas kawalan tersebut, hanya caranya agak berbeza. Haruslah diingatkan kawalan kewangan yang diamalkan sekarang adalah satu sistem lama (orthodox) yang mana dengan mudah pedagang mata wang dapat melumpuhkan ekonomi sesebuah

Negara, terutama Negara kecil dengan itu Negara kecil akan terdedah kepada penjajahan cara baru. Manakala kebanyakan peniaga mata wang ini adalah terdiri daripada orang Yahudi.

Jika sistem kawalan dapat dilaksanakan, ia akan bererti terhapusnya sistem lama yang menjadikan puak pedagang hidup dengan mewah manakala mangsanya akan hidup merempat dibawah telunjuk mereka, sama seperti ceti-ceti menghisap darah petani dan peladang disatu masa dahulu.

#### **KESIMPULAN**

Sejak dulu sikapnya masih kekal dengan yakin penuh kepada diri, mendahului kepentingan Negara, tabah dan kuat bekerja.


Kerap kali manusia itu lebih cenderung kepada mengkritik untuk menampilkan keintelektualnya dalam masa yang sama pengkritik yang menyembunyikan hakikat adalah satu penipuan kepada intelektualisme sejagat.

Biar apa pun jasanya kepada Negara dan Dunia beliau bukanlah manusia yang Ma'sum yang tidak pernah melakukan kesalahan dan kesilapan sebab itu Allah S.W.T. berfirman dalam surah Hud, ayat 114 yang bermaksud, "Sesungguhnya amal kebajikan itu menghapuskan kejahatan".

## SENATOR DATO' ZAINUDDIN MAIDIN

---

"Dr. Mahathir tidak menampilkan dirinya sebagai seorang Ghandhi yang berpakaian sederhana sebaliknya berkereta besar di tempat-tempat masyarakat Alor Setar yang masih mundur. Sikap beliau yang anti-kolonial dan peka akan wacana sosialis pada tahap awal tidak pula menjadikan beliau seorang mempunyai retorik seperti Sukarno sebaliknya memperlihatkan kecenderungan lebih mirip kepada unsur-unsur golongan perdagangan barat dan kuasa barat. Bagaimana dapat dihuraikan peralihan yang dilalui oleh seorang yang pada mulanya dianggap nasionalis Melayu yang ultra. (Zainuddin Maidin, 1994).



# MAHATHIR

---

## Yang Saya Kenali

---



### DATO' AHMAD NORDIN MOHD ZAIN

---

#### DR. MAHATHIR MOHAMAD - PEMIMPIN YANG LAHIR DARI KEHENDAK MASA

Pada kami yang sedarjah dengannya di Sultan Abdul Hamid College sebelum Perang Dunia kedua, Mahathir tidak pernah menunjukkan sebarang sifat kepimpinan, sebaliknya apa yang ketara ialah perwatakan seorang yang pemalu dan pendiam tetapi serius dan sangat rajin membaca. Beliau tidak gemar bermain permainan padang seperti budak-budak lain, jauh sekali dari memasuki pergerakan pengakap yang tidak diminati.

"Tidak banyak teman - teman yang rapat dengannya, berkata Ku Bahador bin Ku Baharum yang telah bersama beliau sejak Darjah V. Dia bukan seorang yang mau berebut - rebut supaya disukai ramai, dan tidak pula menunjuk - nunjukkan kecerdasan otaknya yang lebih dari kebanyakan," katanya lagi.

"Dalam kelas Pak Rashid kalau ada sesuatu soalan yang tak boleh dijawab oleh orang lain, kepada Mahathirlah dia akan tunjuk seolah - olah dia tahu dia akan dapat jawapan yang betul daripadanya."

Berkata pula seorang bekas guru, Dato' J.F. Augustin, "He was particularly good in English, but not much in games. His father had a well - stocked library with books, journals and newspapers. He well understood the special importance of English, so he made sure his children make good use of the library."

Kerana keahliannya dalam bahasa itu, Mahathir sukar ditentangi dalam majlis - majlis perbahasan yang akan diadakan oleh Persatuan Sastera dan Bahas ( Literary and Debating Society) dari satu masa ke satu masa. Dalam tahun 1945/46, beliau dipilih menjadi pengerusi Persatuan tersebut di samping bertugas sebagai Penyunting majalah Kolej, DARULAMAN.

Seperti kata pepatah: 'Tuah ayam di kakinya; tuah manusia siapa yang tahu?' Demikianlah halnya dengan Mahathir. Apabila perang tamat dan kami semua terpaksa balik ke sekolah kerana menghabiskan pelajaran yang terganggu selama empat

tahun barulah ternampak sifat kepimpinan yang terpendam selama ini serta semangat kebangsaan yang kian meningkat.

Kisah Mahathir bersama beberapa orang temannya mengambil inisiatif berjuang menentang Malayan Union dengana berceramah dan menampal-nampalkan poster di tengah-tengah malam sudah diketahui ramai, tetapi yang mungkin menjadi tanda tanya ialah bagaimana beliau boleh bertukar dari seorang pendiam dan pemalu serta tidak menunjukkan sifat kepimpinan sebelum perang kepada seorang pemimpin belia yang gigih dengan penuh kesedaran politik sehingga sanggup menghadapi risiko yang ketika itu boleh menghancurkan segala cita-cita masa depannya? Apakah yang telah berlaku dalam hidupnya sehingga membawa kepada perubahan ini?

Pada hemat saya Mahathir merupakan seorang pemimpin yang lahir dari kehendak ketika dan keadaan. Dalam sejarah manusia terdapat bermacam pemimpin - ada orang yang mula dengan cita-cita yang begitu tinggi sekali dan akhirnya setelah berusaha dengan berbagai muslihat berjaya lah dia menduduki tempat yang dihayati; ada pula orang yang dipaksa oleh keadaan memberi kepimpinan yang diperlukan, maka diterimalah tanggungjawab itu dengan penuh kesedaran dan kesanggupan. Mahathir adalah seorang pemimpin dari jenis kedua, dan ini terbukti dari apa yang berlaku sesudah perang dan dalam

pergolakan pergolakan politik sejak itu sehinggalah kepada saat beliau dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri dalam tahun 1975.

Kedadaan-keadaan di sekitar perang, lebih-lebih lagi kemenangan Jepun di atas bangsa kulit putih yang semasa itu di anggap salah satu yang terkuat di dunia itulah yang membawa perubahan dalam jiwanya. Sebelum perang, kecuali Parti Komunis Malaya yang bergerak di kalangan masyarakat Cina dan Kesatuan Melayu Muda, tidaklah ada sebarang kesedaran politik di kalangan - kalangan penduduk Malaya. Yang ada ialah semangat kenegerian sempit (parochialism) yang sememangnya dipupuk oleh pemerintah kolonial British. Orang dari sesuatu negeri bermegah dengan negerinya dan memandang orang lain sebagai orang asing. Tidaklah digalakkan semangat cinta kepada Malaya sebagai tanahair kerana Inggeris bimbang kalau - kalau akan timbul kesedaran politik di kalangan rakyat yang sudah tentu akan mengancam kedudukannya di negeri ini.

Contoh kebimbangan British terhadap kemunculan sebarang kesedaran politik terbayang dari langkah yang diambil terhadap Mr. J.F. Augustin semasa itu. Berkata beliau baru - baru ini, "I had been very keen to teach History, but they gave me Geography instead. They didn't want me to teach the subject for obvious reasons. It was always an English-man who was given the subject."

Dalam suasana yang demikian tidak hairanlah jika kami tidak langsung mempunyai semangat cinta kepada tanahair. Sebagai contoh teringat saya bagaimana sukarnya Guru Besar, mendiang Capt. B. Preedy, hendak mendapatkan penuntut - penuntut darjah tinggi memasuki sebarang pasukan pertahanan awam yang telah ditubuhkan menjelang pecah perang. Puas diserunya dengan berbagai kata semangat kata yang tidak mempunyai erti kepada kami. Bagaimana pun akhirnya ramailah di antara kami yang masuk berkhidmat (saya sendiri sebagai 'Telephone Messenger'), bukanlah kerana telah naik semangat berkobar - kobar tetapi ialah kerana seronok beramai dalam berbagai kegiatan yang diadakan .

Seperti dikatakan tadi, Mahathir seorang yang sangat gemar membaca, suatu tabiat yang diasuh oleh bapanya sejak kecil. Di antara buku - buku yang terdapat dalam perpustakaan bapanya banyak yang berkenaan politik kerana, seperti kata abangnya Mashahor baru-baru ini, bapa mereka sungguh pun seorang pegawai kerajaan namun mempunyai kesedaran politik dan sentiasa menyuarakan kebimbangannya terhadap nasib orang-orang Melayu di masa depan. Kerana berasal dari Pulau Pinang beliau cukup insaf akan nasib orang-orang Melayu di sana sudah habis peluang' pesanan beliau selalu, kata Mashahor.

Dalam masa Jepun banyak di antara kami yang terpaksa belajar bahasa itu kerana tidak ada jalan lain untuk mendapatkan



kerja bagi menampung hidup yang serba susah, tetapi Mahathir tidak ikut sama mungkin kerana beliau tidak sukakan bangsa yang telah menakluk negerinya ataupun tidak yakin yang mereka boleh memerintah lama. Sebaliknya, seperti yang diketahui, beliau berniaga di Pekan Rabu dan dalam masa lapang terus membaca. Sebuah buku yang sangat digemarinya berjudul *Malaysia*, dikarang oleh Rupert Emerson, seorang bangsa Amerika dalam tahun 1937.

Buku ini dikedam hebat oleh pemerintah kolonial British kerana Emerson telah mendedahkan dasar British yang memeras segala kekayaan negeri ini untuk keuntungan kaum pemodal di London, tanpa memperdulikan kepentingan rakyat terutama sekali orang-orang Melayu yang dikatakan mempunyai nasib yang buruk di masa depan. Di antara pengkritik yang kuat ialah Swettenham yang mensifatkan pengarangnya sebagai 'barbarous'.

Saya masih ingat manakala kami balik ke sekolah dalam tahun 1945/46, buku itu diedarkan kepada beberapa orang temannya untuk dibaca. Itulah kali pertama kami melihat buku seumpama itu mengandungi pendapat dan pandangan yang baru lagi menyegarkan, jauh berbeza dengan apa yang pernah kami membaca selama ini. Lanya merupakan pengajar politik utama kepada kami yang sungguh pun telah terisi dada dengan sedikit sebanyak 'seisyin' (semangat) yang dipelajari dari Jepun akan

tetapi masih jahil dengan tindak tanduk terhadap British yang licin dan halus itu. Maka bertambah - tambahlah naik benci kami terhadap British, lebihlebi lagi kerana tipu belitnya hendak memaksakan Malayan Union yang kami percaya akan menghapus sama sekali keperibadian dan hak-hak orang Melayu di negerinya sendiri.

Mengikuti cerita Khalid Osman (sekarang Tan Sri, telah bersara dari politik aktif tetapi akan muncul sebagai seorang saudagar perkapalan, di antara lain - lain), Mahathir mengetahui sekumpulan pemuda-pemuda yang dipilih dari Sultan Abdul Hamid College dan sekolah Ma'had Mahmud. Penyatuan tenaga dan semangat dari dua aliran ini adalah hasil usaha Sheikh Abdul Halim Osman (sekarang Dato' yang sudah bersara, tinggal di Petaling Jaya) kerana beliau adalah Guru Besar Ma'had di samping menjadi guru agama di Kolej. "Kami diajar lagu-lagu bersemangat dan dilatih bersyarah. Pakaian seragam kami ialah seluar panjang dan baju putih dengan bersongkok hitam. Kami juga diajar berkawad."

Di antara kegiatan-kegiatan pemuda-pemuda ini ialah memberi ceramah di sana sini dan menampal poster anti Malayan Union. Berkenaan kempen poster, menurut cerita Mashohor, yang melukis kartun dan menulis kata - katanya ialah Aziz Ahmad (beberapa tahun kemudian lulus sebagai Jurutera Mekanikal di England tetapi meninggal dunia dua tahun lalu

semasa berkhidmat dengan PETRONAS). Mahathirlah yang banyak memberi idea berkenaan slogan-slogan yang hendak digunakan. Kedua orang tuanya memberi sepenuh sokongan kepadanya.

Berkata Mashohor, "Emak masak kanji buat pelekat, dan bapa tahu apa yang pemuda-pemuda itu duduk buat rumah kosong belakang kilang ais dekat rumah kami". Mengikut cerita seorang lain, Pak Mat Iskandar (nama yang dikenali Allahyarham bapa Mahathir) pun tidak ketinggalan dalam kempen menentang sebab-sebab orang Melayu tidak boleh menerimanya.

Apabila UMNO di bawah pimpinan Dato Onn telah dapat menggembelingkan segenap tenaga bangsa Melayu untuk menentang Malayan Union, Mahathir pun mengundur diri dari pergerakan pemuda, apatah pula kerana terpaksa bersedia untuk memasuki Kolej Perubatan di Singapura, tetapi seperti yang diketahui, beliau terus bergiat dengan menulis kepada akhbar-akhbar tempatan dengan nama samaran "C.H.E. Det" sehinggalah lulus sebagai seorang doktor. Berkata Pak Zain (Mr. Mohd Zain Abd. Rashid, sekarang berkhidmat sebagai Setiausaha Kerja PERKIM), Kami guru - guru pada masa itu sangat tertarik dengan buah - buah fikiran tajam yang dikeluarkan oleh Mahathir dalam karangannya, dan kami selalu membincangkan perkara - perkara yang dibangkitkan olehnya dalam 'Common Room'.

Cerita bagaimana ia dipilih untuk mengikuti kursus kedoktoran sungguh 'interesting'. Menurut Dato Augustin, "Mahathir had wanted to do law, but the late Haji Sheriff (then Secretary to Government) deided otherwise, as he did with many others before him. He decided that Mahathir should take up medicine instead."

Mungkin Mahathir berhasrat untuk berkecimpung dalam politik kerana itu beliau memilih undang - undang untuk dipelajari, tetapi Allahyarham Haji Sheriff pula mungkin membuat keputusan begitu kerana sebab - sebab dasar kerajaan pada masa itu. Bagaimana pun keputusan menghantar Mahathir ke Singapura untuk menuntut ilmu perubatan ternyata kelak sebagai suatu rahmat yang tersembunyi (A blessing in disguise). Sebagai seorang doktor muda yang bersemangat dedikasi, dia lekas menjadi seorang yang popular dan dihormati ramai lebih - lebih lagi apabila dia membuka keliniknya sendiri di Pekan Melayu, Alor Setar. Inilah satu - satu faktor yang membantunya bila beliau mencebur diri dalam politik kemudian.

Dengan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat dalam bulan Julai tahun 1981, Dr. Mahathir Mohamad bukan sahaja telah menempa sejarah bagi negeri Kedah tetapi telah memecah tradisi yang bermula dengan kemerdekaan. Beliauah orang yang pertama bukan peguam yang dipilih untuk jawatan tertinggi itu.

*Oleh : Dato Ahmad Nordin (dipetik dari majalah SAHOCA Kuala Lumpur dan Selangor 1981)*



## Mahathir bin Mohamad

By DR. JOHN AUGUSTIN

The thought that a classmate will one day become the Prime Minister never occurs to an ordinary schoolboy. That a star should rise from one's midst is so unreal that the thought is normally dismissed and it fades into the background of humdrum

school life. But in the case of Mahathir the thought has become a reality. In retrospect his rise to the highest office in the country comes as no surprise.

In recalling my impressions of Mahathir I do not think that he went out of his way to court the popularity of teachers or classmates. I think it was in his nature to shun the limelight can be judged by the fact that he was never a school prefect; but those who were close to him realised that he was thorough in all that he did. My impression of him was that he would take on a responsibility that was entrusted to him only if he could do justice to it. To that extent he was realistic. He was more 'literary' than 'gamesome'. While in the Junior Cambridge in 1941 he was the Secretary of King's House; after the War he took on the editorship of the Darulaman and became the Chairman of the Literary and Debating Society. If leadership qualities are to be seen were the two important offices he held which were pointers to the future. I was privileged and happy to serve with him as the Sub-editor. His 'leader' of the 1945 issue of the Darulaman was an amateur piece on the atomic bombing of Hiroshima and Nagasaki and was reflective in tone; it was indicative of his ability to come across strongly and clearly. As Chairman of the Literary and Debating Society he organised the debates and talks of the Society with efficiency. Although Mahathir was not an outstanding sportsman I notes with pleasure his interest and keenness in games. Although he did not make the College First Team in

Rugby, Soccer, or Hockey he was an enthusiastic stalwart in the King's House first teams. He was an ardent supporter of the College Rugby team. His interest in the game has never wavered and I believe he took it up seriously when he went on to the Medical College.

In primary school (at that time part and parcel of the College) he was already beginning to make his presence felt. We started together in January 1933 in what was then known as Primary One and then moved up to Primary Two, then Standard One up to Standard Four. Competition for the first three places in the final examinations was always keen for there were book prizes to be won and received at the Annual Speech Day. Prizes were won by rotation by four or five of us. Mahathir invariably won a prize. The competition and friendly rivalry solved itself when it was decided to give the best five students in the annual Standard Four examination a 'double' promotion, enabling Mahathir, Ooi Eng Ban, Foo Chee Keow, and myself to 'jump' to Standard Six (equivalent to the present Form Two). Ahmad Shariff declined the offer.

From then on we were competing with others in the main stream and it took us some time before we could catch up with our own studies to be a threat to the others; and so when the Pacific War broke out we were all set to go into the final year of our school life. But this was not to be. After sitting for the Junior Cambridge examination we broke up for what was to be the

longest holiday and schoolboy would ever have - three years and eight months! And the results of our examination were not known until, as usual, after the holidays.

And so we dispersed during the war years - each his own way, to fend for himself and to help with the family income, but almost all returned more men than boys. Some were married but all came back, more confident and committed to work for a better world. We returned matured and hardened by the exposure to living in a world of want and humiliation. Mahathir was no exception. I had the distinct impression, however, that he realised what had to be done in the face of the changing political situation and the fervour for Independence. He rightly decided on a career in medicine.

It is the prerogative of the young to laugh at others and at themselves. During our schooldays many were the occasions when this humour was manifest. With Mahathir it oozed rather than spluttered. He was not capable of the boisterous humour of pranksters. His was the dry humour of the intellectual which was sparked off by the comic situation rather than the slapstick. His jocular rejoinders were half in earnest but were meant to infect a laugh. In the midst of seriousness it was not unusual to see Mahathir juxtapose the ridiculous with telling effect. Perhaps the greatest impression I have of him is the total lack of airs about him. He treated everyone alike and I think he expected every one to treat him in the same manner.




# MAHATHIR

---

## Yang Saya Kenali

---



**AHMAD ARIFFIN (AFFRINI ADHAM)**

---

Antara kami berdua saling kenal-mengenal dan bertegur sapa bila sekali-sekala bertemu atau berselisih jalan. Sejak bila-bila pun baik masa tahun-tahun 30-40an dulu hinggalah kini sama saja. Tidak lebih daripada itu. Berkawan rapat apalagi jalan seiring atau bercendui-berbuntut seperti isi dengan kuku seperti

keroncong dengan belangkas. Jauh sekali. Kenalan, rakan sebaya dan kawan-kawan agak ramai. Tapi, karib dengan seseorang teman dalam pergaulan-persekolahan atau ke sana-sini ada juga seorang-dua. Tapi, tidaklah dengan beliau.

Kami sama-sama tinggal dan membesar di Seberang Perak (Alor Setar). Mahathir di rumah kelahiran dan kediamannya di Jalan Kilang Ais. Sementara, saya tinggal tidak jauh dengan sebuah perkampungan berhampiran lokasi Sekolah Melayu Lelaki Seberang Perak. Jarak antara kami kira-kira 1km.

Selain daripada Seberang Perak, saya juga tinggal di Kampung Padang (Kota Tanah) dan Kanchut diikuti kemudian di Jitra, di Baling (1939), di Sungai Petani (1940-1941) kerana perpindahan/pertukaran kerja bapa saudara saya (Jamaludin Mohd. Saleh) selaku kakitangan kerajaan jawatan perkeranian yang membela pelihara saya sejak dari kecil lagi hinggalah dewasa.

Masa pendudukan Jepun (1942-1944): Kami sama-sama berniaga di Pekan Rabu yang letaknya di Jalan Tunku Ibrahim (Alor Setar) sebelah siang hari. Saya menjual ulam-sayuran dan buah-buahan tempatan di bangsal 'C' bangunan ketika itu. Sebelah petang ke malamnya saya bekerja sebagai Ticket Collector Booking Clerks di Taman Hiburan Asia Timur Raya (Dai-Toa Yoziziyu) di Jalan Baru (Jalan Putra) Alor Setar.

Di bangsal yang sama juga. Mahathir dengan rakan-rakan niaganya Mohd. Noor Naina (Nana) dan Johari Taib (Jo) menjalankan perniagaan barangan kering daripada kraf seperti tikar, raga, bakul dan anyaman yang dihasilkan dengan pertukangan tangan datangnya daripada kampung-kampung pedalaman, sementara di luar bangunan bangsal 'C' tersebut diadakan jualan tambahan seperti goreng pisang, air halia dan kelapa. Mahathir kelihatan lebih kerap berjualan di sudut luar

tersebut. Mungkin pilihan beliau agar mudah didatangi kawan-kawan sealian beliau.

Mahathir, biasanya saya lihat berulang-alik daripada kediamannya ke Pekan Rabu dan sebaliknya dengan berjalan kaki saja, berseluar panjang dan kemeja tangan pendek warna putih, berkasut (terumpah) kayu.

Berbasikal!? Saya sekalipun tidak pernah nampak 'Dia naik gerak' (lereng) atau sepeda (ld).

Sementara, seluar-baju pakainya pula ada kesan-kesan titik tompok getah pisang juga recikan minyak masak. Tapi, dalam kelihatan kemas dan bersih.

Kekadang pernah juga beliau memegang bawa sesebuah buku berukuran nobel. Namun, membawa sekaki payung atau bertopi. Tidak pun pernah saya tengok.

1943: Masa Thai. Kedah dinamakan Saiburi. Kami masih berniaga di Pekan Rabu.

Saya dan beberapa peniaga lain diketiga-tiga bangunan bangsal panjang A, B dan C demi kepentingan 'keselamatan' secara sukarela 'bermalam' berjaga-jaga/tidur di Pekan Rabu disebabkan pada waktu jauh-jauh malam harinya banyak kali berlaku kecurian oleh askar-askar Siam (Thai) yang keluar berkeliaran melakukan kerja 'mencuri' apa saja barangan jualan yang dapat mereka 'kebas' termasuk semayang bahkan sesikat pisang (Bunga, Restali, Raja, Emas, Padang, Jari Buaya) hinggalah pisang Awak pun 'dibalas' juga.

Kejadian tersebut berlangsung hinggalah Jepun menyerah kalah dan terhenti dengan kemasukan semula ketumbuhan tentera British (Royal Sussex) di Alor Setar (1945) dan kewujudan Pentadbiran Tentera British (BMA) diperkenalkan.

Tidak lama selepas itu. Mahathir tidak saya kelihatan lagi di tapak niaga hariannya di Pekan Rabu, dengar khabarnya

beliau kembali menyambung pengajiannya di Kolej Perubatan semula di Singapura. Sementara saya kembali menganggur dua tahun kemudian (1947) disebabkan Taman Hiburan tempat saya bekerja pada sebelah malam ditutup. Dan perniagaan yang saya jalankan tidak dapat untuk diteruskan lagi.

Justeru! Kami para peniaga di sini termasuk saya. Secara mendapat kehilangan ratusan bahkan ribuan pelanggan minggu (Sabtu-Ahad) yang terdiri daripada semua golongan peringkat dan pangkat bala tentera Jepun yang ditempatkan di lapangan terbang Kepala Batas dan sekitar Jitra-Alor Setar sebelum 'menyerah kalah' tidak lagi boleh sebas-seceria yang mereka pernah nikmati untuk keluar setelah dijadikan orang tawanan perang menyebabkan kebanyakan peniaga di Pekan Rabu ikut 'gulung tikar'.

Tahun-tahun berikutnya. Bagi mengisi masa daripada terbuang cuma. Saya bukan saja mulai berjink-jinak dalam bidang penulisan dan perkumpulan sosia-budaya dan politik. Malahan saya cukup aktif membabitkan diri dengan bidang-bidang tersebut daripada akar umbi dan ke atas.

Bermula dengan menulis beberapa buah makalah hinggalah kepada lain-lain genre sastera kreatif dan non-kreatif di media massa. Di samping menjawat pekerjaan dengan lbupejabat parti siasah Pergerakan SABERKAS sebagai Jurutulis bergaji merangkap dilatih menjadi 'kader' dalam jurusan penerangan dan pentadbiran parti hinggalah ke tahun 1950.

Di SABERKAS, di sinilah saya mengenali dua orang abang-abang kepada Mahathir yang masing-masing bernama Mahadi dan Masyhor Iskandar (penulis puisi dalam majalah bulanan 'Suara SABERKAS' lidah rasmi parti). Selain daripada rakan-rakan seperjuangan dan kepimpinan SABERKAS seperti Mohd. Khir Awang Jaafar, Wan Din Hashim, Mustaffa Afifi, Hj.

Ahmad (Perai) Abdullah, Azhari Taib, Khalid Hj. Abdullah, Ahmad Mahmud (Tarzan), Wan Hanafi (Sihana), Ismail Yusuf, Ahmad Noordin Zain, Balkhis Hj. Abdullah, Norma Kamarudin, Mohd. Khir Johari, Omar Din, Cikgu Dahaban dan lain-lain lagi termasuk Ishak Hj. Mohd. (Pak Sako) dan Melan Abdullah dalam lawatan kedua-keduanya di SABERKAS. Juga seorang lagi AJ Pengurus parti yang namanya Taha Masaud.

Tahun 1951: Saya berhenti daripada SABERKAS kerana mendapat pekerjaan sebagai pekerja bergaji hari dalam kategori gaji sebanyak \$2.28 sen sehari di Bengkel Jabatan Kerjaraya (JKR) Negeri Kedah dan Perlis yang lokasinya terletak berdekatan dengan Pasar Besar Seberang Perak (Alor Setar) bersebelahan betul-betul dengan kedudukan rumah kelahiran-kediaman Mahathir di seberang jalan menghala ke persimpangan Jalan-Jalan Seberang Perak, Pekan Melayu, Jalan Pegawai.

Yang demikian, boleh dikatakan saban-saban petang hari kerja. Saya dan Mahathir saling berteguran antara kami dan berbalas senyum tatkala saya keluar daripada woksyp lepas bekerja untuk pulang.

Sudah menjadi kelaziman namanya. Mahathir pada petang-petang hari saya lihat berada di luar pagar kawasan perumahannya semacam mengambil 'angin' di situ, di mana terdapat bangku kerangka kayu usang dan rendang teduh pepokok dengan julaian dahan serta ranting mengatasi jemala sesiapa di bawahnya istirahat.

Dan kadang ada masanya saya nampak Mahathir berbual dengan tuannya kedai menjual ketul air batu (ais) iaitu Kadir Mastan namanya (kenalan saya juga). Seorang lagi bernama Babadin rakan Makar (lawak) periang dan pemuzik dari Pemuda Ria Keroncong Parti, Jalan Sungai Korok pimpinan Saudara Fakhurdin Ahmad, teman sedarjah dengan saya sama-

sama di Sekolah-sekolah Seberang Perak dan Sungai Korok Lama, di Jalan pegawai.

Tahun 1953-1956: Saya dalam UMNO dengan PERIKATAN benar-benar aktif bersama barisan kepimpinan peringkat (Cawangan, Bahagian dan Negeri) diberikan peranan penting dalam menjalankan tugas-tugas seperti ceramah penerangan, penubuhan cawangan-cawangan, wakil ke perwakilan, menyediakan fun fair mukim ke mukim, selain sebagai penggiat seni-budaya setempat dengan mana saya terlibat. Khususnya, sebagai Setiausaha Jabatan Penerangan dan Pilihanraya UMNO Kedah Utara 1955-1957 yang berpejabat di Bangunan UMNO, di No.13, Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar termasuk persiapan ke arah mencapai kemerdekaan tanah air.

Mahathir yang saya kenali. Kian hari kian jadi popular dengan perwatakan dan karismanya selaku doktor, wakil rakyat, penaung-penasihat, Pengerusi dan Yang DiPertua kepada beberapa buah organisasi atau badan-badan kebajikan-sukarela selain UMNO seperti kepada kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Pengangkutan MARA Wilayah Utara dan Dewan Perniagaan Melayu Kedah, umpamanya.

Namun begitu, selain daripada rasa hormat, sehingga ke hari ini saya tidak pernah rasa kagum dengan pencapaiannya, terhadapnnya. Begitu juga dengan sesiapa yang saya kenal sezaman dan sepejuangan dengan saya kerana keterampilan masing-masing bertolak dari akar umbi. Bukan mendadak.

Saya sekalipun tidak pernah menemui beliau dalam situasi demikian di sepanjang dekad 60-an hinggalah tahun 1970.

Pertemuan saya dengan beliau di kamar kedoktorannya di MAHA KLINIK yang terletak di Jalan Pekan Melayu (Alor Setar) dalam jangka masa kurang 10 minit duduk berhadap-hadapan

seorang demi seorang. Kalau tidak silap ingatan saya ialah pada tarikh lagi 2-3 hari sebelum menjelang hari raya puasa di penghujung tahun 1971M di mana kemudiannya saya keluar meninggalkan beliau untuk pulang ke rumah bersama dengan membawa wang sebanyak 30 ringgit daripada pemberiannya kepada saya untuk anak-anak dapat berhari raya.

Sehingga ke hari ini akan wang jumlah sebanyak yang saya suarakan ketika seawal saya berjumpa beliau pada hari tersebut setelah diberikan oleh beliau. Saya masih belum bayar atau pulangkan kepada Mahathir.

Saya sendiri tidak ingat sama ada wang itu saya suarakan sebagai pinta atau hutang atau pinjam daripada beliau. Sebab, saya memang dalam keadaan benar-benar tidak mampu dan 'terdesak' waktu itu. Cuma yang saya ingat seloroh kata dan selamba beliau ada berkata "Kalau ada, bayarlah" sebagai menjawab kata-kata saya kepada beliau "ni nak kira macam mana ni" (Ini hendak kira macam mana). Maksud saya sama ada beri, hutang atau pinjam.

Pertemuan kali kedua pada 31 Ogos 1987 setibanya Perdana Menteri ke majlis Makan Malam khusus bagi bertemu dan meraikan kontijen barisan Wira Negara peminatang gagasan Malayan Union dan pejuang kemerdekaan seluruh negara yang terpilih menyertai perarakan raksaksa Hari Kebangsaan yang ke-30 sebelah sianginya. Majlis bertempat di Restoran Bunga Raya, di Subang. Saya di antara seramai 274 yang terpilih turut mengambil bahagian dalam perarisan itu daripada Bahagian UMNO Alor Setar, Kedah.

Lain-lain Bahagian juga ada diwakili ahli-ahli veteran masing-masing. Bagi Negeri Kedah sayalah yang termuda iaitu 59 tahun termasuk Puan Hajah Kadin Hasnah Kadin Budin berbanding dengan yang lain-lain berusia 60-70 tahun dan ke

atas.

Justeru itu, sebaik Mahathir berdepan dan sebelum berjabat tangan dengan saya. Sambil beliau mencecah hujung jari tangan kanannya ke bahu kanan saya. Kata beliau "You, muda pedai (daripada) I. Macam mana depa hantar you mai (hadir sama?" gurauanya dan kami bersalaman.

"Apa?! Det lupa KPMK (Kesatuan Pemuda Melayu Kedah) kita sama-sama tenant MU (Malayan Union) (lantas saya jawab).

Kalau macam tu betulah (betulallah). Baru I ingat. Betui-betui.. Akui Mahathir mengesahkan pembabitn saya memang wajar menyertai kontijen yang diraikannya.

Pertemuan kali ketiga dan lebih daripada itu berikutnya dengan beliau seperti di Pekan Rabu, di rumah terbuka sempena Hari Raya samada di kediaman Perdana Menteri di Titi Gajah dan di Dewan Jitra termasuk di UMNO (Bangunan Tuniku) Mahathir di mana pun tidak pernah tidak barang sekalipun daripada 'mestinya' pada persoalan dan tegur janggut saya sebagai satu subjek atau semacam satu agenda pula untuk setiap kali kami berjumpa dan setiap kali pula kerana janggut itu membolehkan kami dapat berkomunikasi dalam keadaan lebih mesra dan lelucon.

Bagi saya, dengan menyimpan dan mengesalkan janggut. Ada hikmahnya juga di sebalik teguran dan perhatian Perdana Menteri bila kami bertemu. Justeru itu, tidak ada sebab bagi saya untuk tidak terus menyimpannya.

Pemutunya, begitulah saya dengan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita. Antara kami berdua saling kenal dan bertegur sapa sejak bila-bila pun bertemu atau berselisih jalan baik dulu mahupun kini sama saja. Tidak lebih daripada itu.

# Mahathir Dalam Dunia Kreatif

## PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI

Sesungguhnya tidak ada yang lebih menyayat  
dari melihat bangsaku dijajah  
Tidak ada yang lebih menyedihkan  
dari membiarkan bangsaku dihina

Air mata tiada ertinya  
sejarah silam tiada maknanya  
sekiranya bangsa tercinta terpinggir  
di persada dan dilupakan

Bukan kecil langkah wira bangsa  
para pejuang kemerdekaan  
bagi menegakkan kemuliaan  
dan darjat bangsa  
Selangkah beerti mara  
mengharung sejuta dugaan

Biarkan bertatih  
asalkan langkah itu yakin dan cermat  
bagi memastikan negara merdeka  
dan bangsa terpelihara  
Air mata sengsara  
mengiringi setiap langkah bapa-bapa kita

Tugas kita bukannya kecil  
kerana mengisi kemerdekaan,  
rupanya lebih sukar dari bermandi keringat  
dan darah menuntunya

Lagi pula apalah erti kemerdekaan  
kalau bangsaku asyik mengia dan menindakkan  
mengangguk dan membenarkan, kerana sekalipun



bangganya negara  
kerana makmur dan mewahnya,  
bangsaku masih melata  
dan meminta-minta di negaranya sendiri

Bukan kecil tugas kita  
meneruskan perjuangan kemerdekaan kita  
kerana rupanya selain memerdekakan  
mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara

Bangsaku bukan kecil hati dan jiwanya  
bukankah sejak zaman berzaman  
mereka menjadi pelaut, pengembara  
malah penakluk terkemuka  
Bukankah mereka sudah mengembangkan sayap,  
menjadi pedagang dan peniaga  
selain ulama dan ilmuwan terbilang?

Bukankah bangsaku  
pernah mengharung samudera  
menjajah dunia yang tak kenal  
Bukankah mereka pernah menjadi wira serantau  
yang tidak kenal erti takut dan kematian?

Di manakah silapnya hingga bangsaku  
berasa begitu kecil dan rendah diri?  
Apakah angkara penjajahan?

Lalu bangsaku mulai  
melupakan kegemilangan silam  
dan sejarah gemilang membina empayar?  
Tugas kita belum selesai rupanya  
bagi memartabatkan dan memuliakan bangsa  
kerana bangsa yang berjaya  
akan sentiasa dihormati

Rupanya masih jauh dan berliku jalan kita  
bukan sekadar memerdekakan dan mengisinya  
tetapi mengangkat darjat dan kemuliaan  
buat selama-lamanya

Hari ini, jalan ini pasti semakin berliku  
kerana masa depan  
belum tentu menjanjikan syurga  
kerana hanya yang cekal dan tabah  
dapat membina mercu tanda  
bagi mereka yang lemah dan mudah kecewa  
Perjuangan kita belum selesai  
bangsanya yang berjaya

**Dr. Mahathir Mohamad**

Malam Puisi Utusan IV

4 Mei 1996

Tempat : MATIC, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

# KEPADA MAHATHIR

(i)

Se kian lama hendak dikirimkan khabar ini  
khabar perantau  
bersama angin musim rontok  
dan malam yang resah.

Waktu tak membenarkan  
walau ucap selamat tinggal  
betapa berat sekali ,pilu kubawa  
meninggalkan kecintaan segala.

Demikianlah takdir telah menentukan  
rahmat Allah seluruhnya  
jalanan ini dengan segala simpang-siur  
entahlah akan berakhir di mana.

(i)

Kau yang dipertamakan, pemimpinku  
di senyummu terpeta gundah  
di matamu terlukis resah  
delapan musim yang payah.

Barangkali kau sendiri pun  
kadangkali bertanya diri  
seperti kami semua yang tak bernama  
apakah erti hidup sebenarnya  
apakah yang kulakukan ini benar sebenar-narnya  
apakah akan ada akhir pada segala awalan  
apakah ada jawapan pada segala kekelutanan

Kau tentu lebih dahulu belajar pemimpinku  
apakala ada kepastian pasti ada kesangsaan  
apakala ada soalan pasti ada jawapan  
apakala ada ketenangan pasti ada keresahan  
apakala ada ketenteraman pasti ada kekacauan  
apakala ada kekuatan pasti ada kelemahan  
apakala ada kekuasaan pasti ada kewajiban  
begitulah segala apakala dengan apakalanya.

Telah kau alami semua itu  
sampai di sini  
tegap, gagah, berani dan berisi.

(iii)

Tak ada siapa yang bisa ingkari  
tak ada siapa yang bisa menidakkan lagi  
segala yang telah kau kerjakan  
segala yang telah kau terajui  
sejarah adalah perakam yang setia .

Tapi tentu sekali tak ada usaha yang mutlak sempurna  
tentu sekali tak ada kejayaan yang paling memuaskan  
cuba tanyakan kepada siapa pun selagi ia manusia  
kesempurnaan dan kepuasan cuma hak-Nya.

(iv)

Pemimpinku, yang dipertamakan adalah kau  
adakah kejayaan seorang pemimpin  
berti: terdirinya ratusan masjid yang indah  
terbangunnya ribuan pencakar langit

terbinanya jutaan kilometer lebuah raya  
terpugar segala hutan belantara  
desa jadi kota  
kota jadi hutan batu-bata  
laut jadi darat?

Adakah kepuasan seorang pemimpin  
bererti:berapa besar pawai rakyat yang menyambutnya  
berapa bising bunyi kompang yang mengiring  
langkahnya  
berapa hebat kilauan manggar memagari jalanannya  
berapa juta bibir yang memujinya?

Dan adakah kebahagiaan seorang pemimpin  
bererti:  
tak ada tentangan pada segala fikirnya  
tak ada bantahan pada segala tindakanya  
tak ada halangan pada segala kehendaknya  
tak ada nista pada peribadinya  
tak ada musuh yang ingin mencabarnya?

(v)  
Kau pemimpinku yang dipertamakan  
lihat-lihatlah kami;rakyat tanpa wajah tanpa nama  
ada lagi gubuk di celah pohon meranti  
ada lagi sawah,padinya tak menjadi  
ada lgi kampung,bersuluh bulan mandi di perigi  
ada lagi anak ke sekolah tanpa sarapan  
ada lagi bilik darjah beratapkan langit tanpa dinding,  
tanpa kerusi.

Pemimpinku yang dicintai;bapa kami  
sering-seringlah ke mari  
tak perlu kamera TV,tak perlu rasmi -rasmi  
hanya asuhlah kami bagaimana mengatasi kelemahan

diri.

(vi)  
Kehadiran anbia,terutama Pemimpin kita  
atas kehendak-Nya  
demi nur kemanusiaan  
demi al-Haq  
demi al-Quddus  
bukankah mereka kecintaan-Nya?  
apakah jalan mereka tak ada duri sangsi  
pohon sepi dan lautan pancaroba?

(vii)  
Waktu;teman kau paling setia  
musuh kau paling durjana  
Segala gerak berwaktu  
segala tindak berwaktu  
segala kehendak berwaktu  
segala mula berwaktu  
segala akhir berwaktu

Waktumu adalah waktumu  
selagi Allah memberi restu

(viii)  
pemimpinku yang dipertamakan  
telah kaudayakan apa yang mungkin terdaya  
telah kaufikir apa yang mungkin terfikir  
telah kauadakan apa yang mungkin diadakan  
meski barangkali ada yang tercicir,ada yang gerhana  
lebih daripada itu adalah hak-Nya  
semua berlaku atas kehendak-Nya

Kuala Lumpur  
Ahmad Sebi  
Julai 1990 (Dewan Sastera,September 1990)

# MAHATHIR

Senyum Mu

Menawan seluruh benua  
dari kawasan Artic, Antartic hingga ke Khatulistiwa  
Dari si kecil anak di tengah padang pasir Sahara  
hingga ke ibu tua di Mali

Suara mu

menggegarkan menara di Bangsa-Bangsa Bersatu  
memeranjatkan peserta lena di Cancun  
merobah wajah tradisi persidangan komanwel yang utuh

langkah mu

langkah petani turun ke bendang  
langkah nelayan menuju lautan  
langkah buruh mencari sesuap pagi sesuap petang

Pena mu

menukarkan suasana geloran yang dulunya tenang  
mencengkam hati dan nadi seluruh insan  
membuat mereka terjaga dulunya lena  
membuat mereka hiba yang dulunya gembira

Dikau seorang pahlawan

tidak berbeza dengan Hang Tuah yang bersenjatakan keris  
tidak berbeza dengan Mat Kilau yang bencikan Inggeris  
zaman mereka zaman pedang jadi perhiasan  
zaman mu zaman pengetahuan alat pertarungan



# PERCAKAPAN PUI SI UNTUK MAHATHIR

---

i.

seungguhnya aku merasa terpenggil  
untuk menyuarakan suara hatiku  
di hadapannya, seorang lelaki  
yang didudukkan paling atas sekali  
memikul tanggungjawab terberat, sarat  
berserabut  
bak benang kusut  
seribu warna  
di pundaknya,  
karena lelaki itu  
adalah lelaki tersayang  
berjuta rakyat mengangkatnya

seungguhnya aku merasa terpenggil  
untuk menyuarakan suara hatiku, suara hati  
berjuta rakyat  
yang berdiri  
di kiri kanannya



saudara  
betapa pun tercabar ia  
dan lelah  
oleh pelbagai masalah  
sebagai lelaki berani, tabah hati, ia teguh  
tak goyah, berdiri  
di tengah-tengah  
berjuta manusia, tegak  
bagai tugu perkasa  
terbuka matanya, memandang lurus  
ke penjuru datangnya matahari

- di sanalah katanya  
- kita mengarah  
mencari barang terbaik  
simpanan masa depan kita yang panjang

sebab di belakang kita katanya lagi  
- buminya  
telah mula terkambus, bersalut kabut  
warna hitam dan pelan-pelan  
pada tenggelam

ii.  
hari ini lelaki tu berada  
di daerah kita  
di tengah-tengah kita,  
datang meneruskan kerjanya  
sambung menyambung  
tak putus-putus  
dan  
pada tubuhnya  
kita melihat bayangan matarantai terkukuh

terpaku, tiga  
di dinding kamar kerjanya

dan  
maafkan aku  
saudara  
karena aku cuma  
menyatakan tiga  
sebab tiga  
adalah bahasa hatiku

iii.  
ketika aku menyepikan diri  
duduk bangun  
mencari kata  
untuk terus mengisi percakapan ini  
terasa pula  
datang mengintai pelbagai hal, pelbagai persoalan  
tentang negeri kecil  
kota tua  
tak beraja ini

di sana-sini  
dinding-dinding terbuka  
di sana-sini  
tanda-tanda melampaui warna  
di sana-sini  
ada bayang, kilat mata pedang  
di sana-sini  
ada orang  
melintas, pantas  
hilang, bersembunyi  
di lorong belakang  
langkah sakitnya mata memandang

karena  
ada sesuatu  
yang  
tak kena  
ada sesuatu  
yang berdiri  
bukan lagi  
pada tempatnya


maafkan aku  
saudara  
karena memilih bahasa hatiku  
untuk menyampaikan percakapan ini  
di hadapan seorang lelaki  
pemimpin besar  
yang berani sambil mengulangi mimpinya  
tentang sebuah negara  
di mana tiada siapa  
yang papa  
setiap orang cukup makan minumannya  
cukup pakaiannya  
dan terus menikmati usia lanjut  
yang sihat

sebuah negara  
di mana setiap anak  
menikmati pelajaran  
yang secukupnya  
dan nanti  
pada waktunya  
mereka pulalah orang-orangnya  
yang mampu,berani  
mengambil alih tanggungjawab terberat  
yang diwariskan

sebenarnya besar lagi mimpinya,ia mimpikan  
sebuah negara  
yang bisa dihormati,dicontohi  
oleh setiap negara  
di dunia ini

iv.  
hari ini sedikit demi sedikit  
kita mula melihat bayangan mimpinya  
dan nanti  
segera pula  
menyaksikan kebenarannya,apa lagi  
jika berani  
mengarahkan muka,melangkah  
ke tempat  
yang ditunjukkan  
bersama mencari barang terbaik,mutiara idaman  
di bumi sana

**17 Disember , 1982**  
**Noor S.M.**



PM Lancar MEASAT 1 (13.1.96)



PM Lancar ASNITA (5.5.98)



# MAHATHIR dalam FOTO

PM Lancar MSC (26.7.96)







PM Lancar Van Rusa (16.3.96)




PM Lancar LRT (6.2.96)



PM Bersama Dato' Sanusi Junid MB Kedah (28.6.96)

PM Lancar Stadium Nasional (11.7.98)







PM Rasmi Putrajaya. (3.12.95)



PM Ketika di Kilang Proton

Dato' Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Siti Hasmah bersama Gabenor Hiramatsu ketika di Oita pada Disember, 1991.





PM - Sambutan Ulangtahun UMNO Yang ke 49





PM Rasmi Putrajaya (3.12.95)



PM Rasmi Projek Lebuhraya Utara Selatan



PM Rasmi Tecnology Park Malaysia (28.11.96)





1 OKTOBER 1996 18 P.04V1 1417

PM Rasm



PM Lancar Stadium Nasional, Kuala Lumpur ( 11.7.98)



